# Pelita BRUNEI — Hujung Minggu

ڤليتا بروني

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*


ڤتيقن تيته

**PETIKAN TITAH**

"KITA perlu ingat, bahawa perguruan adalah kerjaya paling utama, kerana dari usaha gurulah lahirnya modal insan profesional dalam pelbagai bidang". - Titah Sempena Majlis Konvokesyen Ke-9 KUPU SB bagi Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi.

مانيسڽ ايمان

**MANISNYA IMAN**

DARIPADA 'Uqbah bin 'Amir, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : "Sesungguhnya sedekah memadamkan api seksaan di dalam kubur". - Diriwayatkan oleh Imam at-Thabarani.

*Waktu Sembahyang*

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.42 | 4.52 | 6.09 | 6.31 | 12.13 | 3.22 | 6.14 | 7.23 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit


TAHUN 65 / BILANGAN 116 | 26 SEPTEMBER 2020 / 1442 صفر 8 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA


*"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".*

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.**

# Aplikasi BruHealth tambah ciri baharu




YANG Berhormat Menteri Kesihatan (tengah); Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (kiri); dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kanan) pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BERAKAS**, Khamis, 24 September. - Aplikasi BruHealth akan menambah beberapa ciri baharu, termasuk Rekod Peribadi Kesihatan Dalam Talian; Perjanjian Hospital Dalam Talian; dan Konsultasi Secara Video Dalam Talian.

Ciri-ciri baharu yang dibuat secara digital ini akan dapat membantu masyarakat di negara ini untuk mengetahui sejarah kesihatan bagi memperkesankan lagi pengurusan kesihatan masing-masing.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, dengan adanya platform seumpama ini, ia membolehkan pihak kerajaan memanfaat *big data* dan *artificial intelligence* ke arah usaha untuk membantu Kementerian Kesihatan dan pihak-pihak yang berkepentingan akan tahap juga status kesihatan warganegara dan penduduk di negara ini.

**Ke muka 3**

# COVID-19 : Tiada kes baharu dicatatkan

**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 25 September. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, setakat jam 12.00 tengah hari, bahawa tiada kes baharu disahkan, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini masih kekal sebanyak 146 kes.

Menurut Kementerian Kesihatan, hanya satu kes dilaporkan masih aktif, dengan jumlah keseluruhan kes yang sembuh adalah seramai 142 orang.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan, turut memaklumkan, bahawa seramai 431 orang masih menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 6,038 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

**Ke muka 3**

**STATISTIK TERKINI COVID-19**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Maklumat setakat 25 SEPTEMBER 2020, 12.00 Tengah Hari

| | |
|---|---|
| JUMLAH KES JANGKITAN | 146 |
| JUMLAH KEMATIAN | 3 |
| JUMLAH KES YANG SEMBUH | 142 |

**TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19**
**148**

IKUTI KAMI DI

APLIKASI MUDAH ALIH *InfoDeptBN*

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn | infodept_bn

## Berita Utama



TAMU Mingguan 1K1P, Daerah Tutong dilancarkan
**Muka 7**



CADANGAN pelaburan kesihatan dibincangkan
**Muka 8**



MAJLIS Tahlil sempena Hari Guru Ke-30
**Muka 10**




HARI Maritim Sedunia 2020 : Tingkatkan kesedaran Matlamat Pembangunan Mampan
**Muka 28**

# Mantapkan potensi Economy Digital

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Bismillaahir Rahmaanir Raheem**

**Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.**



**TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara Kali Pertama bagi Tahun 2020 pada Isnin, 3 Safar 1442 Hijrah bersamaan 21 September 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.**

**BETA** bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua dapatlah kita berkumpul di Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara Kali Pertama bagi Tahun 2020 pada hari ini.

Beta terlebih dahulu merakamkan penghargaan kepada paduka anakanda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri di atas pimpinan, khidmat bakti, tenaga dan buah fikiran yang telah disumbangkan selama menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara.

Pada kesempatan ini juga, beta ingin mengucapkan tahniah kepada semua ahli di atas pelantikan semula dan pelantikan baru dalam Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara di dalam Rancangan Kemajuan Negara.

Begitu juga, beta merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada mantan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara di atas sumbangan-sumbangan mereka yang lalu.

Perubahan jawatan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara ini adalah merupakan wadah strategik satu perubahan biasa. Ia diharapkan akan terus memikul tanggungjawab untuk mencetuskan pemikiran-pemikiran atau idea-idea besar bagi faedah kemajuan negara.

Semua mesyuarat hendaknya berasaskan kepada penelitian-penelitian yang rapi yang didukung oleh fakta-fakta yang betul dengan perbincangan pula lebih terbuka memfokus isu-isu yang relevan untuk pertumbuhan sosial ekonomi, terutama selain sektor minyak dan gas.

Sehubungan itu, beta melihat apa jua perancangan di bawah projek Rancangan Kemajuan Negara yang akan datang, khasnya Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 tidak hanya akan memberikan tumpuan kepada penyediaan atau pembinaan infrastruktur sahaja, bahkan turut lebih perlu ialah menjurus kepada projek-projek yang boleh menyumbang kepada efisiensi dan produktiviti.

Dalam melaksanakan satu-satu rancangan, beberapa faktor perlu diambil kira, seperti kedayatahanan projek, sumbangannya kepada perkembangan industri dan ekonomi serta kemampuannya merangsang kedayatahanan fiskal negara.

Di samping itu juga, termasuk dalam perancangan ialah memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dengan menekankan *in-country value* serta peningkatan kemahiran.

Sebagai bangsa merdeka dan progresif, kita tidaklah perlu terlalu banyak bergantung kepada tenaga kerja asing. Cara ini bukan suatu solusi dalam mencapai Sustainable Development Goal, malah anak-anak tempatan perlu untuk diberikan pendedahan kepada semua *environment*, termasuk pembinaan dan sebagainya.

Kaedah guna sama *share facilities* juga jangan diabaikan. Setiap kementerian perlu memastikan bahawa mana-mana *facility* yang ada eloklah diguna sama.

Sangat mustahak diingat bahawa pembangunan bukanlah bererti banyaknya bangunan yang dimiliki oleh setiap kementerian, tetapi lebih penting ialah kesepaduan untuk mencapai objektif pendekatan Whole of Government Approach. Perancangan juga biarlah untuk jangka panjang bagi mengelakkan pembaziran dan duplikasi dalam penggunaan sumber-sumber kerajaan.

Dalam pada itu, turut juga diingatkan bahawa reka bentuk dan tawaran bagi projek-projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 yang masih lagi dalam proses perancangan hendaklah diteliti semula bagi memastikan projek-projek berkenaan itu masih relevan untuk dilaksanakan.

Seterusnya, seiring dengan peredaran zaman, beta juga melihat agensi-agensi kerajaan adalah perlu memantapkan potensi Economy Digital melalui penerapan Fourth Industrial Revolution dan pendekatan Whole of Nation Approach yang telah pun mula diaplikasi di negara ini. Dengan pembangunan beberapa aplikasi seperti BruHealth, MOHcares, PenggunaBijak, Transport BN dan sebagainya. Ini adalah penting untuk kita dapat menangani cabaran-cabaran mendatang, termasuk sebagai usaha mengekalkan keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran.

Ke muka 8

## Dari Sidang Pengarang.

26 SEPTEMBER 2020 BERSAMAAN 1442 صفر 8

## HARGAI JASA DEDIKASI GURU

**GURU** merupakan golongan yang amat penting dan bertanggungjawab dalam menyampaikan, mengajar, memperkaya pelajar dan masyarakat dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran.

Ilmu adalah pelita hidup yang sangat penting dan berguna dalam kehidupan kerana dengan ilmu akan dapat membantu untuk berjaya di dunia dan di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan darjat yang tinggi kepada orang yang berilmu pengetahuan dan mereka yang berusaha mencari ilmu akan dipermudahkan baginya jalan menuju ke syurga.

Di samping itu, para guru sebagai pendidik mempunyai peranan penting menjadikan setiap anak didiknya jadi orang berilmu dan cemerlang selain menanamkan akhlak mulia.

Pada tahun ini, para guru memainkan peranan yang amat besar memandangkan negara berdepan dengan situasi pandemik COVID-19, di mana para guru diuji dengan cabaran yang amat besar apabila perlu memindahkan proses pembelajaran dari kelas ke rumah menerusi medium yang berbeza, iaitu secara dalam talian melalui pelbagai landasan mengikut kapasiti sekolah masing-masing, sama ada melalui e-mel, Google Docs, WhatsApp, *video conference*, Microsoft Teams dan platform media sosial atau sebarang aplikasi telekomunikasi yang bersesuaian bagi meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran agar para pelajar tidak ketinggalan sukatan pelajaran yang sepatutnya dipelajari di sekolah.

Di samping itu, para guru juga bakarih untuk menyediakan pek pembelajaran rumah (*home-pack learning*) bagi pelajar-pelajar yang tidak mempunyai akses kepada internet serta pendidikan melalui rancangan televisyen juga turut dilaksanakan sebagai sokongan tambahan pengajaran dan pembelajaran melalui media massa.

Sesungguhnya dengan sikap dedikasi para guru tersebut dalam menyampaikan ilmu amatlah dihargai, meskipun berdepan dengan kesukaran dan masyarakat kita seharusnya jangan ada yang memandang rendah atau mengeluh atas usaha yang mereka curahkan.

Perlulah diingat bahawa amanah yang dipikul oleh guru itu sangatlah besar dan berat kerana mereka bertanggungjawab untuk memperkaya pelajar dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni. Selain itu, para guru juga diamanahkan untuk melahirkan insan syumul yang berupaya untuk memenuhi tuntutan di dunia dan ukhrawi.

Oleh itu, agama Islam menganjurkan sesiapa pun untuk menghormati, menghargai dan memuliakan guru bukannya mencerca, menghina apatah lagi melawan apabila ditegur oleh guru kerana dikhuatiri akan hilang dan ditarik atau tidak memperoleh keberkatan dan manfaat ilmu.

Sama-sama kita beringat bahawa banyak hikmah yang dapat diperoleh dengan menghormati dan memuliakan guru dan ini antaranya memperoleh kejayaan kehidupan di dunia dan di akhirat, mudah mengingati dan memahami apa yang dipelajari, membentuk pendirian serta akhlak yang mulia dan yang paling penting memperoleh ilmu yang diberkati Allah Subhanahu Wata'ala.

Tugas sebagai seorang guru dan pendidik bukanlah satu tugas yang mudah, ia menuntut kepada pengorbanan dan komitmen dari segi masa, tenaga, wang ringgit dan seumpamanya. Seharusnya kita semua berterima kasih di atas segala pengorbanan dan jasa guru yang telah mendidik serta membimbing, malah ibu bapa juga perlu menghormati para guru yang mendidik anak-anak mereka sehingga menjadikan mereka insan yang berilmu, berjaya dan cemerlang. **- Ketua Penyuntingan (Rd)**

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| BANDAR SERI BEGAWAN | 31 25 °C | 30 25 °C | 31 25 °C |
| PEKAN BANGAR | 31 25 °C | 30 25 °C | 30 25 °C |
| PEKAN TUTONG | 31 26 °C | 29 25 °C | 31 26 °C |
| KUALA BELAIT | 31 26 °C | 30 25 °C | 31 25 °C |

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
www.met.gov.bn
Talian Cuaca 114
Brunei WX App

## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi SEPTEMBER | HARI | Hijrah SAFAR | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 26 | SABTU | 8 | 4.42 | 4.52 | 6.09 | 6.31 | 12.13 | 3.22 | 6.14 | 7.23 |
| 27 | AHAD | 9 | 4.42 | 4.52 | 6.08 | 6.31 | 12.12 | 3.22 | 6.14 | 7.23 |
| 28 | ISNIN | 10 | 4.41 | 4.51 | 6.08 | 6.31 | 12.12 | 3.22 | 6.14 | 7.22 |
| 29 | SELASA | 11 | 4.41 | 4.51 | 6.08 | 6.30 | 12.12 | 3.22 | 6.13 | 7.22 |
| 30 | RABU | 12 | 4.41 | 4.51 | 6.08 | 6.30 | 12.11 | 3.23 | 6.13 | 7.22 |
| 1 OKTOBER | KHAMIS | 13 | 4.41 | 4.51 | 6.08 | 6.30 | 12.11 | 3.23 | 6.12 | 7.21 |
| 2 | JUMAAT | 14 | 4.40 | 4.50 | 6.08 | 6.30 | 12.11 | 3.23 | 6.12 | 7.21 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## TALIAN KECEMASAN

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214

# Aplikasi BruHealth tambah ciri baharu

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Dari muka 1

Di samping itu, ia juga membantu dalam membuat ramalan kadar jangkitan, pemetaan sumber perubatan yang membolehkan perancangan secara lebih berkesan, khususnya penyediaan prasarana bagi penjagaan kesihatan juga menyediakan polisi-polisi yang berkaitan dengan kesihatan awam, di negara ini.

Dalam pada itu, Yang Berhormat mengongsikan, bahawa seramai 436,047 individu mendaftar dan menggunakan aplikasi BruHealth sejak ia mula diperkenalkan pada 14 Mei 2020.

"Aplikasi BruHealth yang digunakan pada masa ini adalah sebagai satu Platform Respons Epidemik dan Platform Penglibatan Penduduk bagi memudahkan Kementerian Kesihatan membuat pengesanan kontak jika berlakunya penularan virus COVID-19 di kalangan masyarakat di negara ini," jelas Yang Berhormat.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar berkata, ciri-ciri baharu itu membolehkan para pengguna aplikasi berkenaan mengetahui sejarah peribadi kesihatan mereka, termasuk diagnosis penyakit; semua ujian makmal yang telah dijalankan; lawatan ke hospital dan klinik kerajaan; juga preskripsi ubat yang diberikan Kementerian Kesihatan dan pihak swasta.

"Pengguna juga boleh membuat tempahan awal (melalui aplikasi BruHealth) untuk mengadakan perjumpaan dengan doktor untuk mendapatkan rawatan tanpa perlu datang lebih awal untuk mendapatkan slot perjumpaan di hospital dan klinik kerajaan bagi mengelakkan menunggu terlalu lama," kata Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, bagi tempahan temu janji secara video dalam talian pula, ia tidak terhad kepada tempahan untuk temu janji bersama doktor sahaja, tetapi juga para profesional kesihatan bersekutu, seperti pakar diet untuk rawatan susulan.

Yang Berhormat menambah, ciri-ciri ini akan mula diperkenalkan pada minggu hadapan, bermula di Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong, seterusnya akan dilaratkan ke semua hospital dan klinik kerajaan juga swasta.

# COVID-19 : Tiada kes baharu dicatatkan

**Ringkasan Kes**

| Kes Baru Hari Ini | Jumlah Keseluruhan Kes | | |
|---|---|---|---|
| 0 | 146 | | |
| | Kes Aktif | Kematian | Sembuh |
| | 1 | 3 | 142 |

**Ringkasan Pengasingan Diri**

| Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori | Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020) |
|---|---|
| 431 | 6,038 |

**Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2**

| Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam | Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020) |
|---|---|
| 263 sampel | 57,780 |

Dari muka 1

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 263 sampel Ujian Virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020, sebanyak 57,780 ujian.

Kementerian Kesihatan turut ingin memaklumkan bahawa bagi orang ramai yang ingin mendapatkan ujian saringan SARS-CoV-2 (*swab test*), terutama sekali bagi mereka yang ingin membuat perjalanan ke luar negara, hendaklah menjalankan ujian saringan SARS-CoV-2 sekurang-kurangnya tiga ke lima hari sebelum tarikh penerbangan, tertakluk kepada syarat-syarat negara yang akan dituju.

Hasil daripada ujian berkenaan akan mengambil masa dan orang ramai hendaklah bersabar untuk mendapatkan keputusan ujian mereka.

Bagi orang ramai yang ingin mendapatkan ujian SARS-CoV-2 *swab* bagi perjalanan ke luar negara, bolehlah mendapatkan ujian tersebut, di lokasi dan waktu seperti berikut, iaitu bagi Pusat Kesihatan Berakas, waktu operasi, Isnin hingga Khamis dan Sabtu (kecuali hari kelepasan awam), mulai jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari; dan 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Manakala bagi Jumaat, Ahad dan hari-hari kelepasan awam, waktu beroperasi, bermula dari jam 2.00 petang hingga 5.30 petang.

Di Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, waktu operasi dibuka setiap hari, mulai jam 7.00 pagi hingga 10.00 malam. Kompleks akan ditutup pada hari kelepasan awam.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu *www.moh.gov.bn* atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

| Lokasi | Hari Beroperasi | Waktu operasi bagi pengambilan Ujian COVID-19 |
|---|---|---|
| Pusat Kesihatan Berakas | Isnin – Khamis & Sabtu (Kecuali Hari Kelepasan Awam – *Lihat di bawah*) | 8:00 pagi – 12:00 tengah hari dan 2:00 petang – 4:00 petang |
| | Setiap hari Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam | 2:00 petang – 5:30 petang |
| Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha | Setiap Hari *Tutup pada hari kelepasan awam | 7.00 pagi – 10.00 malam |

# MAKLUMAT PENTING COVID-19
## NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**891 premis diperiksa, 540 kesalahan dikompaun**

Sejak tindakan undang-undang mula dikuatkuasakan bagi arahan-arahan yang telah dikeluarkan semasa pandemik ini pada bulan Jun 2020 lalu hingga sekarang, menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan, sebanyak 891 premis perniagaan diperiksa di seluruh negara, di mana 540 kesalahan didapati dan dikenakan denda kompaun.

Kesalahan yang sering dilakukan ialah pengendali makanan tidak memakai sungkup muka semasa bekerja.

**Jika situasi wabak kembali membimbangkan, langkah penjarakan akan diperketatkan semula**

"Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi wabak di dalam negara serta di peringkat serantau dan global serta melaksanakan penilaian risiko secara berterusan bagi mempertimbangkan pengurangan langkah-langkah seterusnya.

"Jika situasi wabak kembali membimbangkan, Kementerian Kesihatan tidak akan teragak-agak untuk memperketatkan semula langkah-langkah penjarakan sosial yang perlu dilaksanakan untuk mengawal wabak tersebut," tegas Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

**Arked, taman permainan kanak-kanak dinaikkan kepada 80 peratus**

Menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan, kapasiti peroperasian bagi arked dan taman permainan kanak-kanak akan dinaikkan kepada 80 peratus daripada kapasiti biasa pada satu-satu masa.

Garis panduan bagi Arked dan Taman Permainan Kanak-Kanak Tahap 3, menurut Yang Berhormat, akan dimuat naik ke Laman Sesawang Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, had perkumpulan ramai pada masa ini, masih dikekalkan kepada 350 orang, pada satu-satu masa, di mana had ini adalah jumlah keseluruhan individu yang hadir di sesebuah acara, termasuk semua jemputan, ahli keluarga penganjur, ahli jawatankuasa, petugas katering dan para hadirin.

**Kehadiran penonton tidak dibenarkan**

Seperti mana garis panduan bagi Organised Sports, tambah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, pihak penganjur dimestikan untuk mendapatkan kebenaran bagi penganjuran pertandingan daripada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan seperti lazimnya, dan hendaklah turut menghadapkan perancangan langkah-langkah pengawalan COVID-19 selaras dengan Garis Panduan Kementerian Kesihatan semasa menghadapkan permohonan.

Kehadiran para penonton, tekan Yang Berhormat, adalah tidak dibenarkan, walau bagaimanapun, pihak penganjur hendaklah memastikan kehadiran semasa pertandingan adalah di tahap yang terhad, iaitu hanya kepada peserta, jurulatih, pengurus dan Jawatankuasa Penganjur sahaja.

**Kapasiti tidak melebihi 100 orang dalam satu masa**

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, menjelaskan, di bawah tahap keempat, kapasiti penggunaan adalah ditingkatkan daripada 80 peratus menjadi 100 peratus kapasiti juga tidak melebihi 100 orang dalam satu masa, tertakluk kepada kapasiti kolam renang.

**Masih terdapat lebih 2,000 kekosongan jawatan**

Dengan peningkatan aktiviti ekonomi di negara ini, menurut Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, secara tidak langsung ia telah mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, di mana bermula awal tahun ini hingga kini, sebanyak 4,500 pekerjaan diwujudkan melalui JobCentre Brunei dan masih terdapat lebih 2,000 kekosongan jawatan.

Yang Berhormat, seterusnya berharap, agar mereka yang masih lagi mencari pekerjaan akan berusaha untuk memanfaatkan kekosongan yang ada pada masa ini.

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19
**148**

# COVID-19 : 1 kes baharu disahkan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BERAKAS**, Khamis, 24 September. - Satu kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan di negara ini, yang membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 seramai 146 orang.

Kes berkenaan melibatkan seorang lelaki tempatan, berumur 29 tahun, yang tiba ke Negara Brunei Darussalam dari India, pada 18 September 2020, dengan menaiki penerbangan Diraja Brunei BI4112 dan tempat duduk 26J.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar, menjelaskan perkara itu, pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19, di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, beliau tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan dan pada masa ini, berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan bagi pemantauan dan rawatan.

"Pengesanan kontak setakat ini, telah mengenal pasti lima orang kontak, di mana tiga daripadanya telah disahkan negatif bagi COVID-19, manakala selebihnya masih menunggu keputusan ujian makmal," ujar Yang Berhormat.

Sementara itu, daripada jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini, seramai 142 kes disahkan sembuh.

"Pada hari ini, seramai 428 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, di pusat-pusat pemantauan yang telah ditetapkan oleh kerajaan, iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara.

"Setakat ini, seramai 6,014 orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori, di kemudahan - kemudahan berkenaan," kata Yang Berhormat.

Dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 325 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2, yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 sebanyak 57,517 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu *www.moh.gov.bn* atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media berkenaan.**

# Had perkumpulan ramai masih dikekalkan

**BERAKAS**, Khamis, 24 September. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai mengenai perubahan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial yang akan bermula pada Isnin, 28 September 2020.

Mengambil kira situasi COVID-19 pada masa ini adalah dalam keadaan yang terkawal di Negara Brunei Darussalam, aktiviti arked dan taman permainan kanak-kanak (*indoor* dan *outdoor*) dinaikkan dari tahap kedua ke tahap ketiga.

Manakala, aktiviti kolam renang ditingkatkan dari tahap ketiga ke tahap keempat.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar, mengongsikan perkara itu, pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, kapasiti peroperasian bagi arked dan taman permainan kanak-kanak akan dinaikkan kepada 80 peratus daripada kapasiti biasa pada satu-satu masa.

Garis panduan bagi Arked dan Taman Permainan Kanak-Kanak Tahap 3, menurut Yang Berhormat, akan dimuat naik ke Laman Sesawang Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, had perkumpulan ramai pada masa ini, masih dikekalkan kepada 350 orang, pada satu-satu masa, di mana had ini adalah jumlah keseluruhan individu yang hadir di sesebuah acara, termasuk semua jemputan, ahli keluarga penganjur, ahli jawatankuasa, petugas katering dan para hadirin.

Yang Berhormat, turut mengingatkan orang ramai, untuk mematuhi segala peraturan dan arahan berkaitan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial yang telah dikeluarkan dan masih berkuat kuasa pada masa ini, termasuk menggunakan aplikasi BruHealth dan mengimbas Kod QR setiap kali masuk dan keluar dari premis-premis, terutama sekali di tempat-tempat awam.

Dalam pada itu, jelas Yang Berhormat, pengurus-pengurus premis perniagaan adalah dimestikan untuk memaparkan Kod QR, di tempat-tempat masuk masing-masing.

"Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil serius penggunaan aplikasi BruHealth, terutama sekali dalam mengimbas QR kod ini kerana ia adalah penting dalam membantu Kementerian Kesihatan melaksanakan pengesanan kontak dengan segera, jika berlaku sebarang penularan jangkitan.

"Orang ramai adalah juga dikehendaki untuk mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan mengamalkan kebersihan diri, etika bersin yang betul, digalakkan memakai sungkup muka apabila berada di tempat-tempat awam yang penuh sesak dan jika berasa kurang sihat, tidak menghadirkan diri ke tempat-tempat awam dan majlis-majlis keramaian," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat, juga menegaskan, agar orang ramai, khususnya para jemaah yang menghadiri Sembahyang Fardu Jumaat untuk memakai sungkup muka ketika berada di dalam kawasan masjid, sebelum dan selepas mendirikan sembahyang, di samping membawa tikar sejadah sendiri dan mengimbas Kod QR apabila memasuki masjid, surau atau balai-balai ibadah.

"Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar akan mana-mana arahan yang telah dikeluarkan semasa pandemik COVID-19 ini, maka ia adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204), di mana jika didapati bersalah boleh dikenakan denda kompaun sehingga BND5,000 atau boleh didakwa ke mahkamah yang membawa denda sehingga BND10,000 atau penjara sehingga tempoh enam bulan atau kedua-duanya sekali. Kementerian ini tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang tidak mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan," tambah Yang Berhormat.

Sejak tindakan undang-undang mula dikuatkuasakan bagi arahan-arahan yang telah dikeluarkan semasa pandemik ini pada bulan Jun 2020 lalu hingga sekarang, sebanyak 891 premis perniagaan diperiksa di seluruh negara, di mana 540 kesalahan didapati dan dikenakan denda kompaun.

Kesalahan yang sering dilakukan ialah pengendali makanan tidak memakai sungkup muka semasa bekerja.

"Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi wabak di dalam negara serta di peringkat serantau dan global serta melaksanakan penilaian risiko secara berterusan bagi mempertimbangkan pengurangan langkah-langkah seterusnya.

"Jika situasi wabak kembali membimbangkan, Kementerian Kesihatan tidak akan teragak-agak untuk memperketatkan semula langkah-langkah penjarakan sosial yang perlu dilaksanakan untuk mengawal wabak tersebut," tegas Yang Berhormat.

Mengenai pembayaran ujian SARS-CoV-2 atau ujian *swab* bagi perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat, memaklumkan, bahawa orang ramai boleh membuat pembayaran tersebut secara dalam talian melalui pautan *http://www.healthinfo.gov.bn/entry-payment/#user/login.*

Yang Berhormat berkata, dalam masa tujuh hari sejak ia mula dibukakan, sebanyak 47 bayaran mula dibuat secara dalam talian.

# KDNK negara catat pertumbuhan positif

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BERAKAS**, Khamis, 24 September. - Negara Brunei Darussalam mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang positif, iaitu sebanyak 2.8 peratus, di mana pertumbuhan ini disumbangkan oleh peningkatan sektor bukan minyak dan gas sebanyak 8.1 peratus; dan sektor minyak dan gas mencatatkan penurunan sebanyak 1.3 peratus.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini, menjelaskan, Negara Brunei Darussalam bertuah kerana mendapat pertumbuhan yang positif ini.

Dalam sesi soal jawab bersama pengamal media tempatan, Yang Berhormat, seterusnya berkata, sebahagian besar daripada pertumbuhan tersebut datang daripada aktiviti hiliran minyak dan gas, iaitu daripada Projek Hengyi.

"Seperti yang diketahui, Projek Hengyi mula beroperasi pada akhir tahun lalu. Pada masa ini, mereka hampir beroperasi sepenuhnya. Ini jelas dibandingkan dengan tahun lalu ketika kita tidak mempunyai pengeluaran tersebut dan ini telah menunjukkan peningkatan yang ketara," jelasnya lagi.

Dengan peningkatan aktiviti ekonomi di negara ini, tambahnya, secara tidak langsung ia telah mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, di mana bermula awal tahun ini hingga kini, sebanyak 4,500 pekerjaan diwujudkan melalui JobCentre Brunei dan masih terdapat lebih 2,000 kekosongan jawatan.

Yang Berhormat, seterusnya berharap, agar mereka yang masih lagi mencari pekerjaan akan berusaha untuk memanfaatkan kekosongan yang ada pada masa ini.

Pada masa ini, tambahnya, negara telah mula membuka ekonomi, di mana aktiviti ekonomi mula menunjukkan peningkatan.

Peningkatan itu, jelasnya, adalah semasa suku kedua tahun ini, iaitu ketika penularan COVID-19 dan negara masih menjalankan beberapa sekatan, termasuk penutupan gim, sekolah memandu, pusat penjagaan kanak-kanak dan sebagainya.



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa Sidang Media berkenaan.**

"Pada masa ini, negara telah mula mengurangkan sekatan, dan ini telah mula membuka peluang bagi para peniaga kembali semula untuk menjalankan aktiviti ekonomi mereka secara normal. Kita akan melihat bagaimana statistik suku ketiga nanti, tapi tiada lagi sekatan ke atas sektor-sektor ini kecuali industri perhotelan," ujarnya lagi.

Perniagaan-perniagaan yang masih tidak dapat meningkatkan perekonomian mereka, terangnya, berkemungkinan disebabkan oleh berlakunya faktor-faktor lain, selain COVID-19 dan ini memerlukan pelan tindakan berbeza.

# Laluan Hijau Brunei - Singapura untuk perjalanan penting sahaja

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BERAKAS**, Khamis, 24 September. - Penubuhan Laluan Hijau Timbal Balik (Reciprocal Green Lane) di antara Negara Brunei Darussalam dan Singapura pada September 2020 hanya untuk perjalanan penting sahaja.

Melalui statistik yang diperoleh daripada Royal Brunei Airlines (RB), sekitar 160 individu telah membuat perjalanan dari Brunei ke Singapura, manakala kira-kira 115 individu membuat perjalanan dari Singapura ke Brunei, sejak laluan ini mula ditubuhkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berkata demikian, semasa menjawab soalan media mengenai perkembangan laluan hijau tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, RB melakukan dua penerbangan ke Singapura setiap minggu, di mana setiap penerbangan akan membawa lebih 20 penumpang.



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada Sidang Media tersebut.**

Bagaimanapun, jelas Yang Berhormat, jumlah tersebut akan berkurangan memandangkan ia hanyalah untuk penerbangan penting sahaja.

Yang Berhormat berkata, RB masih meneruskan penerbangan penting ke beberapa destinasi, termasuk ke Melbourne, Kuala Lumpur dan Manila.




# Penganjuran pertandingan sukan individu kini dibenarkan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BERAKAS**, Khamis, 24 September. - Penganjuran pertandingan atau kejohanan adalah dibenarkan bagi enam jenis sukan individu atau *individual sports* sahaja, bermula Isnin, 28 September 2020.

Sukan-sukan yang dibenarkan ialah badminton, squash, tenis, ping pong, sepak takraw dan golf.

Perkara tersebut, dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, beberapa garis pandu hendaklah dipatuhi, iaitu penganjuran adalah dihadkan bagi *single match* atau *double match* (*pairs*) sahaja, di mana pihak penganjur hendaklah menyediakan jadual perlawanan yang teratur bagi mengelakkan perkumpulan ramai dalam satu masa dan para peserta juga hendaklah meninggalkan fasiliti sebaik sahaja selesai perlawanan atau acara penyampaian hadiah.

Seperti mana garis panduan bagi Organised Sports, tambahnya, pihak penganjur dimestikan untuk mendapatkan kebenaran bagi penganjuran pertandingan daripada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan seperti lazimnya, dan hendaklah turut menghadapkan perancangan langkah-langkah pengawalan COVID-19 selaras dengan Garis Panduan Kementerian Kesihatan semasa menghadapkan permohonan.

Kehadiran para penonton, tekannya, adalah tidak dibenarkan, walau bagaimanapun, pihak penganjur hendaklah memastikan kehadiran semasa pertandingan adalah di tahap yang terhad, iaitu hanya kepada peserta, jurulatih, pengurus dan Jawatankuasa Penganjur sahaja.

Yang Berhormat, seterusnya mengingatkan, agar para penganjur dan peserta untuk sentiasa mematuhi garis pandu Kementerian Kesihatan, khususnya dalam mengamalkan tanggungjawab sosial (*social responsibility*), penjarakan fizikal (*physical distancing*), menyediakan dan menggunakan Kod QR aplikasi BruHealth bagi sebarang penganjuran juga memastikan kebersihan diri dan persekitaran pada setiap masa demi memastikan keselamatan semua pihak.

# Pelan *de-escalation* Fasiliti Kolam Renang ditingkatkan

**BERAKAS**, Khamis, 24 September. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin memaklumkan bahawa pelan *de-escalation* bagi Fasiliti Kolam Renang akan ditingkatkan dari tahap ketiga ke tahap keempat, bermula Isnin, 28 September 2020.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini, seterusnya menjelaskan, di bawah tahap keempat, kapasiti penggunaan adalah ditingkatkan daripada 80 peratus menjadi 100 peratus kapasiti juga tidak melebihi 100 orang dalam satu masa, tertakluk kepada kapasiti kolam renang.

Garis panduan lain, menurut Yang Berhormat, adalah sama seperti yang sedang dilaksanakan.

Yang Berhormat, seterusnya mengongsikan, bahawa pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) sangat menyambut baik semangat orang ramai untuk terus bersenam dan memelihara kecergasan, masing-masing melalui pelbagai aktiviti fizikal dalam mempraktikkan gaya hidup sihat.

Statistik, jelasnya, menunjukkan lebih 480,000 individu telah pun menggunakan fasiliti-fasiliti sukan sejak ia mula dibukakan, di mana jumlah ini belum termasuk aktiviti mendaki bukit (*hiking*) dan berlari di kawasan terbuka.

Walau bagaimanapun, tekannya, dengan pengemaskinian garis panduan *social distancing*, diingatkan kepada orang ramai untuk tidak bersikap *complacent* dan untuk terus mematuhi garis pandu yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan.

Para penganjur, tegasnya, turut mempunyai tanggungjawab untuk memastikan setiap garis panduan dipatuhi dalam sebarang penganjuran dan hendaklah mengambil langkah untuk memastikan keselamatan semasa menjalankan aktiviti atau perlawanan.



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada Sidang Media berkenaan.**

Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah merujuk kepada garis pandu yang terperinci mengenai pengemaskinian garis panduan yang disediakan oleh KKBS dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dengan melayari laman sesawang *www.kkbs.gov.bn.*

# Komuniti perniagaan perlu berdaya tahan hadapi pandemik



YANG Amat Mulia Pengiran Muda Dr. Abdul Fattaah selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Baiduri Bank semasa mengurniakan ucapan pada Program Transform 2020 Townhall Forum, di Mutiara Ballroom, Radisson Hotel.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 23 September. - Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dr. Abdul Fattaah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkata, masyarakat perlu menyesuaikan diri dengan norma baharu dengan perubahan secara drastik dalam aktiviti-aktiviti asas, seperti melancong, makan, membeli-belah, mengekalkan kesihatan dan sebagainya.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dr. Abdul Fattaah selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Baiduri Bank berucap demikian semasa Program Transform 2020 Townhall Forum dengan tajuk 'Coming Out Stronger - A Townhall Forum on Business Survival and Opportunity in The Time of COVID-19', yang diadakan di Mutiara Ballroom, Radisson Hotel, di sini.

Pandemik COVID-19, tambah Yang Amat Mulia, telah menunjukkan betapa lemah masyarakat dunia menghadapinya, termasuk sistem kesihatan, dan tidak terkecuali sistem-sistem yang canggih, rantaian bekalan makanan, infrastruktur pendidikan, keselamatan siber, pasaran pekerjaan, rangkaian maklumat, jentera pilihan raya dan banyak lagi.

Beberapa dekad akan datang, menurut Yang Amat Mulia, mungkin akan membawa lebih banyak krisis dan kebanyakan negara tidak lengkap untuk memenuhi dan mengatasi wabak yang mungkin akan datang lagi.

Sebagai pemilik dan pemimpin perniagaan, jelas Yang Amat Mulia, mereka prihatin dengan masa depan perniagaan masing-masing.

"Kemungkinan angka keuntungan dan keadaan aliran tunai kita tidak begitu baik, seperti tahun-tahun sebelumnya. Para pekerja mungkin merasa risau akan keselamatan pekerjaan mereka. Ini adalah kebimbangan yang hanya mencerminkan beberapa cara, di mana kehidupan kebanyakan orang terjejas," ujar Yang Amat Mulia.

Sebagai anggota masyarakat yang bertanggungjawab, tekan Yang Amat Mulia, cabaran yang terdapat dalam kesihatan awam harus diterima dan masalah ini telah dapat diatasi oleh Negara Brunei Darussalam (NBD).

Meskipun terdapat kecenderungan bagi sebahagian masyarakat untuk kembali berniaga seperti biasa, tambah Yang Amat Mulia, dalam hubungan ini, mereka harus menyedari bahawa keadaan tidak akan kembali seperti sebelum ini dan menjalankan perniagaan juga tidak akan dapat dibuat sebelum wabak tersebut mula menular.

Tegas Yang Amat Mulia lagi, masyarakat perlu menerima keadaan hidup yang baharu dan harus menyesuaikan diri dengan norma baharu.

Yang Amat Mulia seterusnya menekankan bahawa masyarakat tidak boleh meremehkan kemampuan dalam berfikir dengan giat tentang cara-cara untuk berkembang dan maju dalam keadaan baharu yang berlaku kepada mereka ketika ini.

Dalam satu atau keadaan lain, terang Yang Amat Mulia, semua aspek kehidupan manusia telah terjejas oleh wabak itu di setiap negara di dunia.

Namun, Yang Amat Mulia tetap yakin pada kemampuan individu dan kemampuan kolektif masyarakat untuk mengatasi kesukaran yang luar biasa ini.

Penduduk di NBD menurut Yang Amat Mulia, sangat bertuah kerana sejauh ini, wabak tersebut tidak mempengaruhi kehidupan kita jika dibandingkan dengan keadaan di negara lain.

Meskipun mengalami pergolakan, jelas Yang Amat Mulia lagi, dan beberapa sektor ekonomi dilanda lebih teruk daripada yang lain, wabak berkenaan telah memperlihatkan kekuatan dan kelemahan dalam pelbagai aspek ekonomi negara.

Pandemik tersebut, terang Yang Amat Mulia, menunjukkan betapa komuniti perniagaan perlu berdaya tahan pada masa-masa seperti ini.

Menyentuh mengenai Forum Townhall yang diadakan, Yang Amat Mulia menjelaskan, ia adalah langkah penting dalam usaha individu dan kolektif untuk memperoleh daya tahanan dan mereka akan mencari cara untuk terus berusaha dan berkembang serta merancang dan merancang untuk kemajuan.

"Pada masa-masa yang tidak menentu ini, terdapat banyak faedah yang dapat kita dapati ketika kita meluangkan masa untuk menilai perniagaan kita sendiri, industri kita sendiri dan ekonomi negara kita. Hanya dengan menganalisis kekuatan dan kelemahan kita, kita dapat memanfaatkan sepenuhnya apa yang menjadikan kita kuat dan mengambil tindakan untuk mengatasi kelemahan dan kekurangan kita.

"Kita dapat merangka amalan perniagaan baharu untuk bertindak balas terhadap kajian penyelidikan berasaskan bukti yang memberikan penerangan yang jelas mengenai tingkah laku pengguna yang relevan dengan industri atau bidang perniagaan kita," ujar Yang Amat Mulia.

COVID-19, menurut Yang Amat Mulia, menghendaki masyarakat dunia untuk mengkoordinasikan usaha bagi memastikan virus korona baharu dan 'mutasi' masa depannya tidak membawa kehancuran lebih lanjut kepada ekonomi di seluruh dunia.

Pandemik itu, tegas Yang Amat Mulia, memerlukan kerjasama dan kolaborasi untuk mengembangkan vaksin yang dapat digunakan untuk melindungi seluruh umat manusia.

Untuk menjadi benar-benar berdaya tahan, tambah Yang Amat Mulia, pemilik perniagaan memerlukan peluang untuk menjalankan perniagaan melintasi sempadan negara.

Oleh itu, tambah Yang Amat Mulia, pemilik perniagaan memerlukan pihak kerajaan untuk bekerjasama antara satu sama lain untuk menakluki COVID-19.

# Masa depan perniagaan perlu miliki pendigitalan



YANG Amat Mulia Pengiran Muda Dr. Abdul Fattaah semasa berangkat pada Program Transform 2020 Townhall Forum, bertajuk 'Coming Out Stronger - A Townhall Forum on Business Survival and Opportunity in The Time of COVID-19'.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 23 September. - Lebih 90 tokoh perniagaan, para eksekutif korporat dan pegawai kerajaan mengambil bahagian pada Program Transform 2020 Townhall Forum bertajuk 'Coming Out Stronger - A Townhall Forum on Business Survival and Opportunity in The Time of COVID-19'.

Program yang berlangsung di Mutiara Ballroom, Radisson Hotel, di ibu negara itu menggalakkan penyertaan yang luas dan disusun ke arah format yang inklusif dan interaktif.

Berangkat pada forum tersebut dan seterusnya berkenan mengurniakan ucapan, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dr. Abdul Fattaah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Baiduri Bank.

Pengerusi Asia Inc Forum, Dato Timothy Ong dalam ucapan alu-alunya antara lain berkata, forum tersebut merupakan program bagi pemilik perniagaan, pengusaha dan pengurus bertukar-tukar idea untuk bertahan, mengurus dan maju dalam masa-masa yang mencabar ini.

Tambahnya, forum tersebut diadakan untuk menilai kesan COVID-19 terhadap perniagaan, mencari peluang dan mempersiapkan diri dalam menghadapi wabak tersebut.

Wabak COVID-19 menurutnya, memaksa masyarakat untuk memahami bahawa masa depan dalam apa jua jenis perniagaan yang seharusnya mempunyai pendigitalan (*digitization*).

Semasa forum tersebut, beberapa sesi forum diadakan yang disampaikan oleh ahli-ahli panel dalam dan luar negara melalui aplikasi Zoom secara dalam talian.

Tajuk-tajuk yang dibincangkan semasa program berkenaan ialah 'What We Learned From COVID-19' dan 'Finding Opportunity after COVID-19' yang dikendalikan oleh Dato Timothy Ong.

Program turut diisikan dengan perbincangan bersama pelbagai kumpulan usahawan yang terpilih, pemimpin korporat dan peserta lain yang hadir.

Program tersebut diadakan seperti perjumpaan yang bersemangat di Town Hall, di mana peranan ahli-ahli panel adalah untuk merangsang perbincangan dan penyertaan aktif daripada peserta adalah digalakkan.



PENGERUSI Asia Inc Forum, Dato Timothy Ong semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya (kanan), sementara gambar bawah, ahli-ahli panel semasa sesi forum tersebut.



# Makan malam KBRI, penghargaan persahabatan muzik dua negara





**YANG Amat Mulia Pengiran Anak Hajah Nurul Amal Munjiyyatul Athirah binti Pengiran Sura Negara Pengiran Anak Haji Muhammad Bey Muntassir (kanan) menerima cenderamata daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam (kiri) pada Majlis Jamuan Makan Malam berkenaan (atas). Sementara gambar atas kanan, Tuan Yang Terutama Dr. Sujatmiko turut menyampaikan cenderamata kepada artis tempatan, Fakhrul Razi.**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Ihsan Kedutaan Besar Republik Indonesia**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 25 September. - Seni muzik Negara Brunei Darussalam dan Indonesia berpeluang jalinkan silaturahim menerusi Majlis Jamuan Makan Malam yang dihoskan oleh Kedutaan Besar Republik Indonesia baru-baru ini.

Berangkat ke acara yang berlangsung di kediaman Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam (NBD) ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hajah Nurul Amal Munjiyyatul Athirah binti Pengiran Sura Negara Pengiran Anak Haji Muhammad Bey Muntassir.

Juga hadir, Pemangku Pengarah Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Abdoh bin Haji Awang Damit dan pemuzik dari Indonesia serta artis-artis tempatan yang lahir daripada program realiti, seperti Dangdut Academy Asia, finalis Bintang Search dan juga para media cetak dan media sosial.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke NBD, Tuan Yang Terutama Dr. Sujatmiko dalam ucapannya, antara lain menyatakan, makan malam ini adalah berbentuk apresiasi kepada pihak-pihak yang mendekatkan kebudayaan Brunei - Indonesia, termasuk memberikan kesempatan muzik dan filem Indonesia untuk dapat dinikmati oleh rakyat dan penduduk di negara ini.

Tuan Yang Terutama juga melahirkan ucapan penghargaan kepada rakan-rakan media dan *influencer* yang memperkenalkan Indonesia di media konvensional dan media sosial.

Sementara itu, artis tempatan, Fakhrul Razi juga menyampaikan keinginan para ahli muzik dan seniman NBD untuk membawakan muzik dan filem khas negara untuk juga dapat diperkenalkan ke peringkat antarabangsa, termasuk Indonesia.

TYT juga menyampaikan cenderamata penghargaan kepada sebahagian jemputan yang bekerja keras dalam industri muzik dalam mendekatkan lagi hubungan dua hala kedua-dua buah negara.

Majlis pada malam itu juga dimeriahkan lagi dengan beberapa persembahan daripada beberapa alumni Dangdut Academy Asia dari NBD, finalis Bintang Seach dan Band Musik Komunitas Indonesia di NBD.

Artis tempatan tidak kurang hebatnya kerana mendapat tempat di arena antarabangsa, termasuk di Indonesia antaranya Jaz Hayat dan Fakhrul Razi.

Selain itu, DJ Daffy dan Hans Annuar juga banyak dikenali oleh warga Indonesia sebagai komentator para finalis Dangdut Academy Asia, pertandingan muzik dangdut yang diadakan di salah satu televisyen swasta di Indonesia.

# Tamu Mingguan 1K1P, Daerah Tutong dilancarkan





**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyempurnakan Majlis Pelancaran Tamu Mingguan 1K1P, Daerah Tutong (atas). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat semasa menyaksikan demonstrasi pembuatan Kuih Rangin daripada salah seorang peniaga yang menyertai tamu berkenaan.**

**Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**TUTONG**, Khamis, 24 September. - Tamu Mingguan Satu Kampung Satu Produk (1K1P), Daerah Tutong diwujudkan sebagai hab rangkaian perniagaan 1K1P dan platform ke arah memperluaskan peluang perniagaan yang mampu menyumbang kepada perkembangan kemajuan Produk 1K1P 'Progress Development' yang lebih kondusif dan efektif.

Majlis Pelancaran Tamu Mingguan 1K1P, Daerah Tutong disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Bangunan Pasar Sayur-Sayuran, Kompleks Pasarneka dan Tamu, di sini.

Tamu Mingguan 1K1P, Daerah Tutong dianjurkan bersama oleh Jabatan Daerah Tutong, Jabatan Bandaran Tutong dan Badan Kemajuan dan Kreatif Daerah Tutong (BKKT).

Tamu Mingguan 1K1P adalah sebagai platform untuk memperluaskan lagi pemasaran produk 1K1P, terutama sekali di dalam pasaran domestik, di samping mewujudkan hab rangkaian perniagaan (*business networking hub*) kepada para pengusaha agar terus konsisten dan mampan (*sustainable*).

Sebanyak 20 Pengusaha 1K1P menyertai Tamu Mingguan tersebut yang terdiri daripada 17 pengusaha dari Daerah Tutong, dua pengusaha dari Daerah Brunei dan Muara dan seorang pengusaha dari Daerah Belait.

Antara tujuan dan matlamat program diadakan ialah untuk meningkatkan pasaran dan kebolehpasaran produk 1K1P, terutama sekali dalam pasaran domestik, di samping mempelbagaikan kaedah pemasaran yang sedia ada melalui pendekatan *conceptual business environment*, iaitu suasana perniagaan berkonsepkan Tamu Mingguan yang menarik ramai pengunjung bagi memastikan permintaan pasaran (*market demand*) produk berkenaan berterusan dan konsisten.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung; Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, selaku Penghulu Mukim Tanjong Maya; Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, selaku Penghulu Mukim Telisai; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN; Ketua-ketua Jabatan KHEDN; Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan; Ahli-ahli Lembaga Bandaran Tutong; Pemangku Penghulu-penghulu Mukim dan Pemangku Ketua-ketua Kampung Daerah Tutong.

Orang ramai yang berhasrat untuk mengetahui lebih lanjut, bolehlah melayari laman sesawang *www.tutong.gov.bn* atau *tutong.click* atau melalui media sosial Instagram, *@jabatan_daerah_tutong*.



**ANTARA yang menyertai tamu berkenaan.**

# Cadangan pelaburan kesihatan dibincangkan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menghadiri Mesyuarat Peringkat Tinggi Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik mengenai Kesihatan dan Ekonomi Ke-10 (10th Asia-Pacific Economic Cooperation on Health & The Economy) secara dalam talian.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 24 September. - Mesyuarat Peringkat Tinggi Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik mengenai Kesihatan dan Ekonomi Ke-10 (10th Asia-Pacific Economic Cooperation on Health & The Economy) diadakan pada 23 September 2020 secara dalam talian.

Mesyuarat tahunan tersebut adalah merupakan sebuah forum antara pihak kerajaan di peringkat menteri bagi membincangkan mengenai isu-isu berkaitan dengan kesihatan dan ekonomi.

Mesyuarat yang bersidang secara dalam talian tersebut melibatkan Menteri-menteri Kesihatan daripada Ahli-ahli Ekonomi APEC, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penyelidik-penyelidik, akademia, sektor swasta dan perniagaan dengan tujuan untuk memudah cara tindakan bersepadu, pertukaran amalan terbaik dan perkongsian pendekatan-pendekatan inovatif terhadap ancaman kesihatan rentas sempadan.

Mesyuarat Ke-10 ini dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Delegasi Negara Brunei Darussalam yang menghadiri mesyuarat tersebut diketuai oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar yang juga disertai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin dan beberapa Pegawai Kanan di Kementerian Kesihatan.

Mesyuarat ini yang membawakan tema 'Building a Resilient Asia-Pacific in a COVID-19 World' antara lain membincangkan mengenai cadangan-cadangan untuk membuat pelaburan kesihatan (*health investment*) yang dapat memberi manfaat kepada pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan, di samping menubuhkan mekanisme untuk mengukuhkan sistem kesihatan dan mendukung ekonomi digital serta inovasi kesihatan di dalam menangani pandemik COVID-19.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam kenyataannya ketika mesyuarat tersebut antara lain mengetengahkan keperluan bagi sistem kesihatan yang berdaya tahan di seluruh dunia, di mana Ahli Ekonomi APEC mesti terus bekerjasama secara bersepadu untuk menyokong semua lapisan masyarakat demi mencapai keamanan dan kestabilan yang lebih meluas di rantau Asia Pasifik.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menyatakan sokongan NBD terhadap kepemimpinan APEC dan usahanya yang selaras dengan pendekatan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Mesyuarat Ke-10 ini mendapat persetujuan dan kesepakatan negara-negara ahli ekonomi APEC untuk meluluskan kenyataan 10th APEC High Level Meeting on Health and the Economy Joint Statement yang antara lainnya mengetengahkan keperluan untuk membuat pelaburan dalam kesihatan dan memfokuskan kepada intervensi-intervensi berdasarkan bukti (*evidenced-based*) dalam mencegah, mengesan dan membuat tindak balas terhadap gelombang pandemik COVID-19, di mana akan membantu dalam pemulihan ekonomi, mengurangkan kesan negatif terhadap kesejahteraan dan mengurangkan kemungkinan terjadinya pandemik pada masa hadapan.

Di samping itu, kenyataan tersebut juga menghuraikan persetujuan untuk mengambil tindakan bagi mengukuhkan lagi sistem kesihatan, meningkatkan lagi usaha untuk bekerjasama di dalam mendapatkan vaksin yang mampu diakses dan meneruskan usaha-usaha untuk menangani isu-isu kesihatan lain mengikut kepentingan di negara-negara ahli ekonomi Asia-Pasifik.

HASRAT NEGARA

# Mantapkan potensi Economy Digital

Dari muka 2

Tidak diragukan lagi melalui Rancangan Kemajuan Negara, beberapa pencapaian telah pun dinikmati, namun beta melihat telah tiba masanya untuk kita melangkah lebih ke hadapan bagi melakukan pembaharuan-pembaharuan sebagai kesinambungan di antara proses perancangan dan pemilihan projek. Ini juga kita anggap sebagai perancangan strategik yang disejajarkan sebagai *guiding principle* bagi memudahkan setiap agensi merancang dan menyediakan projek dengan lebih teratur.

Dengan cara ini akan mengukuhkan lagi kerjasama di antara setiap agensi yang berkepentingan sama ada di kalangan sektor kerajaan mahupun sektor swasta, termasuk Government Link Company (GLCs), Public Private Partnership (PPP) dan juga Pelabur Langsung Asing.

Beta juga turut mengambil maklum bahawa Economic Blueprint bagi Matlamat Ke-3 dalam Wawasan Brunei 2035 telah pun disediakan. Sehubungan itu, Beta berharap akan dapat melihat wujudnya Manpower Blueprint bagi Matlamat Pertama dalam Wawasan yang akan diterajui oleh Kementerian Pendidikan dan Manpower Planning and Employment Council, dan Social Blueprint bagi Matlamat Ke-2 pula, akan diterajui oleh Jabatan Perdana Menteri dan Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS).

Setakat ini sahaja, beta berharap Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara akan dapat lebih memberikan tumpuan kepada perkara-perkara strategik untuk pembangunan. Ahli-ahli yang dilantik diharapkan lebih terbuka memberikan pandangan-pandangan mereka tanpa ragu-ragu. Ini peranan utama masing-masing bagi memastikan kejayaan Rancangan Kemajuan Negara menjadi kenyataan, insyaaAllah.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# MPABD adakan Doa Kesyukuran



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa hadir pada Doa Kesyukuran dan Bacaan Surah Yaa Siin sempena Sambutan Hari Maritim Sedunia dan Ulang Tahun Penubuhan MPABD Ke-3.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BERAKAS**, Khamis, 24 September. - Bersempena dengan Sambutan Hari Maritim Sedunia dan Ulang Tahun Penubuhan MPABD Ke-3 pada tahun ini, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) mengadakan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah serta Doa Kesyukuran dan bacaan Surah Yaa Siin yang diadakan di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB).

Hadir bersama-sama para jemaah dan warga MPABD pada majlis berkebajikan itu ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah MPABD.

Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat diimamkan oleh Pemangku Imam Surau LTAB, Awang Mohd. Alihan bin Abusamah dan seterusnya membacakan Doa Kesyukuran dan memimpin bacaan Surah Yaa Siin.

Hari Maritim Sedunia disambut setiap 24 September dan pada tahun ini ia membawa tema 'Sustainable Shipping for a Sustainable Planet'. Tema tersebut telah dipilih oleh Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) untuk meningkatkan kesedaran mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDGs) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan mengetengahkan kerja-kerja IMO serta negara-negara ahlinya ke arah mencapai sasaran yang ditetapkan.

Majlis adalah merupakan acara tahunan MPABD dan pada tahun ini sambutan telah diadakan dengan mengambil langkah-langkah pengawalan wabak COVID-19 yang masih dikuatkuasakan sepertimana nasihat dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Ketua Eksekutif MPABD, Ahli-ahli Lembaga Pengarah MPABD, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta agensi-agensi di bawahnya dan warga kerja MPABD.

# Didik belia sertai jemaah di masjid

**TUTONG**, Jumaat, 25 September. - Lebih daripada 400 sertai Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid bagi Tahun 1442H / 2020M anjuran Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Belia-belia Masjid, di Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal, di sini.

Antara yang hadir menyertai para jemaah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, diimamkan oleh Imam Masjid Ar-Rahim, Awang Haji Kamaluddin bin Haji Abd. Rahman, diikuti dengan Tazkirah Subuh, bertajuk 'Ciri-Ciri Pendidikan Islam' oleh Ketua Unit Penguatkuasaan Ugama Daerah Belait, Awang Haji Khairulizam bin Haji Jefrey.

Majlis diselajurkan dengan bacaan Surah Al-Kahfi, dipimpin oleh Imam Masjid Ar-Rahim dan diakhiri dengan Sembahyang Sunat Duha.

Terdahulu, para jemaah mengikuti Tadarus Al-Quran, diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat dan Sembahyang Sunat Taubat, yang turut diadakan seawal jam 4.00 pagi.

Program tersebut, antara lain bertujuan untuk mendidik diri para belia mengerjakan sembahyang berjemaah di masjid dan memberikan pendedahan kepada para belia dengan mengisi aktiviti bermanfaat, terutama sekali dalam mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan di masjid-masjid.

Juga hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung; Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong selaku Penghulu Mukim Tanjong Maya; dan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit selaku Penghulu Mukim Telisai; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan) KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said; dan Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Seruddin bin Haji Timbang.

Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Ar-Rahim; pegawai-pegawai kerajaan; persatuan-persatuan belia; belia-belia masjid; belia-belia dari sektor kerajaan dan swasta; juga penduduk sekitar Kampung Bukit Panggal.



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (tengah) ketika menghadiri Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid bagi Tahun 1442H / 2020M bersama jemaah lainnya.**

**Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin**



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama jemaah lain menunaikan Sembahyang Fardu Subuh.**



**ANTARA jemaah yang hadir pada program tersebut.**

# COVID-19 : 501 sampel ujian dilaksanakan

**Ringkasan Kes**

| Kes Baru Hari Ini | Jumlah Keseluruhan Kes | | |
|---|---|---|---|
| 0 | 145 | | |
| | Kes Aktif | Kematian | Sembuh |
| | 0 | 3 | 142 |

**Ringkasan Pengasingan Diri**

| Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori | Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020) |
|---|---|
| 471 | 5,914 |

**Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2**

| Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam | Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020) |
|---|---|
| 501 sampel | 57,192 |

**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 September. - Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) terus mencatatkan sifar kes baharu COVID-19 setakat jam 12.00 tengah hari, yang menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, masih kekal sebanyak 145 kes.

Pada hari ini juga, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa tiada kes aktif dilaporkan, di mana jumlah keseluruhan kes yang sembuh adalah seramai 142 orang.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai dengan Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD bahawa seramai 471 orang masih menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 5,914 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 501 sampel Ujian Virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020, sebanyak 57,192 ujian.

Kementerian Kesihatan turut ingin memaklumkan bahawa bagi orang ramai yang ingin mendapatkan ujian saringan SARS-CoV-2 (*swab test*), terutama sekali bagi mereka yang ingin membuat perjalanan ke luar negara, hendaklah menjalankan ujian saringan SARS-CoV-2 sekurang-kurangnya tiga ke lima hari sebelum tarikh penerbangan, tertakluk kepada syarat-syarat negara yang akan dituju.

Hasil daripada ujian berkenaan akan mengambil masa dan orang ramai hendaklah bersabar untuk mendapatkan keputusan ujian mereka.

Bagi orang ramai yang ingin mendapatkan ujian SARS-CoV-2 *swab* bagi perjalanan ke luar negara, bolehlah mendapatkan ujian tersebut, di lokasi dan waktu seperti berikut, iaitu bagi Pusat Kesihatan Berakas, waktu operasi, Isnin hingga Khamis dan Sabtu (kecuali hari kelepasan awam), mulai jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari; dan 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Manakala bagi Jumaat, Ahad dan hari-hari kelepasan awam, waktu beroperasi bermula dari jam 2.00 petang hingga 5.30 petang.

Di Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, waktu operasi dibuka setiap hari, mulai jam 7.00 pagi hingga 10.00 malam. Kompleks akan ditutup pada hari kelepasan awam.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu *www.moh.gov.bn* atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

| Lokasi | Hari Beroperasi | Waktu operasi bagi pengambilan Ujian COVID-19 |
|---|---|---|
| Pusat Kesihatan Berakas | Isnin – Khamis & Sabtu (Kecuali Hari Kelepasan Awam – *lihat di bawah*) | 8:00 pagi – 12:00 tengah hari dan 2:00 petang – 4:00 petang |
| | Setiap hari Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam | 2:00 petang – 5:30 petang |
| Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha | Setiap Hari *Tutup pada hari kelepasan awam | 7.00 pagi – 10.00 malam |

# Majlis Tahlil sempena Hari Guru Ke-30





YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama (dua, kiri) dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan (kiri) ketika menunaikan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah bagi Menghindari Wabak dan Keselamatan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bacaan Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, yang diselajurkan dengan Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Guru Ke-30 di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara (kiri dan kanan).

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah**



**ANTARA jemaah yang hadir pada majlis berkenaan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 23 September. - Bersempena dengan Sambutan Hari Guru Ke-30 yang diraikan pada hari ini, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bacaan Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, yang diselajurkan dengan Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Guru Ke-30.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Majlis berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah bagi Menghindari Wabak dan Keselamatan Negara Brunei Darussalam yang diimamkan oleh Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Mohammad Hassanal bin Haji Mohammad dan diikuti dengan Bacaan Surah Yaa Siin serta Tahlil oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Begawan Mudim Haji Amran bin Haji Md. Salleh.

Sejurus selepas itu, Doa Kesyukuran dan Doa Peliharakan Sultan dibacakan oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Yang Dimuliakan Pehin Khatib Datu Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid berkenaan.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Majlis juga turut dihadiri oleh para pegawai dan kakitangan, termasuk guru-guru dari sekolah-sekolah, maktab-maktab, institusi pengajian tinggi dan teknikal daripada Kementerian Pendidikan dan KHEU, yang merupakan sebahagian daripada kegiatan keagamaan bersempena dengan Sambutan Hari Guru yang dikendalikan oleh kedua-dua kementerian berkenaan.

Tema bagi Sambutan Hari Guru pada tahun ini ialah 'Pendidikan Berkualiti Teras Kecemerlangan Pelajar'.

# Majlis Resepsi sempena Hari Kebangsaan Arab Saudi



**Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**JERUDONG,** Rabu, 23 September. - Bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kerajaan Arab Saudi Ke-90, satu Majlis Resepsi diadakan di Indera Samudra Hall 2, The Empire Brunei.

Hadir mewakili pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan isteri.

Terdahulu, lagu kebangsaan kedua-dua buah negara dimainkan diikuti dengan bacaan ayat suci Al-Quran, Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Muhammad bin Ali dari Sekolah Arab Rimba.

Acara kemuncak majlis ialah sesi memotong kek disempurnakan oleh tetamu kehormat, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Emad bin Abdul Aziz bin Saad Al Muhanna disertai oleh Dean of the Diplomatic Missions dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed bin Hashil bin Rashid Al-Maskari dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Salah Mubarak Musleh R. Al Mutairi.

Majlis diserikan dengan tayangan video mengenai kerajaan Arab Saudi dan juga diadakan pameran yang memaparkan buku-buku, poster, bahan artifak dan gambar-gambar mengenai negara Arab Saudi.



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam (NBD); Dean of the Diplomatic Missions dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke NBD; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke NBD semasa sesi memotong kek pada Majlis Resepsi berkenaan (kiri). Sementara gambar atas, Yang Berhormat semasa menyaksikan pameran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kerajaan Arab Saudi Ke-90 di Indera Samudera Hall 2, The Empire Brunei.**




# Menghiasi diri dengan akhlak mulia

MARILAH kita bertakwa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya iaitu mentaati Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya. Berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya, selamat dan bahagia di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala telah mengutus kepada kita penghulu dan penutup sekalian Nabi dan Rasul iaitu Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda diutus adalah untuk membawa rahmat dan kesejahteraan bagi seluruh alam. Baginda juga diutus untuk mengajar dan menjadi contoh teladan kepada kita umatnya akhlak-akhlak yang mulia. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** *"Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan semulia-mulia akhlak".* (Riwayat Al-Imam Ahmad)

Justeru, sebagai umat Islam, akhlak mulia yang ada pada diri Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seperti sifat jujur, amanah, ikhlas, bertimbang rasa, berani kerana benar hendaklah dijadikan sebagai suluh dan pakaian kita agar berjaya dalam kehidupan di dunia dan juga di akhirat. Perihal berpegang kuat kepada nilai-nilai akhlak mulia ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah sempena Menyambut Tahun Baharu Hijrah 1442 mengenai :

*"Sangat mustahak bagi umat Islam untuk berpegang kuat kepada nilai-nilai akhlak yang dimiliki oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat Baginda. Adapun akhlak teragung Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ialah Al-Quran, dalam makna, semua ajaran Al-Quran itu adalah cara hidup Baginda yang wajib dicontohi dan diikut oleh seluruh umat,"* demikian titah baginda.

Dalam agama kita, kedudukan orang-orang yang berakhlak baik dan mulia ini sangat tinggi. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda ada menjelaskan mengenai kedudukan atau darjat orang yang baik dan mulia akhlaknya itu pada hari kiamat kelak. Daripada Abu Sa'labah Al-Khasni Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : *"Sesungguhnya yang paling aku cintai dan paling dekat denganku di akhirat nanti adalah orang yang mempunyai akhlak terbaik. Dan orang yang paling aku benci dan yang paling jauh dariku di akhirat nanti adalah orang yang mempunyai akhlak yang paling keji, iaitu orang yang mereka-reka percakapannya, orang yang berlagak pandai dan orang yang bercakap besar (sombong dan bongkak)".* (Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Antara doa ringkas yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi untuk diamalkan agar kita memiliki akhlak yang mulia dan istiqamah dalam melakukan amal kebajikan dan amal kebaikan ialah :

**Maksudnya :** *"Ya Allah, sebagaimana engkau telah elokkan kejadianku maka perelokkanlah pula akhlakku".* (Riwayat Al-Imam Ahmad)

Menghiasi diri dengan akhlak yang baik dan mulia adalah amat penting dalam membina dan membangun kerukunan hidup beragama, bermasyarakat dan bernegara. Berintegrasi adalah antara akhlak mulia dan terpuji yang mesti diterapkan dalam kehidupan kita seharian. Antara contoh yang boleh dikaitkan dengan integrasi itu ialah mengamalkan sikap jujur dan amanah dalam pekerjaan, tidak kira sama ada seseorang itu bekerja sendirian, bekerja di sektor awam mahupun di sektor swasta.

Sesungguhnya seseorang pekerja yang jujur dan amanah melihat pekerjaannya itu sebagai tanggungjawab yang bakal dipersoalkan dan dipertanggungjawabkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala pada hari kiamat kelak. Justeru, sebagai seorang pekerja khususnya penjawat awam yang telah diberi mandat untuk memegang jawatan dalam kerajaan hendaklah berhati-hati dalam memikul sesuatu amanah yang diberikan, jangan sampai amanah yang dipertanggungjawabkan itu dikhianati. Daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak pernah berkhutbah di hadapan kamu kecuali Baginda mengatakan :

**Maksudnya :** *"Tidak sempurna keinginan bagi orang yang tidak amanah dan tidak sempurna agama seseorang bagi yang tidak memenuhi janji".* (Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Selain itu, berkenaan menjaga amanah di dalam pekerjaan, terdapat beberapa perkara yang perlu kita titikberatkan seperti menjaga dan menepati waktu kerja, jujur dalam mencari sumber kewangan tanpa melainkan rasuah, pecah amanah dan penyalahgunaan kuasa, tidak menzalimi dan menindas orang lain untuk memenuhi kepentingan diri sendiri, keluarga dan seumpamanya.

Alhamdulillah, pada setiap tahun negara kita, Brunei Darussalam meraikan Hari Perkhidmatan Awam. Perkhidmatan Awam merupakan tonggak utama dalam menggerak-aktifkan sumber tenaga manusia dan penyumbang kepada program pembangunan negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 dan pentingnya bagi seluruh Perkhidmatan Awam untuk menerapkan budaya integriti dan inovasi di setiap peringkat pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam dalam menaik taraf kualiti Perkhidmatan Awam yang cemerlang.

Kepentingan menerapkan budaya integriti dan inovasi di dalam Perkhidmatan Awam ini adalah selaras dengan tema Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-27 pada tahun ini iaitu 'Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara'. Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa semoga kita semua sama ada yang bekerja sendiri, bekerja dengan Perkhidmatan Awam ataupun pihak swasta agar sentiasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh jujur, amanah dan ikhlas. Mudah-mudahan segala pekerjaan yang kita lakukan mendapat ganjaran pahala, berkat dan rahmat yang berterusan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** *"Seorang daripada mereka berkata : Wahai bapaku! Ambillah dia sebagai pekerja, sesungguhnya sebaik-baik orang yang bapa ambil bekerja ialah orang yang kuat lagi amanah".* (Surah Al-Qasas, ayat 26)

# IHP Julai 2020 meningkat

**Siaran Akhbar dan Infografik :**
**Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 24 September. - Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Julai 2020 meningkat sebanyak 2.0 peratus tahun-ke-tahun berbanding dengan bulan Julai 2019.

Harga Makanan dan Minuman Ringan mencatatkan peningkatan sebanyak 2.2 peratus. Manakala, harga Bukan Makanan mencatatkan peningkatan sebanyak 1.9 peratus.

Peningkatan IHP adalah didorong oleh peningkatan harga dan kos Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan (10.6 peratus); Makanan dan Minuman Ringan (2.2 peratus) dan Pengangkutan (2.2 peratus).

Walau bagaimanapun, peningkatan IHP ini diimbangi oleh penurunan harga dan kos Restoran dan Hotel (1.1 peratus) dan Rekreasi dan Kebudayaan (0.2 peratus).

Kenaikan bagi harga Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan harga barangan kemas; insurans dan lain-lain perkhidmatan.

Manakala kekurangan bekalan yang disebabkan oleh barangan import yang terhad berikutan situasi jangkitan wabak COVID-19 di negara ini dan negara-negara jiran, telah menyebabkan kenaikan kepada beberapa harga Makanan dan Minuman Ringan, terutama sekali bagi harga minuman ringan; sayur-sayuran dan daging yang diimport.

Peningkatan harga pengangkutan pula adalah disebabkan oleh kenaikan harga pengangkutan penumpang melalui darat dan juga pengangkutan penumpang melalui udara bagi penerbangan terhad yang telah dijadualkan.

Bagi perubahan bulan-ke-bulan, IHP bagi bulan Julai 2020 menurun sebanyak 0.1 peratus berbanding dengan bulan Jun 2020. Indeks Makanan dan Minuman Ringan menurun sebanyak 0.4 peratus. Manakala, Indeks Bukan Makanan menurun sebanyak 0.02 peratus.

IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Julai 2020 boleh didapati melalui Laman Sesawang Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES): *www.deps.gov.bn*.



# Pastikan objektif MTIC 2025 terlaksana

**Siaran Akhbar :**
**Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 September. - Dengan membawakan tema 'Sustainable shipping for a sustainable planet' untuk Hari Maritim Sedunia 2020, ia adalah bertepatan dan sangat sesuai. Ia berkait rapat dengan Agenda Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu 2030 (The United Nation's 2030 Sustainable Development Agenda), di mana pada tahun ini, merupakan tahun permulaan satu dekad tindakan dan penyampaiannya.

Agenda ini merupakan panggilan untuk bertindak khususnya bagi manusia, planet dan kesejahteraan, di samping melindungi planet ini.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, terutama dalam maritim dan perkapalan, ini bermaksud mengembangkan strategi untuk membina pertumbuhan ekonomi, mewujudkan peluang - peluang pekerjaan dan memastikan keselamatan untuk semua. Ia akan diteruskan bagi memastikan sambungan rangkaian bekalan terbuka semasa wabak pandemik dan juga untuk pemulihan COVID-19.

Membangunkan pertumbuhan ekonomi seiring dengan perniagaan baharu berkaitan maritim dan pelabuhan. Ini seterusnya akan mewujudkan peluang pekerjaan baharu. Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC 2025) menetapkan sasaran untuk menubuhkan tiga perniagaan maritim dan pelabuhan baharu yang berkaitan dalam sektor maritim dan pelabuhan pada tahun 2025.

Perkara itu antara yang dinyatakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof sempena Hari Maritim Sedunia 2020.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa dalam memastikan keselamatan untuk semua, mengekalkan standard keselamatan yang tinggi dalam pengangkutan merupakan salah satu objektif utama di bawah MTIC 2025 dan melalui Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), yang bertujuan bagi melaksanakan tindakan pembetulan dan menutup penemuan audit oleh Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) menjelang 2025.

Dekad yang lalu menyaksikan peningkatan dalam industri perikanan dan aktiviti memancing dalam kalangan kapal kecil yang menyaksikan jumlah yang konsisten, iaitu tambahan 200 pendaftaran kapal nelayan baharu setiap tahun.

Perkembangan baru-baru ini menimbulkan cabaran yang semakin meningkat untuk memastikan kapal - kapal, terutamanya bagi bot - bot kecil beroperasi dengan selamat di laut. Beberapa insiden sejak tahun lalu menunjukkan keperluan untuk menangani masalah ini dengan segera.

Yang Berhormat turut menambah bahawa MPABD bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan sedang bekerja untuk mengatasi masalah tersebut dengan memberikan maklumat, seperti amaran cuaca dan maklumat keselamatan maritim, memastikan anak-anak kapal yang mengendalikan kapal dilengkapi dengan sijil kecekapan yang sah serta menggunakan teknologi yang akan menyediakan platform berkesan untuk komunikasi dan juga tindak balas kecemasan.

Teknologi tersebut perlu dilengkapi dengan tindak balas yang berkesan dan cekap dalam apa jua keadaan kecemasan, seperti pencarian dan menyelamat yang diselaraskan dengan baik antara pihak berkepentingan yang berkaitan.

MPABD menjalankan latihan keselamatan maritim dan akan terus menguji protokol kecemasannya dengan memperluaskan latihan - latihan yang merangkumi kerjasama dengan negara jiran kita.

"Tanpa keraguan, kita akan mempunyai senarai inisiatif dan rancangan tindakan yang besar, di mana ia akan dilaksanakan pada tahun 2025. Perlu diperhatikan bahawa ketahanan sektor maritim, pelayaran dan pelabuhan global, akan memainkan peranan penting dalam mengurangkan kesan pandemik global yang belum pernah terjadi sebelumnya dan kita tetap kuat dalam usaha untuk mencapai Matlamat Mampan PBB 2030," jelas Yang Berhormat mengakhiri perutusan sempena Hari Maritim Sedunia 2020.

# Pendaftaran mengikuti Program Belia Maya dibukakan

**Siaran Akhbar :**
**Inisiatif Pemimpin Muda Selatan - Timur Asia**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 September. - Dilancarkan pada tahun 2013, Inisiatif Pemimpin Muda Selatan - Timur Asia (Young Southeast Asian Leaders Initiative - YSEALI) adalah program khas kerajaan Amerika Syarikat untuk memperkukuhkan pembangunan dan jaringan kepimpinan di Asia Tenggara.

Akademi Kepimpinan Wanita YSEALI (WLA) setiap tahun mengumpulkan pemimpin wanita dari negara ASEAN untuk mempromosikan kapasiti pembangunan ekonomi melalui amalan terbaik antarabangsa.

Sehingga kini, Brunei Alumni Network terdiri daripada 15 pemimpin wanita sejak penyertaan pertama Brunei di akademi tersebut pada tahun 2016.

Sebagai sebahagian daripada projek susulan Brunei YSEALI WLA Alumni Network tahun ini, Program Belia Maya (Virtual Youth Program) mengenai Kepimpinan Wanita akan dianjurkan pada 1 Oktober hingga 18 Oktober 2020 yang ditaja oleh Kedutaan Amerika Syarikat di Negara Brunei Darussalam.

Program ini merangkumi sesi utama dan pilihan yang dikendalikan oleh penceramah tempatan dan antarabangsa.

Bagi sesi utama meliputi sesi maya, bengkel dan sesi perkongsian serta sesi secara langsung, bimbingan dan aktiviti rangkaian, manakala bagi sesi pilihan, lawatan ke komuniti kumpulan wanita terpilih.

Program ini bertujuan untuk merealisasikan kemampuan peribadi mereka dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepimpinan mereka.

Di samping itu, memperkasakan dengan memberikan sokongan untuk perkembangan peribadi dan pembangunan profesional mereka dan memupuk kerjasama antara peserta, penceramah dan masyarakat.

Pendaftaran untuk program ini adalah percuma. Walau bagaimanapun, hanya 20 pemohon yang akan dipilih sebagai peserta program. Tarikh akhir permohonan pada Sabtu, 26 September 2020, 11:59 malam. Untuk maklumat lanjut mengenai program ini, layari *www.bit.ly/bruneivypwl2020.*

# Nextacloud Technology lancar Bloodkad




**PEMANGKU Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan menerima cenderamata daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Nextacloud Technology Sdn. Bhd. semasa Majlis Pelancaran aplikasi Bloodkad di iCentre Auditorium, Kampung Anggerek Desa (atas). Sementara gambar kanan, majlis diselajurkan dengan acara Kempen Derma Darah.**

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 24 September. - Nextacloud Technology Sendirian Berhad hari ini melancarkan aplikasi telefon pintar, iaitu 'Bloodkad', bertempat di iCentre Auditorium, Kampung Anggerek Desa, yang diselajurkan dengan acara Kempen Menderma Darah.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi melancarkan aplikasi tersebut, Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Dr. Hajah Lailawati binti Haji Jumat dan Pemangku Pengarah Perkhidmatan Makmal, Dr. Hajah Surita binti Haji Mohd. Taib.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif, Nextacloud Technology Sdn. Bhd., Agus Muslim semasa menyampaikan ucapan alu-aluan, Bloodkad bermula pada tahun 2017, di mana ia telah diberikan peluang dan sokongan oleh Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Makmal, untuk diguna pakai sebagai satu cara menderma darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan dipilih sebagai acara kempen menderma darah yang berterusan.

Jelasnya lagi, Bloodkad juga diguna pakai mulai tahun ini, di Jerudong Park Medical Centre (JPMC).

"Bloodkad bertujuan untuk memastikan mereka yang memerlukan darah mempunyai bekalan darah yang mencukupi. Menerusi aplikasi ini juga, ia telah diiktiraf oleh ASEAN Business Awards 2019 di Thailand dan memenangi 'Most Promising Digitalised MSME'," tambahnya lagi.

Majlis pelancaran adalah sebagai satu lagi tanda pencapaian bagi Bloodkad ke arah usaha yang berterusan untuk mempromosikan kemudahan menderma darah, di samping untuk meningkatkan persiapan bagi menghasilkan risiko kekurangan darah, seterusnya mempromosikan cara pendermaan darah yang ekosistem.

Ini adalah sokongan daripada Wawasan Brunei 2035 untuk kualiti kehidupan yang tinggi dengan menghasilkan masyarakat bersatu dan kukuh.

Acara tersebut menandakan bermulanya Kempen Menderma Darah 'Bloodkad 3-month', yang bermula hari ini hingga 24 Disember 2020.

Kempen tersebut didukung oleh pelbagai kolaborasi dan penyokong bersama di bawah satu platform Bloodkad, iaitu Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd.; Darussalam Enterprise (DARe); Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI); Shogun Media; Mudaser; Koleksi Husnaa; Ideal Food Industries Sdn. Bhd.; Ridah Sports Sdn. Bhd.; Fuel'D; and Chatramue.

Beberapa organisasi juga memberikan sokongan terhadap kempen menderma darah, termasuk Green Brunei; Majlis AIDS Brunei Darussalam (BDAC); dan Brunei Chevening Youth Forum.

Untuk maklumat lanjut, bolehlah melayari *https://www.nextacloud.com/* atau ikuti Instagram - *@nextacloud* atau *@bloodkad.bn* untuk maklumat terkini.



# 2 dokumen dipersetujui



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ketika menyertai Mesyuarat ASEAN Chiefs of Defence Forces Meeting Ke-17 yang dipengerusikan oleh Senior Lieutenant General Phan Giang, Chief of General Staff, Tentera Rakyat Viet Nam diadakan secara dalam talian (atas dan kanan).




Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

**BOLKIAH GARISON**, Khamis, 24 September. - Mesyuarat ASEAN Chiefs of Defence Forces Meeting Ke-17 yang dipengerusikan oleh Senior Lieutenant General Phan Giang, Chief of General Staff, Tentera Rakyat Viet Nam diadakan hari ini melalui dalam talian dengan membawakan tema, 'Military Cooperation for A Cohesive and Responsive ASEAN'.

Mewakili Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat. Turut hadir semasa mesyuarat dalam talian tersebut ialah Pemerintah Angkatan Bersama ABDB selaku Ketua ASEAN Military Operations Meeting (AMOM) dan Pengarah Perisikan selaku Ketua ASEAN Military Intelligence Meeting (AMIM).

Selaras dengan tema tahun ini, dua dokumen dipersetujui. Pertama, rancangan kerja dua tahun aktiviti ketenteraan ASEAN 2020-2022 dan kedua Kenyataan Bersama ACDFM-17.

Kedua-dua dokumen ini mencerminkan komitmen, sokongan dan penyertaan tentera negara ASEAN dalam melaksanakan inisiatif ACDFM, sekali gus mempertingkatkan peranan tentera negara ASEAN melalui aktiviti-aktiviti praktikal dan kukuh.

Mesyuarat tersebut diakhiri dengan upacara penyerahan jawatan Pengerusi ACDFM kepada ABDB, di mana Negara Brunei Darussalam akan mempengerusikan ASEAN bagi tahun 2021.

Semasa upacara tersebut, Pemerintah ABDB turut menyampaikan ucapan pengambilan alih Pengerusi, diikuti dengan tayangan video Negara Brunei Darussalam.

# 30 anggota ABDB sertai misi pengaman di Lubnan



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) semasa menyerahkan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada Ketua Kontinjen, Mejar Zulazri bin Gapor.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BOLKIAH GARISON**, Rabu, 23 September. - Negara Brunei Darussalam akan terus komited dalam menjaga keamanan dan kestabilan di Lubnan selaras dengan Resolusi PBB 1701 (2006).

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam bagi anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang akan menyertai Batalion Malaysia 850-8 (MALBATT 850-8) dalam penugasan misi pengaman United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL) berlangsung pagi tadi di Dewan Serbaguna, di sini.

Majlis penyerahan bendera kebangsaan tersebut disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat kepada Ketua Kontinjen Negara Brunei Darussalam, Mejar Zulazri bin Gapor.

Kontinjen negara seramai 30 anggota ABDB ini dijadualkan bertolak pada hari ini, 23 September 2020.

ABDB telah berkhidmat dalam misi pengaman UNIFIL sejak tahun 2008 dan dalam masa tersebut juga telah menghantar sejumlah 34 Pegawai dan 278 anggota ABDB.



KONTINJEN negara seramai 30 anggota ABDB akan menyertai Batalion Malaysia 850-8 (MALBATT 850-8) dalam penugasan misi pengaman United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL) dan bertolak pada 23 September 2020.

# KHEU adakan Kursus Asas Haji seluruh daerah

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 September. - Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, akan mengadakan Kursus Asas Haji (KAH) Tahun 1442H / 2020M sebanyak enam sesi, yang bermula dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi, iaitu pada 27 September, 4 Oktober, 11 Oktober, 18 Oktober, 25 Oktober dan 1 November 2020M.

Tempat-tempat kursus akan diadakan seperti berikut :

Bagi Daerah Brunei dan Muara, iaitu di Masjid Sufri Bolkiah, Kampung Perpindahan Berakas; Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop; Masjid Perpindahan Lambak Kanan, RPN Kampung Lambak Kanan; Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Perpindahan Mentiri; Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, STKRJ Kampung Rimba; Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong; dan Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong.

Sementara bagi Daerah Belait, kurus akan dijalankan di Masjid Pekan Seria; dan Masjid Mohammad Jamalul Alam.

Manakala bagi Daerah Tutong, kurus akan diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong; dan Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar bagi Daerah Temburong.

Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah dialu-alukan hadir untuk mengikuti kursus tersebut pada tarikh, masa dan tempat yang telah dinyatakan di atas dengan mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Jabatan Urusan Haji, iaitu menggunakan aplikasi BruHealth dan mengimbas Kod QR sebelum masuk ke tempat kursus, berwuduk dari rumah, membawa sejadah sendiri, membawa telekung sendiri bagi perempuan, memakai sungkup muka dan mengamalkan penjarakan sosial satu meter apabila menghadiri kursus tersebut.

Selain itu, setiap peserta yang hadir hendaklah dalam keadaan sihat, mengambil pemeriksaan suhu badan serta mengelakkan dari bersalam-salaman dan hendaklah segera bersurai setelah kursus selesai.

# Mempelajari Bahasa Isyarat alat komunikasi secara universal





YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (kanan) semasa hadir pada Bengkel Asas Bahasa Isyarat Kali Pertama Tahun 2020 selama dua hari bermula 25 hingga 26 September 2020, bertempat di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah (atas). Manakala gambar atas kiri, para fasilitator ketika mengajarkan Bahasa Isyarat kepada peserta bengkel.

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**BERAKAS,** Jumaat, 25 September. - Bahasa Isyarat merupakan kaedah komunikasi yang tidak menggunakan suara, tetapi hanya menggunakan pergerakan tangan, badan dan bibir untuk menyampaikan maklumat dan melahirkan fikiran seorang penutur.

Bila mana terdapat komuniti orang pekak, Bahasa Isyarat akan wujud. Tatabahasa spatial dalam Bahasa Isyarat dari segi struktur ayat sangat berbeza dengan tatabahasa pertuturan. Terdapat beratus Bahasa Isyarat digunakan di dunia ini dan ia merupakan teras budaya pekak tempatan.

Sehubungan itu, Youth Outreach Team dengan kerjasama Persatuan Orang Kurang Pendengaran Kebangsaan Brunei Darussalam mengadakan Bengkel Asas Bahasa Isyarat Kali Pertama Tahun 2020 selama dua hari bermula 25 hingga 26 September 2020, bertempat di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Ketua Program berkenaan, Dayang Amirah Syahirah binti Haji Zulaiehi berkata, bengkel ini dikendalikan oleh Youth Outreach Team yang terdiri daripada para penuntut Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang sedang menjalankan Discovery Year 'Community Outreach Programme' di bawah penyeliaan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa.

Menurutnya, seramai 49 peserta dan lapan fasilitator program sedang mengikuti bengkel ini yang dikendalikan dengan kerjasama persatuan berkenaan.

Bengkel Bahasa Isyarat ini, ujarnya, dihasrat untuk meningkatkan kesedaran terhadap golongan - golongan yang kurang bernasib baik, terutamanya orang kurang pendengaran, selain untuk menarik orang ramai yang berminat untuk mengenali dan mempelajari Bahasa Isyarat.

"Bengkel bertujuan untuk memberikan kesempatan pada orang ramai yang berminat untuk mempelajari Bahasa Isyarat dengan lebih lanjut. Para peserta akan mempelajari beberapa asas isyarat, seperti bentuk tangan, abjad, nombor dan ruang isyarat," jelasnya.

Selain itu juga, tambahnya, bengkel ini juga memberi orang awam kesedaran bahawa pentingnya Bahasa Isyarat itu sebagai salah satu alat komunikasi yang digunakan secara universal.

Analisis

# Projek RKN dihasrat menyumbang kepada efisiensi, produktiviti

**Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani**

**MENERUSI** Wawasan Brunei 2035, ia dihasratkan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam (NBD) dikenali sebagai negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, yang diukur melalui piawaian tertinggi antarabangsa; kualiti kehidupan rakyat dalam kalangan 10 negara teratas dunia; dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan di antara 10 negara teratas dari segi pendapatan per kapita.

Bagi mengukuhkan usaha tersebut untuk merealisasikan Wawasan berkenaan dan mempelbagaikan ekonomi, Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 (RKN11) diperkenalkan bagi meneruskan beberapa siri RKN sebelum ini bagi memberikan kualiti hidup yang baik kepada generasi masa hadapan melalui penyediaan beberapa perancangan yang menjurus kepada memelihara kesejahteraan dan kebajikan setiap golongan masyarakat.

Dalam hal ini, sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi RKN Kali Pertama bagi Tahun 2020, bertitah menekankan, agar apa jua perancangan di bawah projek RKN yang akan datang, khasnya RKN Ke-12 tidak hanya akan memberikan tumpuan kepada penyediaan atau pembinaan infrastruktur sahaja, bahkan lebih perlu ialah menjurus kepada projek-projek yang boleh menyumbang kepada efisiensi dan produktiviti.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, dalam melaksanakan satu-satu rancangan, beberapa faktor perlu diambil kira, seperti kedayatahanan projek, sumbangannya kepada perkembangan industri dan ekonomi juga kemampuannya merangsang kedayatahanan fiskal negara.

Baginda juga bertitah menyatakan bahawa perancangan itu, termasuklah memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dengan menekankan *in-country value* juga peningkatan kemahiran.

Sebagai bangsa merdeka dan progresif, titah Kebawah DYMM, kita tidaklah perlu terlalu banyak bergantung kepada tenaga kerja asing. Cara ini bukan suatu solusi dalam mencapai Sustainable Development Goal, malah anak-anak tempatan perlu untuk diberikan pendedahan kepada semua *environment* termasuk pembinaan dan sebagainya.

Kebawah DYMM dalam titah turut menekankan bahawa kaedah guna sama *share facilities* juga jangan diabaikan. Setiap Kementerian perlu memastikan bahawa mana-mana *facility* yang ada eloklah diguna sama.

Dalam hal ini, jelas sekali bahawa Kebawah DYMM menyarankan semua pihak menggunakan setiap prasarana yang dibina itu agar dapat dimanfaatkan bersama bagi mengelakkan pembaziran sumber kerajaan. Apabila perkara ini dipraktikkan, nescaya ia akan mengurangkan beban kerajaan dalam menyediakan infrastruktur yang sama, bahkan ia boleh dijimatkan bagi keperluan projek yang lain.

Sementara itu, baginda juga turut mengingatkan bahawa reka bentuk dan tawaran bagi projek-projek RKN Ke-11 yang masih lagi dalam proses perancangan hendaklah diteliti semula bagi memastikan projek-projek berkenaan itu masih relevan untuk dilaksanakan.

Bagi menangani cabaran-cabaran mendatang termasuk sebagai usaha mengekalkan keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran yang seiring dengan peredaran zaman, baginda bertitah agar agensi-agensi kerajaan perlu memantapkan potensi Economy Digital melalui penerapan Fourth Industrial Revolution dan pendekatan Whole of Nation Approach yang telah pun mula diaplikasi di negara ini. Dengan pembangunan beberapa aplikasi, seperti BruHealth, MOHcares, PenggunaBijak, TransportBN dan sebagainya.

Tidak diragukan lagi melalui RKN, titah baginda beberapa pencapaian telah pun dinikmati, namun telah tiba masanya untuk kita melangkah lebih ke hadapan bagi melakukan pembaharuan-pembaharuan sebagai kesinambungan di antara proses perancangan dan pemilihan projek. Ini juga kita anggap sebagai perancangan strategik yang disejajarkan sebagai *guiding principle* bagi memudahkan setiap agensi merancang dan menyediakan projek dengan lebih teratur.

Jelas Kebawah DYMM, dengan cara ini akan mengukuhkan lagi kerjasama di antara setiap agensi yang berkepentingan sama ada di kalangan sektor kerajaan mahupun sektor swasta, termasuk Government Link Company (GLCs), Public Private Partnership (PPP) dan juga Pelabur Langsung Asing.

Oleh itu, kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini hendaklah mensyukuri segala nikmat dan kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Dalam pada itu, semoga segala perancangan dan setiap projek yang sedang berjalan dan akan dilaksanakan akan berjalan dengan lancar dan dapat dinikmati oleh kita semua.

# Mengetahui alat pendidikan baharu dalam latihan klinikal



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Profesional) Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif berucap pada Majlis Pelancaran Bengkel Perkembangan Fakulti Klinikal : Konsep-konsep Utama dalam Pendidikan Perubatan.**

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**TUNGKU LINK**, Jumaat, 25 September. - Hasrat Kementerian Kesihatan adalah untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan Rakyat Brunei Darussalam melalui kualiti yang tinggi juga sistem penjagaan kesihatan yang komprehensif lagi berkesan, cekap, responsif, berpatutan, saksama dan dapat diakses oleh rakyat di negara ini.

Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional) Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif, menyuarakan demikian, pada Majlis Pelancaran Bengkel Perkembangan Fakulti Klinikal : Konsep-konsep Utama dalam Pendidikan Perubatan, bertempat di Pusat Sumber Antanomi, Pusat Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSBIHS), Universiti Brunei Darussalam, di sini.

Tambahnya lagi, ini adalah misi Kementerian Kesihatan untuk mengembangkan lagi Rancangan Strategik 2019 - 2023 kementerian tersebut.

Beliau, seterusnya menjelaskan, lima matlamat strategik yang akan menyokong ke arah merealisasikan misi tersebut, iaitu Kecemerlangan dalam Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan; Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Tidak Berjangkit; Perlindungan Kesihatan Awam melalui Dasar yang Berkesan dan Peraturan; juga Kemampanan melalui Pengoptimuman dan Inovasi Sumber juga Pemerintahan yang telus dan proaktif.

"Jika dilihat dalam pencapaian matlamat strategik pertama, iaitu Kecemerlangan dalam Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan, terdapat 11 inisiatif dan 40 rancangan tindakan untuk dijadikan panduan dalam perjalanan kami ke arah mencapainya," ujarnya lagi.

Melalui 11 inisiatif ini, Kementerian Kesihatan berharap akan dapat memperbaiki dan mempunyai sistem yang akan mempromosikan penyediaan perkhidmatan penjagaan kesihatan, yang berkualiti tinggi, di mana menekankan keselamatan pesakit di bawah pusat jagaan mereka, merangkumi penggunaan perubatan / pembedahan yang standard juga campur tangan dan pengurusan.

Justeru, kementerian itu berharap akan dapat memperkenalkan lagi penjagaan kesihatan yang cekap, menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang tepat pada masanya dan bersepadu dalam penjagaan kesihatan juga mengurangkan masa menunggu, memaksimumkan sumber dan mengurangkan sisa melalui memanfaatkan transformasi digital, data besar dan Artificial Intelligence (AI).

Dengan adanya bengkel ini, katanya, bukan sahaja akan memberikan peserta-peserta bengkel merenung dan menyegarkan kemahiran pengajaran masing-masing, malah untuk melengkapkan lagi mereka dengan alat pendidikan baharu yang digunakan di dalam latihan klinikal.

## Projek FEED usaha bantu keluarga kurang berkemampuan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 25 September. - Di Negara Brunei Darussalam, golongan yang kurang berkemampuan diberi perhatian yang sewajarnya dengan pemberian bantuan, bukan sahaja dari segi kewangan, malahan dari segi peralatan perusahaan, bimbingan dan khidmat nasihat untuk membantu mereka keluar daripada kemiskinan hingga mampu untuk berdikari.

Justeru, penubuhan sebuah perusahaan sosial, iaitu Projek Family Empowerment and Economic Development (FEED) Management Services sejak 2017 memfokuskan dalam membantu golongan penerima bantuan dari segi pemerkasaan ekonomi mereka dengan menggunakan kemahiran yang dapat menjana mata pencarian.

Ia, kemudiannya dijenamakan semula pada tahun 2020, dengan inisiatif untuk membantu keluarga dan individu yang mengalami masalah ekonomi untuk menjana pendapatan melalui Program Mentoring.

Selain itu, FEED juga menawarkan modul-modul latihan dan bantuan pemantauan perniagaan kepada golongan fakir miskin dan yang tersenarai dalam menerima bantuan sehingga peserta mampu untuk menjana pendapatan tanpa bantuan agensi-agensi.

Pada bulan Jun 2020, Projek FEED membangun pusat latihannya sendiri, di Gadong Properties Centre.

FEED menghubungkan keluarga yang menghadapi masalah ekonomi bersama rakan kongsi mereka, mentor dan syarikat tertentu untuk meningkatkan lagi kemahiran dan pengetahuan mereka dalam memulakan perniagaan kecil, di samping itu, Projek FEED juga membantu para peserta mereka untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka juga mempromosikannya dengan berkesan.

Sejak penubuhannya, FEED membantu enam keluarga, di mana kesemua mereka kini bergantung pada perniagaan mereka sendiri sebagai sumber pendapatan utama mereka dan tidak lagi terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan.

Justeru, Projek FEED menubuhkan inisiatif 'The Business Creating Impacts' atau BCI, yang merupakan platform rangkaian sekumpulan syarikat yang menyumbang dalam membantu keluarga yang mengalami masalah ekonomi melalui Projek FEED, dan pada masa yang sama menjadi *role model* dan inspirasi kepada perniagaan lain.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran FEED Mentoring Program dan BCI berlangsung di Ibu Pejabat Projek FEED, Gadong Properties Centre.

Strategi tersebut dihasrat dapat membantu mengurangkan angka kemiskinan pada peringkat akar umbi, dan dalam masa yang sama, mengurangkan lagi kebergantungan kepada pihak kerajaan dalam memberikan bantuan, sekali gus menggerakkan masyarakat supaya aktif dalam membantu keluarga yang kurang berkemampuan secara langsung atau tidak.

Projek FEED diasaskan bersama oleh tiga belia, iaitu Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahhuddin; Dayang Nazmah binti Samad; dan Dayang Diyana Sulaiman, manakala CEO, Dayang Nurul Najibah binti Ridhwan pula, mengetuai pentadbiran FEED, di ibu pejabatnya.




**CEO Projek Family Empowerment and Economic Development (FEED), Dayang Nurul Najibah binti Ridhwan ketika menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang penaja pada Majlis Pelancaran FEED Mentoring Program dan BCI.**

# 80 pakar, pendidik hadiri Bengkel Perkembangan Fakulti Klinikal

**TUNGKU LINK**, Jumaat, 25 September. - Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Pusat Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSBIHS), Universiti Brunei Darussalam mengadakan Bengkel Perkembangan Fakulti Klinikal : Konsep-konsep Utama dalam Pendidikan Perubatan selama dua hari.

Bengkel yang diadakan di Pusat Sumber Antanomi PAPRSBIHS tersebut, dilancarkan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional) Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif selaku Pengerusi bagi Penasihat Siswazah dan Lembaga Latihan (Postgraduate Advisory and Training Board-PGATB), Kementerian Kesihatan.

Seramai 80 pakar dan pendidik klinikal dari pelbagai kemudahan kesihatan kerajaan dan swasta di negara ini menyertai bengkel berkenaan.

Bengkel bertujuan untuk mendedahkan pengetahuan, kemahiran dan sikap kepada doktor dalam mendidik dan penyeliaan berkesan di dalam kelas dan persekitaran klinikal.



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Profesional) Kementerian Kesihatan selaku Pengerusi bagi Penasihat Siswazah dan Lembaga Latihan (Postgraduate Advisory and Training Board-PGATB), Kementerian Kesihatan semasa meninjau lebih dekat bengkel yang diadakan.**

Ini adalah untuk meningkatkan dan menginovasikan pengajaran / penyeliaan mereka bagi memenuhi tuntutan masa kini juga masa hadapan dalam sistem penjagaan kesihatan yang sentiasa berubah.

Sepanjang bengkel, para peserta diperkenalkan mengenai prinsip utama pengajaran, pembelajaran, penilaian, penyeliaan, bimbingan dan sokongan.

Bengkel turut diisikan dengan sesi pembentangan, memfokuskan dalam penyelidikan, pedagogi dan penilaian pembelajaran maya / digital.

Menerusi bengkel ini, ia dihasrat akan dapat meningkatkan lagi kesihatan dan kesejahteraan rakyat di negara ini, khusus dalam mempromosikan kecemerlangan dalam penyediaan perkhidmatan penjagaan kesihatan di negara ini.

Ini adalah matlamat strategik utama, yang digariskan dalam Pelan Strategik Kementerian Kesihatan 2019 - 2023.



**ANTARA peserta yang hadir pada Bengkel Perkembangan Fakulti Klinikal : Konsep-konsep Utama dalam Pendidikan Perubatan selama dua hari di Pusat Sumber Antanomi, Pusat Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSBIHS), Universiti Brunei Darussalam.**

# MPM Berakas 'B' bertahlil sempena Hari Guru Ke-30



AHLI Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Berakas 'B', yang juga selaku Pengerusi MPM Berakas 'B' mengetuai rombongan bagi Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bacaan Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, di Kubah Makam Diraja.

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Majlis Perundingan Mukim Berakas 'B'**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 September. - Majlis Perundingan Mukim (MPM) Berakas 'B' melalui Jawatankuasa Biro Agama MPM Berakas 'B' mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bacaan Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, di Kubah Makam Diraja, di sini.

Rombongan diketuai oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon selaku Penghulu Mukim Berakas 'B', yang juga selaku Pengerusi MPM Berakas 'B'.

Seramai 50 orang menghadiri majlis tersebut, yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa (AJK) MPM Berakas 'B', AJK Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan AJK Takmir Masjid di bawah tadahan Mukim Berakas 'B', iaitu Kampung Madang, Kampung Salambigar, Kampung Manggis, Kampung Sungai Hancing, Kampung Sungai Akar, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan Kawasan 1, Kawasan 2, Kawasan 3 , Kawasan 4 dan Kawasan 5, Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis Madang, Masjid Rashidah Sa'datul Bolkiah, Kampung Sungai Akar, Masjid Kampung Sungai Hancing, Masjid Kampung Salambigar dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Majlis membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil dibimbing oleh Ketua Imam dan Pegawai Masjid Perpindahan Lambak Kanan, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Jumat.

Majlis yang diadakan adalah bersempena dengan Sambutan Hari Guru Ke-30 dan sempena Hari Perkhidmatan Awam, yang juga merupakan satu inisiatif AJK untuk sama-sama meraikan sambutan hari-hari berkenaan.

Majlis seumpama ini juga merupakan aktiviti tahunan MPM Berakas 'B', di mana ia akan dapat menjadi satu wadah serta platform bagi perjumpaan dalam kalangan AJK MPM Berakas 'B' dengan Ahli-ahli Takmir Masjid dan anak-anak buah kampung.

# Bijak rancang kewangan, utama keperluan dari kehendak

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**ANGGEREK DESA**, Jumaat, 25 September. - Pengetahuan serta amalan pengurusan kewangan yang bijak dan berhemat bagi memenuhi keperluan diri dan masa depan adalah satu perkara mustahak yang perlu difahami oleh masyarakat.

Menyedari akan pentingnya perancangan kewangan, setiap individu perlu sentiasa berhati-hati dalam perbelanjaan dan perlu merancang kewangan mereka dengan lebih terurus demi menjamin kualiti hidup yang lebih baik.

Sehubungan itu, dalam usaha memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai mustahaknya mempunyai perancangan kewangan bagi menjamin masa depan, Goodlife Financial Planning petang tadi menganjurkan siri taklimat kewangan, di mana pada kali ini menyentuh mengenai topik pelaburan.

Taklimat yang berlangsung di D'Anggerek Service Apartment itu disampaikan oleh Pengarah Goodlife Financial Planning, Awang Ang Kian Guan yang juga selaku Konsultan Kewangan yang bertauliah.

Dalam taklimatnya, beliau menjelaskan betapa mustahaknya mempunyai perancangan kewangan sebelum bersara daripada perkhidmatan.

Melalui perancangan kewangan yang bijak jelasnya, kita dapat mengenal pasti cara-cara membuat belanjawan, menabung dan membelanjakan wang dalam suatu tempoh masa yang tertentu. Selain itu, ia adalah panduan untuk membantu kita mencapai sesuatu matlamat pada masa hadapan.

Beliau turut mengongsikan beberapa tip kewangan, iaitu menabung, membuat bajet, menguruskan hutang dan juga membuat pelaburan.

Jelasnya lagi, setiap individu perlu memeriksa cara perbelanjaan mereka, di samping memantau perbelanjaan agar tidak tersasar dari landasan.

"Menabung sahaja tidak akan menjadikan kita kaya, tetapi dengan melabur akan membuatkan kita kaya," ujarnya.

Awang Ang Kian Guan seterusnya mengingatkan bahawa apabila hendak membuat pelaburan, jangan sekali-kali membuat pinjaman untuk melabur. Wang yang digunakan untuk melabur jelasnya, hendaklah wang yang kita tidak gunakan untuk mana-mana keperluan.

Selain itu tambahnya, buat pelaburan di pelbagai tempat (*diversify*), jangan hanya membuat simpanan wang hanya pada satu tempat sahaja, di samping perlu fahami konsep kolerasi pelaburan.

Lebih 60 orang menyertai sesi taklimat tersebut yang dihasrat akan dapat meningkatkan lagi kefahaman mereka terhadap perancangan kewangan yang betul dan terurus, dan seterusnya dapat membantu mencapai kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan.

Taklimat Kewangan merupakan siri taklimat yang dianjurkan oleh Goodlife Financial Planning, di mana sebelum ini, mereka juga menganjurkan Taklimat Perlindungan Perniagaan (Business Protection Talk), Taklimat Tabung Pendidikan Kanak-Kanak dan sebagainya.

Siri taklimat yang seterusnya bertajuk 'Business Succession Planning' akan diadakan pada satu tarikh yang akan diumumkan kemudian.

Bagi maklumat lanjut, boleh mengikuti laman media sosial Goodlife Financial Planning di *@goodlife_financialplanning*.



**PENGARAH Goodlife Financial Planning, Awang Ang Kian Guan yang juga selaku Konsultan Kewangan Bertauliah semasa memberikan taklimat tersebut.**




## Apa Pendapat Biskita?

# Ekosistem, manusia rosak jika hidupan liar musnah

BUMI ini bukan sahaja milik manusia. Flora dan fauna juga mempunyai hak untuk hidup di bumi hijau ini. Walau bagaimanapun, tindak-tanduk manusia telah mengakibatkan hidupan-hidupan liar semakin dinafikan haknya untuk hidup. Pembangunan dijadikan alasan untuk merasionalkan tindakan manusia ini. Langkah-langkah segera harus diambil agar hidupan liar juga dapat meneruskan kehidupan mereka di bumi ini. Apa Pendapat Biskita minggu ini turut berpeluang mendapatkan pandangan orang ramai tentang hak yang patut kita kongsi bersama di bumi Allah ini bersama beberapa kehidupan lainnya.

"Pada pandangan saya, langkah menggazet hutan-hutan simpanan harus dijalankan secara meluas. Hutan-hutan simpanan harus digazet agar tiada sebarang tindakan pembalakan dijalankan untuk merosakkan atau menghapuskan habitat haiwan. Dengan menggazet hutan-hutan simpanan ini, tempat pembiakan haiwan-haiwan dapat dijamin dan sumber makanan mereka juga akan berkekalan. Tindakan pemulihan, seperti penanaman semula hutan untuk menjamin habitat hidupan liar perlu ditingkatkan. Pemburuan haram, khususnya bagi mendapatkan kulit dan pelbagai anggota hidupan liar semakin berleluasa kerana nilai komersial yang diberi kepadanya. Untuk memastikan hidupan-hidupan liar ini selamat, langkah dari segi kawalan pemberian lesen pemburuan serta tindakan tegas dan berat ke atas pemburu-pemburu haram perlu diambil. Pegawai-pegawai Jabatan Perhutanan juga perlu ditambah agar kawalan pemburuan dapat dijayakan". **- Mohd. Sofian Ahmad, Tutong.**

"Pertanian dan pembakaran hutan untuk membersihkan kawasan hutan merupakan tindakan biasa. Ini secara langsung mengakibatkan habitat hidupan liar hilang dan berlaku pemupusan hidupan liar. Usaha penyelidikan dan pembangunan merupakan satu tindakan yang wajar dijalankan untuk menjamin hidupan liar kekal di bumi ini. Kajian dan penyelidikan perlu dijalankan agar haiwan-haiwan ini terus membiak dan mempunyai ketahanan dalam menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan persekitaran. Aktiviti pembangunan yang melibatkan habitat hidupan liar seperti pembinaan empangan, perumahan dan pertanian perlu dirancang dengan teliti serta kajian kesan ke atas ekosistem serta fauna dan flora perlu dijalankan dengan mendalam agar hidupan liar dapat kekal di bumi ini". **- Siti Zahirah Sulaiman, Kiarong.**

"Perdagangan hidupan liar bukan hanya menjadi ancaman di rantau Asia, malah turut menjadi masalah di hampir setiap negara yang memiliki sumber hidupan semula jadi berharga. Selain diburu untuk mendapatkan bahagian berharga dan dijadikan ramuan ubatan tradisional, hidupan liar kerap menjadi sasaran golongan tidak bertanggungjawab untuk dijadikan haiwan peliharaan, selain dagingnya dijadikan juadah. Penjualan hidupan liar secara dalam talian melalui laman-laman sosial, seperti Facebook, perlu sentiasa dipantau oleh pihak-pihak yang berkenaan. Kemusnahan hidupan liar boleh memberi kesan kepada bumi dan menyebabkan ekosistem tidak seimbang. Tumbuhan dan hidupan liar setentunya saling memerlukan antara satu sama lain. Sekiranya salah satu daripadanya sudah pupus, maka akan terjadinya ketidakseimbangan bumi dan ekosistem". **- Fiza MD, Rimba.**

Selaku penulis dalam ruangan Apa Pendapat Biskita kali ini saya berpendapat di mana langkah-langkah yang dirancang dan dilaksanakan memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Kesedaran tentang hak hidupan liar melalui pendidikan penting agar tindak-tanduk manusia dapat dikawal. Hidupan liar patut diberi tempat untuk meneruskan zuriat mereka bersama manusia di bumi ini. Mereka bahagian amat penting dalam sekitaran dan ekosistem kita. Sedang kita terus melangkah ke depan dalam memajukan teknologi dan negara, kita juga perlu menjaga hidupan liar kerana jika hidupan liar dimusnahkan, ekosistem kita juga akan mengalami kerosakan dan begitu juga manusia!

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.
Sila e-melkan pendapat biskita ke :
*pelita.brunei@information.gov.bn*
**i. Kelajuan Boleh Membunuh, Jangan Jadikan Jalan Raya Medan Maut.**
**ii. Disiplin Pelajar.**

# 22 sertai Program Bengkel Gerak Pantas Terjemahan dan Penyuntingan



**PARA peserta Program Bengkel Gerak Pantas Terjemahan dan Penyuntingan ketika sesi bergambar ramai bersama Penolong Rektor (Akademik) dan Dekan Fakulti Bahasa Arab, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad (depan, tiga dari kiri).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 24 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab (FBA) mengadakan Program Bengkel Gerak Pantas Terjemahan dan Penyuntingan selama tiga hari.

Program bertujuan untuk memberi peluang kepada para peserta mempelajari dan mempraktikkan teori juga teknik-teknik terjemahan yang efektif.

Bengkel disampaikan oleh tiga fasilitator, terdiri daripada tenaga akademik Fakulti Bahasa Arab, iaitu Profesor Dr. Moustafa Mohammed Rizk elsawahly; Profesor Madya Dr. Muhammadul Bakir bin Yaakub; dan Dr. Muhamad Alif bin Haji Sismat.

Program disampaikan dalam tiga bahasa, iaitu bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Inggeris.

Inisiatif ini selaras dengan peranan Fakulti Bahasa Arab sebagai pusat bahasa dan terjemahan yang menitikberatkan juga memperkasa pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab juga bidang terjemahan.

Seramai 22 peserta mengikuti bengkel ini, terdiri daripada mahasiswa siswazah dan guru-guru sekolah Arab.

Antara isi kandungan yang disampaikan di dalam bengkel berkenaan ialah mengajar dan mempraktikkan teknik-teknik dalam menterjemahkan pelbagai jenis teks, seperti teks sastera, agama, akademik dan media.

Di samping itu, para peserta turut berpeluang menggunakan program perisian terjemahan yang boleh memudahkan penterjemah dalam menghasilkan terjemahan yang cepat dan berkualiti, seiring dengan arus era digital juga kemajuan teknologi yang serba canggih.

Program selama tiga hari itu diakhiri dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil kepada para fasilitator juga peserta, disampaikan oleh Penolong Rektor (Akademik) dan Dekan Fakulti Bahasa Arab, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad.

Diharap program sebegini akan berterusan dan dikembangluaskan pada masa hadapan agar dapat terus memperkasa bahasa Arab dan bidang terjemahan khususnya, dan memberikan impak positif dalam mengasah kemahiran masyarakat dalam penguasaan bahasa.

# 56 sertai Bengkel Asas Bahasa Isyarat



**PEMANGKU Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Siti Rahmah binti Pengiran Haji Mohd. Salleh (kiri) menyempurnakan penyampaian sijil kepada peserta.**

**Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**TUTONG**, Khamis, 24 September. - Bengkel Asas Bahasa Isyarat yang diadakan selama tiga hari menutup tirainya dengan majlis penutup, diadakan di Dewan Kemasyarakatan, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil, Pemangku Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Siti Rahmah binti Pengiran Haji Mohd. Salleh.

Bengkel yang dianjurkan bersama oleh Bahagian Orang Kelainan Upaya (OKU), Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Persatuan Orang Kurang Pendengaran (OKP) tersebut, disertai seramai 56 peserta, terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan swasta; Ahli-ahli Persatuan Warga Emas Tutong; penuntut pengajian tinggi; suri rumah tangga; anak-anak buah kampung yang menetap di Daerah Tutong dan Daerah Belait; juga orang-orang persendirian.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, dipimpin oleh Guru Ugama Pusat Bahagia Tutong, Awang Adnan bin Haji Taha, diikuti dengan sesi perkongsian daripada wakil peserta bengkel, iaitu Dayang Siti Sara binti Haji Kamis.

Acara diakhiri dengan tayangan video klip pendek mengenai aktiviti-aktiviti peserta sepanjang mengikuti bengkel berkenaan dan sesi bergambar ramai.

# Para Mahasiswa UNISSA mengenali penBorneo



**PARA mahasiswa dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang mengikuti program Sarjana Muda Tahfiz dan Qiraat mengadakan Lawatan sambil Belajar ke Pusat Pengkajian Borneo (penBorneo), di sini.**

**Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin**

**BERAKAS**, Khamis, 24 September. - Seramai 26 mahasiswa dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang mengikuti program Sarjana Muda Tahfiz dan Qiraat mengadakan Lawatan sambil Belajar ke Pusat Pengkajian Borneo (penBorneo), di sini.

Pensyarah Fakulti Usuluddin UNISSA, Dr. Ahmad Baha bin Mokhtar berkata, Lawatan sambil Belajar itu bertujuan bagi meninjau naskhah-naskhah manuskrip, yang disimpan di penBORNEO.

"Di bawah program Sarjana Muda Tahfiz dan Qiraat, para mahasiswa ada mempelajari mengenai manuskrip mashaf. Oleh kerana pusat pengkajian ini menyediakan bahan-bahan manuskrip, kami berminat untuk mengetahuinya dan mungkin terdapat manuskrip yang sesuai untuk dibuatkan kajian bagi para mahasiswa atau pensyarah," katanya.

Pada lawatan tersebut, rombongan diberikan penerangan mengenai Koleksi Manuskrip penBORNEO oleh Pegawai Sejarah pusat pengkajian berkenaan, Dayang Mardiah binti Haji Ramli.

Manakala, Pegawai Sejarah penBORNEO, Awang Muhd. Hefni bin Mahari turut menyampaikan taklimat mengenai Asas Pemeliharaan Rekod Manuskrip.

Rombongan, seterusnya mengikuti aktiviti membaca dan mentransliterasi manuskrip, disusuli dengan lawatan ke koleksi bahan rekod dan sesi tunjuk cara asas pemeliharaan rekod.

Para mahasiswa tersebut terdiri daripada mahasiswa Tahun 3 dan 4 program berkenaan.

Objektif lawatan adalah bagi menambah ilmu pengetahuan tentang manuskrip-manuskrip secara umum dan manuskrip Al-Quran secara khusus, di samping mempelajari mengenai kaedah meneliti Rasm al-Mushaf juga Dabt al-Mushaf dalam manuskrip Al-Quran.



**PEGAWAI Sejarah penBORNEO, Awang Muhd. Hefni bin Mahari turut menyampaikan taklimat mengenai Asas Pemeliharaan Rekod Manuskrip.**

Di samping itu, ia membuka ruang lebih besar kepada para mahasiswa untuk membuat kajian berkaitan manuskrip, sama ada di peringkat Sarjana Muda mahupun Lepasan Ijazah.

PenBORNEO ditubuhkan pada 31 Januari 2013 sebagai sebahagian daripada Cawangan Pusat Sejarah Brunei dengan objektifnya, antara lain untuk menjadi sumber rujukan juga penyelidikan mengenai sejarah Borneo, selain menjadi destinasi pelancongan akademik dengan tujuan penyelidikan.

# Kerja pembaikan jalan raya



**PENUTUPAN sebahagian jalan lorong kiri menghala ke Tutong bagi memberi laluan kerja-kerja pembaikan jalan raya di sepanjang Jalan RIPAS.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 24 September. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai terutama kepada pengguna jalan raya mengenai penutupan sebahagian jalan lorong kiri menghala ke Tutong bagi memberi laluan kerja-kerja pembaikan jalan raya di sepanjang Jalan RIPAS pada 25 September 2020 (sehingga kerja-kerja pembaikan selesai).

Penutupan sementara sebahagian jalan tersebut akan mula dilaksanakan setiap jam 9.00 pagi sehingga 5.00 petang. Jalan berkenaan akan dibuka semula sebaik sahaja kerja-kerja berkenaan selesai dilaksanakan.

Sehubungan itu, pihak JKR ingin mengingatkan kepada para pengguna jalan raya untuk sentiasa berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas dan mematuhi had laju yang dibenarkan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak JKR melalui Talian Darussalam, 123 atau Livechat di +673 8333123, media sosial, Facebook : *Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam* dan e-mel : *pro@pwd.gov.bn.*

# Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Guru seluruh negara



**MAJLIS Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Guru Ke-30 diadakan di sekolah-sekolah, maktab-maktab dan pusat-pusat tingkatan enam di seluruh negara adalah bagi mengenang jasa bakti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien terhadap kemajuan pendidikan di negara ini.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 24 September. - Bersempena dengan Sambutan Hari Guru Ke-30, sekolah-sekolah, maktab dan pusat-pusat tingkatan enam seluruh negara di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran yang diadakan di sekolah-sekolah, maktab-maktab dan pusat-pusat tingkatan enam masing-masing di seluruh negara.

Majlis ini merupakan sebahagian daripada kegiatan - kegiatan keagamaan bersempena dengan Sambutan Hari Guru yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan dan KHEU.

Antara tujuan majlis ini diadakan adalah untuk memanjatkan syukur ke hadrat Ilahi serta menzahirkan rasa terima kasih dan penghargaan kepada guru-guru yang mendidik pelajar-pelajar untuk menjadi seorang yang berjaya, di samping mengeratkan hubungan antara guru dengan pelajar itu sendiri.

Sambutan Hari Guru disambut pada 23 September setiap tahun di negara ini bagi mengambil sukut sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan dan mengenang jasa bakti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien terhadap kemajuan pendidikan, di negara ini.

Sambutan ini juga adalah sebagai usaha untuk memartabatkan kerjaya perguruan yang banyak menyumbang kepada pembangunan kapasiti tenaga manusia di negara ini. Pada tahun ini, tema bagi Sambutan Hari Guru ialah 'Pendidikan Berkualiti Teras Kecemerlangan Pelajar'.

# Perkasa penggunaan Bahasa Isyarat



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (kiri) semasa menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta bengkel tersebut.



PARA peserta Bengkel Jom Berisyarat! pada sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis.

**Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**PULAIE**, Rabu, 23 September. - Bahagian Kemasyarakatan Sukarelawan Belia dengan sokongan Alumni Program-Program Antarabangsa (APPA) mengungkayahkan Bengkel Jom Berisyarat! yang diadakan di Dewan Darul Imtiyaz, Pusat Bahagia, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian sijil-sijil penyertaan kepada para peserta ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Bengkel diadakan bersempena dengan Hari Pendengaran Sedunia yang jatuh pada setiap 23 September dan merupakan pendedahan kepada orang ramai dalam sama - sama menghargai insan-insan kelainan upaya, iaitu bisu dan pekak di dalam masyarakat.

Terdahulu seramai lebih 70 peserta menyertai bengkel selama empat jam tersebut di bawah bimbingan pemudah cara, iaitu Penolong Pengajar Kanan di Pusat Bahagia, Awang Haji Mohamad Paizzal bin Haji Piluk yang merupakan Yang Di-Pertua Alumni Program - program Antarabangsa serta dibantu oleh ahli komiti APPA dan kakitangan Pusat Bahagia.

Dalam ucapan alu - aluan Pengerusi Bengkel Ketua Pusat Operasi Bahagian Kemasyarakatan Sukarelawan Belia, Awang Ashmeer Imtiaz Ahmad menyentuh antara lain objektif bengkel ialah mengenalkan cara penggunaan Bahasa Isyarat asas kepada orang awam yang terdiri daripada belia-belia serta mahasiswa-mahasiswi institut pengajian tinggi, di samping membudayakan Bahasa Isyarat sebagai bahasa untuk berkomunikasi bersama orang kelainan upaya (bisu dan pekak).

Majlis pada petang itu diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat. Juga hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan), KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said dan Pemangku Ketua Operasi Sukarelawan Belia, Mejar (B) Haji Mohammad bin Dollah.



PERTUBUHAN WARGAMAS Brunei semasa mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja, diketuai oleh Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS Brunei, Pengiran Haji Mohammad Salleh bin Pengiran Haji Kamaluddin.

# Majlis Bertahlil sempena penubuhan WARGAMAS Brunei

**Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 September. - Bersempena dengan Ulang Tahun Penubuhan Pertama Pertubuhan WARGAMAS Brunei, pertubuhan tersebut mengadakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Kubah Makam Diraja, di sini.

Majlis Bertahlil tersebut adalah bagi paduka ayahanda dan paduka bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman.

Antara yang hadir pada majlis tersebut ialah Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS Brunei, Pengiran Haji Mohammad Salleh bin Pengiran Haji Kamaluddin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan seterusnya bacaan Doa Tahlil diikuti dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat.

Antara yang hadir pada majlis tersebut ialah Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki serta seramai 50 orang Ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS Brunei.

# Video tular RB tidak benar!

**Siaran Akhbar :
Syarikat Penerbangan Diraja Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 25 September. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (Royal Brunei - RB) menerima maklumat mengenai video yang tular di media sosial yang menunjukkan iklan kru kabin RB yang bertugas dalam penerbangan memenangi perjudian menerusi platform perjudian dalam talian.

Sehubungan itu, pihak RB ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa kandungan video tersebut adalah palsu dan tidak benar.

Anggota kru RB dilatih untuk menanaikan standard tertinggi, di mana mereka perlu sentiasa mengamalkan dan mengekalkan sikap tersebut dalam semua penerbangan RB.

RB tidak membenarkan tindakan yang salah dan apa jua yang boleh merosakkan jenama syarikat, termasuk reputasi dan kerja keras setiap anggota dalam pasukan RB.

Tegas pihak RB, mereka memandang serius perkara tersebut dan melaporkannya kepada pihak berkuasa yang berkenaan untuk siasatan juga tindakan sewajarnya.

RB mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli Royal Skies dan semua pelanggan RB atas sokongan berterusan mereka.

Sekiranya orang ramai mendapati perkara yang melibatkan jenama RB di media sosial yang tidak dipromosikan oleh syarikat tersebut, sila hubungi Pusat Panggilan RB untuk mendapatkan penjelasan sebelum mengongsikannya di media sosial.

# 35 pemenang BIBD Aspirasi 2 bawa pulang BND1,000





KETUA Jualan, Kumpulan Perbankan Runcit, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Dayang Hajah Rohani binti Salleh menyempurnakan penyampaian hadiah kepada salah seorang pemenang (kanan). Manakala gambar atas, beliau bergambar ramai bersama sebahagian pemenang cabutan bulanan ke-10 bagi Kempen Ganjaran BIBD Aspitasi 2.

Siaran Akhbar dan Foto :
Bank Islam Brunei Darussalam

**KIULAP**, Jumaat, 25 September. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) baru-baru ini menyerahkan sejumlah BND35,000 kepada seramai 35 pemenang cabutan bulanan ke-10 dalam Kempen Ganjaran BIBD Aspitasi 2.

Setakat ini, untuk Kempen BIBD Aspirasi 2 yang dilancarkan pada bulan November 2019 yang lalu, BIBD menyerahkan sejumlah BND465,000 hadiah kemenangan kepada seramai 330 pemenang, termasuk pelanggan yang dibawa daripada Kempen BIBD Aspirasi 1.

Cabutan terbaharu kempen berkenaan menyaksikan pemenang bulanan membawa pulang sejumlah BND1,000 setiap seorang bagi bulan September, yang juga sebagai penghargaan di atas kesabaran mereka mengikuti program simpanan tersebut.

Sehubungan dengan itu, satu majlis penyampaian hadiah diadakan di Cawangan BIBD Kiulap, di mana hadiah-hadiah disampaikan oleh Ketua Jualan, Kumpulan Perbankan Runcit, BIBD, Dayang Hajah Rohani binti Salleh.

Di samping kemenangan bulanan, pelanggan juga berpeluang memenangi hadiah suku tahunan sebanyak BND25,000 dan juga hadiah utama yang mampu mengubah kehidupan mereka dengan membawa pulang wang kemenangan sebanyak BND250,000, yang dijangka akan diadakan pada bulan Disember tahun ini.

Setakat ini, untuk Kempen BIBD Aspirasi 2 ini, BIBD memberikan sejumlah BND465,000 hadiah kepada seramai 330 pemenang, termasuk pelanggan yang dibawa dari Kempen BIBD Aspirasi 2 sebelum ini.

Untuk melayakkan diri bagi cabutan hadiah utama, pelanggan hendaklah melanggan BIBD Aspirasi 2 sekurang-kurangnya 90 hari sebelum cabutan.

Tarikh terakhir melayakkan diri bagi mendapatkan hadiah dalam kempen ini adalah pada bulan Ogos 2020, tetapi BIBD berkeinginan meneruskan kempen ganjaran tersebut, di mana pelanggangannya digalakkan untuk menyimpan simpanan mereka di BIBD Aspirasi agar layak mendapat cabutan hadiah dalam edisi BIBD Aspirasi seterusnya, iaitu BIBD Aspirasi 3.

Penyimpan daripada kempen sebelumnya yang membuat simpanan mereka dalam Kempen Aspirasi BIBD semasa akan dibawa secara automatik ke Aspirasi BIBD 3. Cabutan seterusnya bagi pemenang bulanan akan diadakan pada bulan Oktober.

Dengan sokongan pelanggan bank dan masyarakat Brunei secara amnya, program ini terus berjaya dan bermanfaat. Ini mencerminkan bahawa pelanggan program ini memahami kepentingannya dan memberi manfaat dari segi kewangan dan membantu masyarakat Brunei menanamkan budaya menabung.

BIBD pada masa yang sama, berasa gembira dapat memulakan program yang menyokong agenda kebangsaan untuk mewujudkan masyarakat yang celik kewangan di Negara Brunei Darussalam.

# Garage Sale bermula 2 Oktober




Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Infografik : Ihsan SMARTER Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 September. - SMARTER Brunei akan mengadakan Garage Sale atau Jualan Amal yang merupakan aktiviti tahunan persatuan berkenaan yang bakal berlangsung selama tiga hari bermula 2 hingga 4 Oktober 2020.

Acara akan mengambil tempat di SMARTER Baca G.I.F.T Centre, Jalan Sungai Hanching, dengan menjual barangan terpakai, seperti permainan dan pakaian kanak-kanak, barangan perhiasan, beg, kasut, barangan rumah, makanan serta minuman dan banyak lagi dengan harga yang murah, di mana hasil jualan tersebut akan disumbangkan ke SMARTER Brunei.

Penyertaan dibukakan kepada orang ramai yang ingin menyumbangkan barangan terpakai dengan harapan mampu mengurangkan pembaziran dan pencemaran.

Bagi mereka yang membeli barangan terpakai pula, memang bukan satu rahsia lagi kerana kita boleh mendapatkan barang yang diingini dengan harga terendah.

Hasil jualan akan disumbangkan sepenuhnya kepada Persatuan SMARTER Brunei dan dengan ini, orang ramai melakukan sesuatu untuk membantu komuniti yang memerlukan, sekali gus dapat memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai autisme.

Untuk keterangan lebih lanjut, hubungi talian SMARTER Brunei di +673 7172991 atau ikuti Instagram mereka di *@smarterbrunei.*

Persatuan SMARTER Brunei ditubuhkan pada 9 September 2001, merupakan pertubuhan bukan kerajaan yang komited dalam menyediakan perkhidmatan kepada individu serta ahli keluarga yang menghidap Autisme.

Ketika ini, persatuan tersebut mempunyai tiga buah pusat pembelajaran / pemedulian dengan 100 pelajar yang mengalami autisme, iaitu Pusat SMARTER Autisme EDGE yang terletak di Kampung Mata-Mata, Gadong dan Ccawangan Kuala Belait serta Pusat Autisme Brunei bagi Orang Dewasa (BACA), terletak di Jalan Sungai Hanching.

# UNISSA terus usaha memartabatkan bahasa Arab

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Profesor Madya Dr. Siti Sara Haji Ahmad



PENOLONG Rektor (Akademik) dan Dekan Fakulti Bahasa Arab (FBA) UNISSA, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad semasa ditemu bual.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerusi Fakulti Bahasa Arab sentiasa berusaha bagi memartabatkan bahasa Arab melalui inisiatif-inisiatif yang antaranya menawarkan program Sarjana Muda, Sarjana dan Ph.D Bahasa Arab dan penawaran bahasa Arab untuk orang ramai.

Selain itu, inisiatif UNISSA termasuk penubuhan International Arabic Learning Testing System (IALTS) menawarkan kursus peningkatan bahasa Arab (Asas, Pertengahan dan Lanjutan) dan menubuhkan Badan Pelajar Fakulti Bahasa Arab dan Kelab Bahasa Arab.

Penolong Rektor (Akademik) dan Dekan Fakulti Bahasa Arab (FBA) UNISSA, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad semasa ditemu bual menjelaskan mengenai dengan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan, iaitu Karnival Bahasa Arab, Festival Bahasa Arab, Eksplorasi Bahasa Arab, Perkhemahan Serantau Bahasa Arab, Mobiliti Akademik ke IPT Luar Negara, Pertandingan Debat Bahasa Arab Antarabangsa / Kebangsaan dan sebagainya.

Beliau seterusnya berkata, di mana UNISSA juga menubuhkan Instagram Fakulti Bahasa Arab dan mengaktifkan program Al-Arabiyyah-Minna Wa Ilaikum (Dari Kami Untuk Kamu).

"Selain penerbitan buku cerita sejarah dalam bahasa Arab, beberapa projek telah dirancang, seperti projek baharu, iaitu penterjemahan sebanyak dua buah buku cerita bergambar bersama Pusat Sejarah Brunei. Perancangan juga termasuk penerbitan buku bacaan bahasa Arab berserta latihan yang disasarkan kepada sekolah-sekolah Arab dan juga sekolah-sekolah yang mengajar mata pelajaran Arab," ujarnya.

Hasil buku-buku cerita ini tambahnya, ada digunakan dalam aktiviti-aktiviti pertandingan membaca dan lakonan serta mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti yang disebutkan di atas.

Beliau juga berharap agar hasrat supaya bahasa Arab itu menjadi bahasa ilmu, khususnya penuntut aliran Arab dan para pelajar perlu menanamkan niat untuk sentiasa memperbaiki bahasa Arab mereka kerana mempelajarinya adalah satu ibadah atas kapasiti bahasa Arab sebagai bahasa Al-Quran, bahasa ibadat, bahasa ilmu dan bahasa tamadun.

"Praktikkan bahasa Arab sesama guru, sesama rakan dan bahkan gunakan teknologi untuk melazimkan diri mempraktikkan bahasa Arab tidak kira masa atau tempat serta jangan malu untuk mencuba dan belajar daripada kesilapan bahasa," jelasnya lagi.

PSC RECRUITMENT

## IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

**TARIKH IKLAN : 26 SEPTEMBER 2020**
**TARIKH TUTUP : 17 OKTOBER 2020**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG BOLEH DILAYARI **www.recruitment.gov.bn**. TATACARA PERMOHONAN DAN JUGA LAIN-LAIN MAKLUMAT SILA KUNJUNGI RUANGAN *QUICKLINKS* DAN *FAQ'S* DI PORTAL BERKENAAN.

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temu duga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel **query@spa.gov.bn**.

---

**JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**NOTIS SEBUT HARGA**

Bilangan Tawaran :
JAIN / 21 / 2006 / III

**Tajuk Tawaran :**
Pembekalan Tablets, Scanners dan Bag

**Tarikh tutup / jam :**
20 Oktober 2020 -
Selasa, 9.00 Pagi

---

**JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**BILANGAN SEBUT HARGA**
JSS / SH (PB) / KS / 15 / 2020 - 2021

**KETERANGAN :**
SEBUT HARGA UNTUK MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TUDUNG SEKOLAH UNTUK PENUNTUT PEREMPUAN DAN TALI LEHER PENUNTUT LELAKI KE PUSAT TINGKATAN ENAM BELAIT, JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, BANDAR SERI BEGAWAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA :**
BND5.00 [bayaran dokumen sebut harga tidak dikembalikan]

**BILANGAN SEBUT HARGA**
JSS / SH (PB) / KS / 16 / 2020 - 2021

**KETERANGAN :**
SEBUT HARGA UNTUK MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KAIN PENUNTUT PEREMPUAN DAN KAIN PENUNTUT LELAKI KE PUSAT TINGKATAN ENAM BELAIT, JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, BANDAR SERI BEGAWAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA :**
BND5.00 [bayaran dokumen sebut harga tidak dikembalikan]

**BILANGAN SEBUT HARGA**
JSS / SH (PB) / KS / 17 / 2020 - 2021

**KETERANGAN :**
SEBUT HARGA UNTUK MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BAJU CCA BAGI PENUNTUT KE PUSAT TINGKATAN ENAM BELAIT, JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, BANDAR SERI BEGAWAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA :**
BND5.00 [bayaran dokumen sebut harga tidak dikembalikan]

**BILANGAN SEBUT HARGA**
JSS / SH (PB) / KS / 18 / 2020 - 2021

**KETERANGAN :**
SEBUT HARGA UNTUK MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BAJU SUKAN BAGI PENUNTUT TAHUN 7 HINGGA TAHUN 11 KE SEKOLAH MENENGAH RIMBA, JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, BANDAR SERI BEGAWAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA :**
BND5.00 [bayaran dokumen sebut harga tidak dikembalikan]

**Tarikh tutup :**
6 Oktober 2020, Tidak lewat jam 2.00 Petang

---

JKR

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN DI DALAM**
**KELAS : II & III SAHAJA**
**KATEGORI : [KA 01]**

**TARIKH TUTUP :**
**13 OKTOBER 2020 (SELASA), TIDAK LEWAT DARI JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :**
**JKR / DOR / SRM 29 / 2020**

**NAMA PROJEK :**
**KERJA-KERJA PEMBAIKAN JALAN RAYA BAGI ZON 5, DAERAH BRUNEI MUARA**

**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**
**(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**BILANGAN TAWARAN :**
**JKR / DOR / SRM 30 / 2020**

**NAMA PROJEK :**
**KERJA-KERJA PEMBAIKAN JALAN RAYA BAGI ZON 6 & 7, DAERAH BRUNEI MUARA**

**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**
**(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

---

**JABATAN PENERBANGAN AWAM**
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran 1:
**TO SUPPLY AND INSTALL SPARE PARTS FOR HOLD BAGGAGE SCREENING SYSTEM, HBSS AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT**
**JPA / AME / 2020 - 2023 / 02**

Tarikh tutup tawaran :
**Selasa, 20 Oktober 2020**
**(hingga jam 2.00 Petang)**

## NEX.US (TELEKOM BRUNEI BERHAD)

**TAWARAN**

**1. NDC / JUN / 2020 / 001**
**KETERANGAN- Enjin perahu :**
**40Hp Enduro Engine**
**JUMLAH - 2 Unit**
**TEMPAT - Sinarubai Store**

**2. NDC / JUN / 2020 / 002**
**KETERANGAN - Perahu :**
**Fibreglass boat 16 kaki Panjang beserta trailer**
**JUMLAH - 1 Unit**
**TEMPAT - Sinarubai Store**

**3. NDC / JUN / 2020 / 005**
**KETERANGAN - Kereta :**
**Daihatsu YRV**
**JUMLAH - 1 Unit**
**TEMPAT - Sinarubai Store**

**4. NDC / JUN / 2020 / 006**
**KETERANGAN - Kereta :**
**Toyota Land Cruiser**
**(Harga Tender bermula dengan BND1,000.00)**
**JUMLAH - 1 Unit**
**TEMPAT - Sinarubai Store**

Syarat-syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat, pemborong-pemborong atau perseorangan yang berminat.

2. Borang-borang tawaran boleh diperoleh dari :

**Nex.Us (Telekom Brunei Berhad)**
**Headquarters,**
**2nd Floor, Annajat Complex,**
**Lot 71077, Kg Mata-Mata**
**Negara Brunei Darussalam**

3. Tawaran hendaklah dihantar dengan sampul surat yang tertutup rapat dan tanpa menunjukkan identiti syarikat / pemborong atau perseorangan serta ditulis bilangan tawaran dan tajuk seperti :

'SALE BY TENDER' (Sila nyatakan bilangan dan keterangan)

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut Harga,

**The Chairman of Quotation Board,**
**Nex.Us (Telekom Brunei Berhad)**
**Headquarters,**
**2nd Floor, Annajat Complex,**
**Lot 71077, Kg Mata-Mata**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Tidak lewat dari KHAMIS, 1 Oktober 2020, jam 2.00 Petang.**

4. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**BIL. TAWARAN :**
**KHEU / BDP / 164 / 165 / 2020**

**TAJUK :**
**URGENT REPAIR WORKS TO ALL THE EXISTING COLUMN TILES AT MASJID BOLKIAH KAMPUNG SERUSOP, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KELAS :**
**I & II**

**KATEGORI :**
**B01 SAHAJA**

**YURAN :**
**TIDAK DIKENAKAN BAYARAN**

**BIL. TAWARAN :**
**KHEU / BDP / 164 / 166 / 2020**

**TAJUK :**
**REPAIR WORKS TO GOVERNMENT HOUSE JHEU / 71, BANGAR DAERAH TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KELAS :**
**I & II**

**KATEGORI :**
**B 01 & KPB 02 SAHAJA**

**YURAN :**
**TIDAK DIKENAKAN BAYARAN**

**BIL. TAWARAN :**
**KHEU / BDP / 164 / 167 / 2020**

**TAJUK :**
**REPAIR WORKS TO GOVERNMENT HOUSE JHEU / 78 UNIT 1, KG. TANAH JAMBU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KELAS :**
**I & II**

**KATEGORI :**
**B 01 SAHAJA**

**YURAN :**
**TIDAK DIKENAKAN BAYARAN**

**TARIKH TUTUP :**
**RABU,**
**30 SEPTEMBER 2020,**
**2.00 PETANG**

## JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

**NOTIS SEBUT HARGA**

**BILANGAN TAWARAN :**
**RTB / K / 117 / 20 - 21**

**TAJUK TAWARAN :**
**SUPPLY OF IBM STATISTICAL PACKAGE FOR SOCIAL SCIENCE (SPSS) SOFTWARE**

**BAYARAN TAWARAN :**
**BND5.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**TARIKH TUTUP :**
**RABU,**
**7 OKTOBER 2020**
**(2.00 PETANG)**

## UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

**UNISSA / SB0031 / 2020 / 2021-**
**KERJA-KERJA LOGISTIK SEMPENA HAFL AL-TAKHARRUJ KE-10 UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)**

**TARIKH TUTUP :**
**RABU,**
**30 SEPTEMBER 2020,**
**JAM 2.00 PETANG**

## KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**SEBUT HARGA MENCETAK DAN MEMBEKALKAN BUKU TERBITAN BAGI KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN**

**TARIKH TUTUP :**
**KHAMIS,**
**8 OKTOBER 2020,**
**JAM 2.00 PETANG**

## JABATAN DAERAH BELAIT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**BILANGAN TAWARAN :**
**JDB / BKPD / SH / 23 / 2020**

**TAJUK TAWARAN :**
**REFURBISH WORKS OF STAGE DEWAN SERBAGUNA KAMPUNG SUNGAI MAU, MUKIM BUKIT SAWAT**

**YURAN TAWARAN : BND 5.00**

**TARIKH TUTUP :**
**29 SEPTEMBER 2020**
**(SELASA)**

MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN**

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 219 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **NORSIAH BINTI JAIS** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MUDIN BIN HAJI NASIR** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ISTERI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **29 SEPTEMBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 31 Ogos 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 220 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **THOMPSON SHIM CHEE SOON** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PATSY SHIM (ALIAS) SHIM SOO LING** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ADIK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **29 SEPTEMBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 31 Ogos 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 221 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **RASHIDA AKTER** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **RIPON MIA** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ISTERI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **29 SEPTEMBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 31 Ogos 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 222 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **A HAJI ROSLI BIN A HAJI METASAN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **JARINAH BINTI HAJI MD YUSOF** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **29 SEPTEMBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 31 Ogos 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 223 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MOHAMMAD YUSISKANDARSAH BIN HAJI MOHD. YASOP** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH AISAH BINTI HAJI AHMAD** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **29 SEPTEMBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 31 Ogos 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 224 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **BERANDAI ANAK DADONG** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **ORNAH BINTI LUPAT** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **29 SEPTEMBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 31 Ogos 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 225 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **AWANG HAJI AMILI BIN HAJI MD YUSSOF / HAJI MOHD. YUSSOF** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI YUSOP BIN DATO IMAM HAJI MOKTI** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **29 SEPTEMBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 31 Ogos 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 226 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **LEE JOON KIAN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PHANG JOON FUI** yang telah meninggal dunia di TIMBERLAND MEDICAL CENTRE, KUCHING, SARAWAK dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ISTERI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **29 SEPTEMBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 31 Ogos 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 227 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI KASIM BIN HAJI ABDUL KADIR** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI ABDUL KADIR BIN NIA** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **29 SEPTEMBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 31 Ogos 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 292 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DIANA BT DURAHMAN / ABDUL RAHAMAN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MOHAMMAD SAHRIN BIN BRAHIM / LAKIM** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ISTERI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **29 SEPTEMBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 31 Ogos 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 458 / 2019**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI ABDULLAH BIN HAJI METASSIM** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI METASIM BIN ABD. RAHMAN (ALIAS) HAJI METASSIM** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **29 SEPTEMBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 31 Ogos 2020.

**(MAHMUD ZUHDI BIN KARIM )**
Pemangku Penolong Pegawai Waris
b.p Penolong Pegawai Waris
Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.

# Sajian Graduan hasilkan graduan berdikari




GRADUAN Bersepadu adalah sebuah syarikat sendirian berhad dan mempunyai lima buah syarikat, yang menjalankan perniagaan dalam pelbagai bidang yang lain, antaranya ialah Sajian Graduan; Pasaria Graduan; Designer Graduan; Pustaka Graduan; dan Tutor Graduan.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BERAKAS**, Rabu, 23 September. - Projek Julangan Titah Graduan Bersepadu ditubuhkan atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu inisiatif bagi memberikan peluang kepada para graduan daripada pelbagai bidang pendidikan untuk berkhidmat kepada masyarakat dalam bidang keusahawanan dan perniagaan.

Graduan Bersepadu adalah sebuah syarikat sendirian berhad dan mempunyai lima buah syarikat, yang menjalankan perniagaan dalam pelbagai bidang yang lain, antaranya ialah Sajian Graduan; Pasaria Graduan; Designer Graduan; Pustaka Graduan; dan Tutor Graduan.

Awang Rosli bin Tuah ketika ditemu bual Pelita Brunei semasa kunjungannya ke Sajian Graduan, yang terletak di Jalan Bunga Teratai, Kampung Jaya Setia, Perpindahan Berakas, di sini, menjelaskan, dengan adanya projek Graduan Bersepadu ini, ia dihasrat dapat menghasilkan graduan yang berdikari, seterusnya dapat membina masyarakat mandiri dalam mengharungi cabaran-cabaran Revolusi Industri Ke-4yang kian memuncak.

Sajian Graduan adalah sebuah restoran yang diungkayahkan sepenuhnya oleh graduan-graduan tempatan dengan menawarkan lebih 70 jenis hidangan makanan dan 20 jenis minuman.

Waktu operasi bagi restoran tersebut, bermula dari jam 6.30 pagi hingga 10.00 malam, setiap hari, kecuali Jumaat, ditutup, pada jam 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang.

Restoran Sajian Graduan merupakan sebuah restoran, berkonsepkan kafe gaya moden yang menawarkan konsep santai, di mana beberapa makanan dan minuman yang terdapat di kafe tersebut adalah gubahan atau olahan resipi oleh para graduan sendiri.

Para graduan di Sajian Graduan menjalani latihan intensif dan latihan penempatan kerja, di beberapa buah syarikat, di bawah kawalan Pejabat Kebawah DYMM dan pengurusan Tarindak.

Kakitangan Sajian Graduan, terdiri daripada graduan-graduan tempatan yang berjaya menamatkan pengajian di dalam bidang masing-masing, dari universiti-universiti dalam dan luar negara.

Dayang Hajah Rosinah binti Haji Saidin ketika ditemu bual, berharap agar restoran tersebut sentiasa mendapat sambutan baik dan sokongan orang ramai untuk perniagaan tersebut akan terus maju jaya dan berdaya tahan.

"Justeru adalah diharap agar pihak Sajian Graduan mampu menambah baik lagi produk serta perkhidmatan mereka dari semasa ke semasa untuk ditawarkan kepada orang ramai.

"Selain itu, dengan adanya penglibatan para belia ini, juga dapat dijadikan contoh kepada para graduan lain di luar sana untuk perlu berani tampil berkecimpung, di dalam dunia keusahawanan yang lain daripada bidang yang dipelajari," tambah beliau lagi.

Matlamat Graduan Bersepadu adalah untuk membekalkan para graduan dengan nilai kemahiran dan pengetahuan yang sebanding dengan kelulusan mereka juga mempersiapkan mereka untuk menerokai bidang keusahawanan di luar keselesaan bidang mereka.

Ini adalah bertepatan dengan hasrat negara untuk menjadi sebuah negara yang maju selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dengan rakyat yang berpendidikan tinggi, berkemahiran dan berjaya; rakyat yang mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi; dan ekonomi negara yang dinamik dan berdaya tahan.

# Beri peluang timba ilmu

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 24 September. - Program Diplomasi Kulinari diadakan untuk menjalinkan hubungan baik di antara pihak Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) bersama Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, ia juga sebagai peluang kepada para Pelajar IBTE untuk memperoleh satu perkara yang penting, iaitu ilmu.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Pensyarah Adjun, Sekolah Perhotelan dan Pelancongan (School of Hospitality and Tourism), IBTE, Awang Muhammad Rahimi bin Haji Roslan semasa temu bual bersama Pelita Brunei, di Restoran Latihan Longhouse, IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal, di sini.

Menurut Awang Muhammad Rahimi lagi, pengalaman dalam menyertai program tersebut sukar didapati dan ia adalah satu keuntungan rezeki bagi pelajar-pelajar yang menyertai program berkenaan.

"Seperti yang telah dikatakan, matlamat program ini adalah bukan sahaja untuk menjalin hubungan baik di antara kedua-dua belah pihak, malahan ia bertindak sebagai dorongan bagi Pelajar-pelajar IBTE untuk menaikkan taraf pendidikan mereka.

"Alhamdulillah, para pelajar telah memperoleh kemahiran teknik dan pengalaman yang berharga daripada tetamu kehormat, Chef Aziz, yang telah sudi mengongsikan sedikit sebanyak ilmu dan juga petua bagi keperluan masa depan," jelasnya lagi.

Menyentuh mengenai perancangan di masa akan datang, beliau menjelaskan, lebih banyak acara-acara akan diadakan untuk menarik sambutan daripada khalayak ramai dan untuk melebar-luaskan rangkaian IBTE.

Beliau, seterusnya berharap agar para pelajar IBTE mampu mendalami dan menceburi bidang kulinari pada masa depan nanti.

Sementara itu, salah seorang pelajar kulinari, Dayang Siti Nurhasyimah binti Haji Mohammad Noh, 20 tahun, semasa ditemui berasa bangga kerana dapat menyediakan makanan yang bertaraf 'Fine Dining Restaurant'.

Pelajar yang berasal dari Lumut, Belait dan mengambil kursus Apprenticeship in Professional Cookery and Service itu, pada masa ini dalam Semester 3 dan akan melanjutkan *industrial attachment* pada tahun hadapan.

Menurutnya, melalui program tersebut, beliau belajar cara untuk mengimbangi masa ketika memasak untuk diberikan kepada pelanggan, di samping belajar untuk menyediakan makanan yang seenak mungkin.

Beliau, seterusnya berharap agar dapat mengembangkan lagi kemahirannya dalam bidang memasak.

Bagi Awang Muhammad Abdul Qaiyum bin Haji Rabaee, 22 tahun, pula berkata, melalui program berkenaan beliau mempelajari lebih banyak jenis masakan juga bahan-bahan yang baharu digunakan dalam masakan AS ini.

Berasal dari Daerah Belait, juga mengambil Kursus Apprenticeship in Professional Cookery and Service, Awang Muhammad Abdul Qaiyum berasa sangat beruntung dan gembira kerana berkesempatan untuk menyajikan makanan AS.

"Saya sangat berharap agar dapat melanjutkan karier dalam bidang memasak di Amerika Syarikat serta berpeluang untuk menyertai program Diplomasi Kulinari Kedutaan Amerika Syarikat," ujarnya lagi.

Restoran Latihan Longhouse adalah sebuah platform bagi para Pelajar IBTE untuk mempraktikkan pembelajaran dari dapur ke perkhidmatan.

Restoran tersebut dibukakan kepada orang ramai dan mereka yang berminat untuk mencuba masakan-masakan tersebut, bolehlah terus melayari laman sosial Instagram *@ibteignite* dan menghubungi menerusi talian +673 2331079 atau +673 8658232 untuk membuat tempahan.




**RESTORAN Latihan Longhouse menjadi platform bagi para Pelajar IBTE untuk mempraktikkan pembelajaran dari dapur ke perkhidmatan.**



# Fahami mengenai kehalalan, ikuti PPKMH, Sabtu 10 Oktober

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Infografik : Ihsan Bahagian Kawalan Makanan Halal**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 September. - Kesedaran dan kefahaman orang ramai mengenai kepentingan prinsip halal adalah mustahak, bukan sahaja dalam pemakanan, bahkan juga produk bukan makanan, seperti barang gunaan dalam kehidupan seharian.

Sehubungan itu, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan lagi siri Program Peningkatan Kesedaran Mengenai Halal (PPKMH) Sesi 3/2020 yang akan diadakan pada Sabtu, 10 Oktober 2020 dan dibukakan bagi penyertaan orang ramai secara percuma.

Melalui program ini, ia juga bertujuan untuk memberi kefahaman bahawa halal adalah tidak terhad kepada orang Islam, malah ia juga sesuai untuk dipraktikkan oleh masyarakat bukan Islam.

Para peserta akan diberikan penerangan mengenai prinsip halal dari sudut hukum dan aspek kebersihan, keselamatan makanan dan keselamatan, selain makanan, di samping memahami prinsip-prinsip halal dan haram dalam Islam serta penerangan mengenai tanggungjawab individu sebagai seorang pengguna.

Juga terkandung ialah peranan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH) dalam pengawalan makanan dan selain makanan di Negara Brunei Darussalam.

PPKMH dibukakan kepada setiap golongan lapisan masyarakat, termasuk peringkat institusi pengajian tinggi, agensi-agensi kerajaan mahupun syarikat-syarikat swasta.

Bagi penyertaan, bolehlah mengimbas Kod QR yang disediakan atau layari pautan *https://tiny.cc/PPKMH*. Sementara bagi pendaftaran secara berkumpulan pula, awda menghantar e-mel senarai nama peserta kepada *bkmh@mora.gov.bn*.

Pendaftaran bagi mengikuti program ini adalah percuma, namun ia terhad kepada 50 orang sahaja, di mana *walk-in* adalah tidak dibenarkan.

Program berkenaan akan diadakan di Bilik Kuliah 2, Tingkat 1, Bangunan Tambahan KHEU, Jalan Dewan Majlis, Berakas bermula jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi.

Setiap peserta juga akan menerima sijil digital yang akan diedarkan melalui e-mel.

Bagi maklumat lanjut mengenainya, boleh didapati melalui akaun media sosial BKMH di Instagram *@halal.bn* dan Facebook : *Bahagian Kawalan Makanan Halal*.




# Kempen Derma Darah dapat sambutan



**RHB dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah mengadakan Kempen Derma Darah, berlangsung di Bank RHB, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.**

**Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 September. - Dalam usaha berterusan untuk membantu golongan yang memerlukan dan menyahut seruan menderma darah, RHB dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) mengadakan Kempen Derma Darah yang berlangsung di Bank RHB, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Dalam temu bual ringkas bersama Pelita Brunei, Ketua Pegawai Eksekutif Operasi Brunei Bank RHB, Awang Haji Ishak Othman menjelaskan bahawa Kempen Derma Darah tersebut merupakan kali kelima diadakan sejak tahun 2014. Tambahnya, ia merupakan aktiviti tahunan bagi mendekati masyarakat dan bagi menyokong pihak hospital dalam meningkatkan kapasiti stok darah bagi yang memerlukan.

Jelasnya lagi, Kempen Derma Darah terus mendapat respons yang positif daripada pihak Pusat Pendermaan Darah, di mana setiap kali kempen itu diadakan bersama, sambutan daripada para penderma sangat menggalakkan.

Oleh itu, pihaknya akan meneruskan program berkenaan, di mana pihak bank perlu untuk lebih mendekati masyarakat serta memberikan peluang kepada orang ramai mengenali jenis perkhidmatan yang ditawarkan.

Kempen pada kali ini menurutnya, diadakan sedikit berbeza, iaitu diadakan dalam masa yang singkat, iaitu dari jam 9.00 hingga 11.30 pagi dengan mematuhi garis panduan dari Kementerian Kesihatan bagi sama-sama mencegah serta membendung penularan wabak COVID-19.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada orang ramai, khususnya pelanggan-pelanggan dan kakitangan Bank RHB yang turut sama hadir untuk menderma darah pada kempen berkenaan.

# Pelbagai tajuk ilmu dibincangkan

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Ihsan Pengiran Siti Katijah Pengiran Haji Sulaiman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 24 September. - Kolej Universiti Perguruan Seri Begawan (KUPU SB) diamanahkan untuk mengukuhkan dan memperjuangkan pendidikan Islam, bukan sahaja di Negara Brunei Darussalam, akan tetapi juga diharapkan boleh menyebarluaskan peranan dan kedudukannya sebagai pusat ilmu Islam dan pendidikan dalam kalangan negara serantau dan antarabangsa kelak.

Justeru, bagi mencapai matlamat itu, Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan Awam KUPU SB telah menyelaras perbincangan cadangan bagi pelaksanaan MoU Webinar bersama beberapa rakan universiti yang akan membincangkan pelbagai tajuk ilmu bersesuaian dengan bidang dan kepakaran yang dimiliki oleh para akademik KUPU SB.

Pengarah Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan Awam KUPU SB, Pengiran Siti Katijah binti Pengiran Haji Sulaiman ketika ditemu bual menyatakan bahawa pelaksanaan MoU Webinar bersama universiti-universiti merupakan peluang besar bagi KUPU SB untuk memainkan peranannya sebagai sebuah pusat ilmu perguruan dan pendidikan Islam dengan melibatkan pakar-pakar dari institusi pengajian luar bagi perbincangan mengenai isu-isu berkaitan dengan perkembangan pelbagai bidang.

Inisiatif berkenaan adalah bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Canselor KUPU SB semasa Majlis Konvokesyen Kelima KUPU SB 1437H / 2015M agar KUPU SB bukan sahaja mengambil manfaat terbaik dari pusat-pusat pengajian tinggi luar negara, tetapi perlu menyumbangkan pengalaman tersendiri selaku sebuah institusi perguruan Islam di rantau ini.

Webinar halal dan pendidikan pada 26 September 2020 akan membincangkan mengenai gaya hidup halal dari perspektif industri halal global, peranan sains halal dalam menyokong perkembangan industri halal dunia, peluang dan cabaran yang dihadapi kaum Muslimin dalam menghasilkan produk halal.

Selain itu, Webinar yang dijangka berlangsung selama dua jam itu juga akan menyentuh mengenai perkembangan kegiatan halal di Thailand dan juga faktor-faktor persekitaran yang mempengaruhi pemakanan halal pelajar di negara ini.

Pengiran Siti Katijah seterusnya menjelaskan bahawa Webinar akan bersiaran secara dalam talian menerusi aplikasi Zoom dan terbuka bagi semua peserta tanpa dikenakan sebarang bayaran. Pelajar-pelajar pascawiswazah khususnya adalah dijemput untuk menyertai Webinar tersebut.

Format Webinar sepanjang dua jam itu nanti berbentuk pembentangan, di mana setiap panel diperlukan untuk menyediakan slaid pembentangan untuk dikongsi semasa perbincangan nanti dan pembentangan setiap panel adalah selama 20-30 minit sementara sesi soal jawab pula selama 15 minit sahaja.



**PENGARAH Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan Awam KUPU SB, Pengiran Siti Katijah binti Pengiran Haji Sulaiman ketika ditemu bual.**

Webinar berkenaan diharap akan menjadi satu platform bagi para akademik KUPU SB khususnya untuk lebih aktif dalam perbincangan, perkongsian dan pertukaran ilmu dan penyelidikan bersama dengan pakar dari Universiti luar.

Selain itu, dapat membincangkan cabaran dan isu-isu berkaitan bidang tajuk yang ditetapkan
dalam konteks institusi pendidikan dan perguruan serantau serta menjana cadangan-cadangan yang relevan ke arah meningkatkan ilmu pengetahuan bagi melahirkan para akademik KUPU SB yang berilmu, berakhlak, berdaya saing, berfikiran kritis dan inovatif dalam memenuhi keperluan abad.

Objektif Webinar juga agar menggiat aktifkan aktiviti-aktiviti kerjasama KUPU SB dan universiti - universiti yang termeterai melalui penandatanganan MoU.

# Barang tegahan dirampas




**PEMANGKU Pegawai Pemerintah Daerah Polis Temburong, Timbalan Penguasa Polis (DSP) Pengiran Saifuddin bin Pengiran Haji Yussof ketika mengongsikan hasil rampasan yang dilakukan oleh Balai Polis Temburong, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berupa sejumlah 96 botol minuman keras yang didapati diletakkan di tempat duduk penumpang belakang dan bonet kereta yang ditahan di kawasan penurunan perahu Kampung Meniup, Daerah Temburong pada 22 September 2020 sekitar jam 5.15 petang (atas dan bawah).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**TEMBURONG**, Khamis, 24 September. - Balai Polis Temburong, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berhasil merampas sejumlah 96 botol minuman keras di kawasan Kampung Bokok, Daerah Temburong.

Penemuan berkenaan adalah hasil daripada rondaan dan pemantauan yang dijalankan oleh keanggotaan balai di kawasan penurunan perahu Kampung Meniup, Daerah Temburong pada 22 September 2020 sekitar jam 5.15 petang.

Sebuah kenderaan yang mencurigakan berdaftar dengan nombor pendaftaran negara ini



ditahan bersama pemandu seorang lelaki warga tempatan.

Sejurus menjalankan pemeriksaan telah mendapati beberapa bungkusan berwarna hitam yang mencurigakan dipercayai barangan tegahan diletakkan di tempat duduk penumpang belakang dan bonet kereta.

Turut ditemukan satu peralatan yang dipercayai digunakan untuk kegiatan penyalahgunaan dadah.

Suspek berserta kenderaan dibawa ke Balai Polis Temburong untuk dijalankan siasatan awal. Seterusnya, suspek bersama barang bukti dan kertas siasatan diserahkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) dan Biro Kawalan Narkotik (BKN) untuk siasatan lanjut.

Sehubungan itu, PPDB menegaskan masyarakat awam agar tidak terlibat dengan kegiatan barang tegahan seludup, di mana jika tidak ditangani dengan segera, ia dapat menjejaskan keselamatan, keharmonian dan gaya hidup masyarakat.

# JSKLL tahan kenderaan mencurigakan



**PADA 24 September 2020, sekitar jam 1.00 pagi, satu penahanan dibuat oleh keanggotaan Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas (JSKLL) terhadap sebuah kenderaan bersama pemandu dan penumpang, di kawasan Jalan Tungku kerana dipercayai dalam keadaan yang mencurigakan.**

**BRUNEI MUARA**, Khamis, 24 September. - Antara lain peranan yang diterapkan oleh Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas (JSKLL) dalam tugasan harian ialah membuat pemantauan dan tindakan kepada para pengguna jalan raya untuk sentiasa patuh juga mengikuti peraturan-peraturan yang ditetapkan agar tidak ada sebarang pelanggaran undang - undang berlaku di negara ini, sama ada ia berunsur jenayah atau kesalahan lalu lintas.

Terkini, pada 24 September 2020, sekitar jam 1.00 pagi, satu penahanan dibuat oleh keanggotaan JSKLL terhadap sebuah kenderaan bersama pemandu dan penumpang, di kawasan Jalan Tungku kerana dipercayai dalam keadaan yang mencurigakan.

Semasa pemeriksaan dijalankan ke atas kenderaan berkenaan menemukan peralatan yang dipercayai digunakan untuk penyalahgunaan dadah.

Kedua-dua suspek merupakan warga negara tempatan, berumur 25 dan 35 tahun juga diserahkan kepada Biro Kawalan Narkotik (BKN) bagi siasatan lanjut.

Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) sentiasa berterusan melaksanakan rondan-rondaan rutin bagi memastikan orang ramai akan dapat mengambil iktibar juga pengajaran daripada kesalahan - kesalahan yang dilakukan oleh para pemandu sebelum ini.

# 2 lelaki curi kabel tumpas



**DUA lelaki yang sedang leka menggali dan memotong kabel bawah tanah di kawasan Kampung Menglait berjaya ditahan oleh pihak polis hasil daripada perkongsian maklumat daripada ahli PK kampung berkenaan.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**GADONG**, Rabu, 23 September. - Dua orang individu ditahan oleh keanggotaan Balai Polis Pusat, Bandar Seri Begawan (BSB) hasil daripada perkongsian maklumat yang diterima daripada ahli Pengawasan Kejiranan (PK) Kampung Menglait.

Menurut maklumat yang diterima, ia merupakan kegiatan bunyi bising dipercayai terhasil daripada ketukan besi yang sangat mencurigakan. Maklumat segera dikongsikan bersama Unit PK Balai Polis Pusat bagi mengenal pasti punca bunyi bising tersebut.

Tindakan segera dijalankan melalui pemantauan dan rondaan yang dibuat bersama keanggotaan balai serta penglibatan ahli PK Kampung Menglait sehingga membawa kepada penangkapan dua lelaki yang dipercayai sedang leka menggali dan memotong kabel bawah tanah di kawasan Kampung Menglait.

Dua suspek lelaki merupakan warganegara tempatan yang berumur 35 dan 39 tahun. Suspek-suspek berkenaan dibawa ke Balai Polis Pusat, BSB untuk dijalankan siasatan lanjut.

Turut dirampas ialah barang-barang bukti, beberapa batang kabel dan peralatan yang digunakan untuk memotong kabel berkenaan.

Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) amat menghargai usaha dan komitmen yang ditaburkan melalui perkongsian maklumat yang diberikan, terutama sekali daripada masyarakat awam dalam hasrat yang sama, iaitu untuk menyaksikan negara ini selamat, harmoni dan bebas dari apa jua kegiatan-kegiatan jenayah.

# Bantu kesan Ibrahim, lari dari rumah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 September. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Balai Polis Seria ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang lelaki Melayu, warganegara Brunei, Ibrahim bin Ismail, 30 tahun, pemegang nombor Kad Pengenalan 01-061663 (K), yang dipercayai keluar dari rumah dan melarikan diri.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi Balai Polis Seria, menerusi talian +673 3222612 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau melaporkan ke Balai-balai Polis berdekatan.



**IBRAHIM bin Ismail, 30 tahun, warganegara Brunei, dipercayai keluar dari rumah dan melarikan diri.**

# Samini lari dari majikan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 September. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang pekerja perempuan, warganegara Indonesia, Samini, 43 tahun, pemegang nombor Pasport C 1382313, yang dilaporkan lari daripada majikan.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi Balai Polis Pusat, Bandar Seri Begawan menerusi talian +673 2242334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau melaporkan ke Balai-balai Polis berdekatan.



**SAMINI, 43 tahun, warganegara Indonesia, dilaporkan lari daripada majikan.**

# PUISI

## CIKGU

Cikgu
Kau lilin kehidupan
Kau pembentuk peribadi
Kau penerang hati
Penunjuk jalan ke negeri abadi...

Cikgu,
Kau insan mulia
Rela berkorban apa saja
Demi melihat anak didik mu berjaya
Kaulah pelita menerangi kegelapan kami...

Terima kasih cikgu
Semoga Allah memberkati kehidupan mu... Amin

-DN-

## LUAHAN HATI GURU 1

Murid ku,
Harap dikau faham
Harap dikau mengerti
Tugas utama mu adalah menuntut ilmu
Menghormati guru mu
Tidak lain,
Hanya itu sahaja...

Murid ku,
Tanamkan dalam jiwa mu
Semangat dalam menuntut ilmu
Teruskan perjuangan mu

Murid ku,
Kaut sebanyak mana ilmu
Kerahkan tenaga mu kepadanya
Ia akan datang pada mu
Dengan izin-Nya jua...

-DN-

## LUAHAN HATI GURU 2

Murid ku,
Kalimah sayang pada guru
Tiada ertinya
Jika tiada pembuktian
Melalui adab dan kesungguhan dalam menuntut ilmu...

Murid ku,
Buktikan perkataan itu
Dengan perbuatan
Ukirlah senyuman di mulut guru mu
Lukislah kebahagiaan hati guru mu
Dengan kesungguhan mu padanya (ilmu)...

-DN-

## RISALAH SEORANG MURID

Guruku
Bagaimana mungkin diri ini melupakanmu?
Bagaimana mungkin diri ini tidak menyayangimu?

Guruku,
Di saat ku merasa lelah
Dalam menuntut ilmu
Kau tiupkan sinar semangat
Kau berikan kata-kata hikmah
Kau tunjukkan teladan yang baik
Cukup semangatmu dalam mendidik
Menjadi motivasi
Untuk meneruskan perjuangan
Tanpa kenal penat dan lelah..

Guruku,
Kau banyak bersabar dalam mendidik
Bagaimana mungkin kami tidak mampu bersabar dalam perit dan lelahnya perjuangan menuntut ilmu..

Guruku,
Doa restumu
Ku dambakan
Agar ilmu yang kau beri
Membawa berkah dalam kehidupan..

**Dhiya An-Najat**

# Hargai jasa guru

**Berita dan Foto :**
**Noraisah Haji Muhammed**



**MANTAN Guru Ugama Terlatih yang juga mantan Imam Masjid Daerah Belait, Awang Haji Ibrahim bin Haji Dullah, 62 tahun, kini mengajar Dikir Syarifil Anam (Dikir Brunei Lama), Tausyeh, Fardu Kifayah, Al-Quran dan Muqaddam secara persendirian ketika ditemu bual.**

**BELAIT,** Khamis, 24 September. - Guru memainkan peranan penting dalam kehidupan setiap manusia kerana guru merupakan pendidik kedua dalam membentuk akhlak asas seorang insan setelah ibu dan bapa.

Setelah bersekolah, pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas membentuk juga mengarah jiwa pelajar ke arah akhlak yang lebih terpuji dan berdisiplin.

Dengan menjalani hidup yang berperaturan mengikut dasar persekolahan, dihasrat melahirkan generasi berakhlak mulia, bijaksana dan menjadi pemimpin berwibawa dalam memimpin negara juga bangsa di masa hadapan.

Bercakap mengenai 'Jasa Guru Dikenang', Pelita Brunei, baru-baru ini, menemu bual mantan Guru Ugama Terlatih yang juga mantan Imam Masjid Daerah Belait, Awang Haji Ibrahim bin Haji Dullah, 62 tahun, yang kini mengajar Dikir Syarifil Anam (Dikir Brunei Lama), Tausyeh, Fardu Kifayah, Al-Quran dan Muqaddam secara persendirian.

Menurut beliau, jasa para guru memang wajar dikenang kerana daripada insan bergelar guru, dunia gelap seorang manusia menjadi terang, manakala para ulama (insan berilmu), terutama tentang ilmu agama merupakan waris para Nabi.

Berpengalaman menjadi seorang penuntut, kemudian menjadi insan pendidik, seterusnya menjadi imam mengakui peranan guru memang umpama lilin yang menyuluh kegelapan orang lain.

"Seorang guru, bukan sahaja pendidik di dalam kelas, tetapi juga pembimbing ke arah membentuk peribadi luhur," jelas beliau.

"Guru, bukan sahaja menyampaikan ilmu pengetahuan, tetapi pendidik peribadi mulia pelajar ke arah insan yang lebih berperibadi," sambung beliau lagi.

Awang Haji Ibrahim turut menekankan, para guru wajib memiliki sifat zuhud (mendidik kerana mencari keredaan Allah), kebersihan hati dan diri, keikhlasan dalam bekerja, mempunyai sifat alim.

Guru juga perlu menjaga kehebatan dan kehormatan diri juga merupakan ibu bapa ketika menghadapi setiap pelajar dan seorang yang mempunyai kemampuan dalam keilmuannya.

Guru, bukan hanya dapat menyampaikan pelajaran dengan berkesan, bahkan dapat menawan hati pelajar, malah penasihat ke arah kebaikan, pendek kata, peranan guru cukup besar dalam membentuk akhlak, disiplin dan nilai murni insan.

Jelasnya, berhadapan dengan generasi muda yang lahir dalam arus teknologi, pendekatan juga peranan yang dimainkan para guru juga semakin berbeza dan mencabar.

Para guru harus lebih kreatif dalam menjayakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan usaha dapat memberikan kesan yang dihasratkan.

Tambah beliau lagi, unsur penting dalam dunia pendidikan dan mempunyai pengaruh besar terhadap keberkesanan sesuatu pendidikan merupakan insan yang bergelar guru.

"Keperibadian, tingkah laku dan pengajaran guru menjadi pengaruh besar kepada minda, akhlak dan jiwa pelajar," tambahnya lagi.

Seterusnya, beliau menasihati bahawa para guru wajib dihormati sepanjang hayat, pelajar melawan guru tidak harus berlaku.

"Sesungguhnya, guru penggerak utama yang sentiasa berkorban tenaga dan masa melahirkan insan berilmu hingga punya jati diri beridentiti," nasihat beliau lagi.

"Justeru itu, para guru layak diberi penghargaan walaupun telah kembali ke rahmatullah," tegas Awang Haji Ibrahim.

Kesimpulannya adalah perlu menghargai para guru walaupun kita sudah meninggalkan alam persekolahan.

Hubungi bekas guru untuk bertanya khabar dan menziarahi mereka ketika mereka tidak sihat dengan cara demikian dapat mengeratkan silaturahim.

Ada banyak cara yang boleh dilakukan untuk membalas jasa guru, yang penting hendaklah berusaha menjadi seorang yang tahu mengenang budi, jangan seperti kacang lupakan kulit.

Terima kasih diucapkan pada seluruh para guru atas kesabaran dan pengorbanan yang telah dilakukan sepanjang hayat.

Sebagai memperingati dan menghargai sumbangan juga jasa para guru dalam usaha untuk memartabatkan profesion perguruan yang banyak menyumbang kepada pembangunan kapasiti tenaga manusia, Negara Brunei Darussalam menyambut Sambutan Hari Guru setiap 23 September, 'Selamat Hari Guru'.



# MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Kepentingan Melestarikan Alam Semula Jadi'.** Tarikh Tutup : **30 September 2020**
2. **'Dadah Perosak Bangsa dan Negara'.** Tarikh Tutup : **7 Oktober 2020**
3. **'Waspada Pembelian Ubat Dalam Talian.** Tarikh Tutup : **14 Oktober 2020**

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan.**
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75** SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang




Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Jabatan Penerangan

# Hari Maritim Sedunia 2020 : Tingkatkan kesedaran Matlamat Pembangunan Mampan

**SEKTOR** pengangkutan memainkan peranan penting bagi menyokong peningkatan ekonomi sesebuah negara, tidak kira ia melibatkan pengangkutan darat, laut mahupun udara. Namun yang demikian, sektor pengangkutan melalui laut memberikan sumbangan yang amat besar apabila industri perkapalan digunakan bagi kegiatan pengimportan dan pengeksportan berbagai-bagai keperluan masyarakat global.

Begitu juga halnya dengan Negara Brunei Darussalam, mengikut Perangkaan Tahunan Negara Brunei Darussalam 2018, jumlah pemunggahan dan pengisian kargo pengangkutan laut adalah sebanyak 1,742,911 tan pemunggahan dan 73,558 tan muatan. Perkara ini amatlah jelas bahawa industri perkapalan memainkan peranan kepada perdagangan dan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat dunia.

Pengangkutan laut merupakan salah satu jalur perkhidmatan yang melibatkan pemindahan barangan atau penumpang melalui sungai-sungai, persisiran pantai atau merentasi lautan dari satu tempat ke satu destinasi yang lain. Proses pengangkutan melalui laut ini menggunakan pelbagai jenis kapal, antaranya kapal kontena, kapal kargo, kapal tangki dan kapal penumpang yang digunakan bagi pengangkutan di peringkat antarabangsa atau sebatas di dalam negeri.

### Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD)

Beribu pejabat di Jalan Pelabuhan, Muara, MPABD ditubuhkan pada 28 September 2017 sebagai sebuah Badan Berkanun di bawah Perintah MPABD 2017 yang bertanggungjawab untuk pengurusan, pentadbiran dan keselamatan hal ehwal maritim dan pelabuhan Negara Brunei Darussalam selaras dengan keperluan piawaian antarabangsa.

MPABD antara lain berperanan dan bertanggungjawab dalam mengawal selia dan memantau had, saluran, dan pendekatan kawasan pelabuhan, melaksanakan pelesenan dan peraturan mengenai perkhidmatan maritim dan pelabuhan, menggalakkan penggunaan dan pengembangan sektor pelabuhan dan industri perkapalan, dan menyediakan dan menyelenggarakan alat bantuan pelayaran di perairan Brunei.

Selain mengawal kapal-kapal dagang, terutama yang berkaitan dengan keselamatan marin, pengurusan kapal, dan pencegahan pencemaran, MPABD juga berperanan dan bertanggungjawab dalam menyediakan rangka kerja, kawal selia ekonomi dalam perkhidmatan dan kemudahan maritim dan pelabuhan, serta sebagai wakil Negara Brunei Darussalam di peringkat antarabangsa dalam urusan maritim, pengangkutan laut dan pelabuhan.

### Hari Maritim Sedunia

Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO), sebuah agensi di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), mengadakan sambutan Hari Maritim Sedunia, setiap tahun, untuk memperingati sumbangan industri maritim antarabangsa terhadap ekonomi, terutama dalam bidang perkapalan.

Hari Maritim Sedunia disambut setiap 24 September yang memberi tumpuan kepada pentingnya keselamatan perkapalan, keselamatan maritim dan persekitaran laut. Ia juga menekankan aspek tertentu dalam pekerjaan IMO.

### Sambutan Hari Maritim Sedunia 2020

Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) mengadakan Sembahyang Fardu Maghrib, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Maritim Sedunia diselajurkan dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-3 Penubuhan MPABD tahun 2020 pada 24 September 2020. Majlis ini merupakan acara tahunan sambutan Hari Maritim Sedunia dan diselajurkan dengan memperingati Ulang Tahun Ke-3 MPABD pada 28 September 2017.

Selain daripada majlis tersebut, MPABD juga mengadakan pertandingan mereka poster dan risalah keselamatan dan menulis esei berkaitan dengan maritim yang telah dijalankan sejak 25 Ogos 2020. Tarikh tutup adalah pada 17 September 2020.

### Tema Hari Maritim Sedunia 2020

Tema bagi Sambutan Hari Maritim Sedunia 2020 adalah 'Sustainable Shipping for a Sustainable Planet'.

Melalui sambutan tersebut, ia dapat meningkatkan kesedaran mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan mengetengahkan kerja-kerja IMO serta negara-negara ahlinya ke arah mencapai sasaran yang ditetapkan.

### Penutup

Berikutan penularan wabak pandemik COVID-19 di seluruh dunia, IMO telah menumpukan perhatian dan berusaha menangani kesannya terhadap industri perkapalan terutama para pelaut (*seafarers*). Dalam masa-masa mencabar, keupayaan perkhidmatan perkapalan dan pelaut untuk mendatangkan barangan keperluan, termasuk bekalan perubatan, makanan dan bahan api adalah penting untuk mengatasi krisis ini.

Pandemik COVID-19 menunjukkan bahawa penghantaran, kaedah pengangkutan antarabangsa yang paling dipercayai, cekap dan menjimatkan kos yang membawa lebih daripada 80 peratus perdagangan global, tetap menjadi fasilitator utama ekonomi global. Oleh itu, perkapalan dan maritim akan menjadi nadi pemulihan ekonomi dan pertumbuhan lestari di masa depan, baik di laut mahupun di darat, menyokong ekonomi yang inklusif dan berdaya tahan untuk menyokong pencapaian matlamat pembangunan lestari.



# Fatah : Rundingan Intra-Palestin di Turki berhasil

**RAMALLAH**, 24 Sept. - Seorang pemimpin kanan pergerakan Fatah pada Khamis berkata, rundingan yang sedang berlangsung di Turki dengan Hamas, seteru lama mereka, amat positif, produktif dan berhasil, lapor agensi berita Anadolu.

"Dialog itu menjadi langkah penting ke arah permuafakatan dan membentuk rakan kongsi dan menyatukan pendirian Palestin bagi mendapat kata sepakat menentang semua projek yang meleburkan perjuangan Palestin," kata anggota jawatankuasa pusat Fatah, Hussein al-Sheikh, menerusi Twitter.

Sementara itu, Ketua pejabat informasi Fatah, Munir al-Jaghoub memberitahu Agensi Anadolu, delegasi kanan pergerakan itu akan melawat Doha, Qatar sebelum berlepas ke Kaherah, Mesir.

Al-Jaghoub berkata, delegasi itu akan membincangkan beberapa topik dengan ketua kedua-dua negara termasuk isu perdamaian Palestin, tindakan terbaru beberapa buah negara Teluk memulihkan hubungan dengan Israel dan perkembangan politik lain.

Fatah dan Hamas memulakan rundingan di Turki sejak minggu lalu. Hubungan Fatah dan Hamas tegang sejak 2007 apabila Hamas menguasai Semenanjung Gaza daripada Fatah selepas siri pertempuran jalanan.

Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Bahrain baru-baru ini menandatangani perjanjian kontroversi bagi membentuk hubungan diplomatik dengan Israel meskipun di bantah keras oleh Palestin yang menganggap perjanjian itu mengkhianati perjuangan mereka. - ©BERNAMA

# Myanmar : Gelombang kedua virus ragut 70 nyawa dalam seminggu

**YANGON**, 24 Sept. - Myanmar mencatatkan hampir 4,000 kes baharu COVID-19 termasuk lebih 70 kematian, dalam seminggu, kata Kementerian Kesihatan negara itu pada Khamis.

Sebanyak 869 kes baharu didaftarkan pada Rabu, angka tertinggi dalam sehari sejak pandemik bermula di Myanmar, lapor Agensi Anadolu memetik kenyataan kementerian. Sepanjang minggu lalu, 3,868 jangkitan dan 73 kematian berkaitan virus disahkan di seluruh negara, tambah kenyataan itu.

Dengan beratus-ratus kes muncul setiap hari, pemerintah telah melaksanakan semula sekatan perjalanan domestik di seluruh negara, dengan bandar-bandar utama, termasuk pusat perdagangan Yangon, berada di bawah sekatan pergerakan yang ketat.

Pada awal September, pihak berkuasa mengarahkan syarikat penerbangan domestik untuk menghentikan semua perkhidmatan dan turut melarang visa masuk dan penerbangan antarabangsa sehingga akhir bulan.

Sekatan telah menyebabkan jalan-jalan di Yangon sunyi dan lengang walaupun pilihan raya umum di negara itu semakin hampir. Parti politik tidak dapat berkempen dan meminta agar pengundian, yang dijadualkan pada 8 November, ditunda kerana kebimbangan terhadap kesihatan awam.

Bagaimanapun, suruhanjaya pilihan raya Myanmar dan parti Liga Nasional untuk Demokrasi yang berkuasa telah menolak permintaan tersebut, dengan mengatakan pilihan raya tidak akan ditunda kerana pandemik COVID-19. - ©BERNAMA

# Bank utama Australia didenda AUD1.3 Bilion kerana kesalahan kewangan

**SYDNEY**, 24 Sept. - Satu dari bank utama Australia, Westpac, bersetuju membayar AUD1.3 bilion (US$919 juta) kerana melanggar undang-undang pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, umum syarikat itu pada Isnin.

Denda tersebut terbesar pernah dikenakan ke atas sebuah syarikat Australia dan susulan siasatan yang mengambil masa lama, mendedahkan terdapat pelanggaran oleh beberapa buah institusi utama, lapor agensi berita Xinhua.

Pengawal selia industri, AUSTRAC (Pusat Analisis dan Laporan Transaksi Transaksi Australia), dalam satu kenyataan berkata Westpac mengaku melanggar Akta Anti Pengubahan Wang Haram dan Akta Pembiayaan Keganasan 2006 (Akta AML/CTF).

Menurut AUSTRAC, antara kesalahan lain, Westpac gagal melaporkan lebih daripada 19.5 juta transaksi antarabangsa berjumlah AUD11 bilion (AS$7.7 bilion), termasuk di bawah "bidang kuasa berisiko tinggi yang diketahui".

Melalui pelanggaran tersebut, bank membiarkan sistem terbuka untuk dieksploitasi oleh penjenayah melalui pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan eksploitasi kanak-kanak, kata Ketua Pegawai Eksekutif AUSTRAC Nicole Rose.

Ketua Pegawai Eksekutif Westpac Group Peter King memohon maaf atas kegagalan bank berkenaan dan berkata syarikat kini sedang giat untuk menangani masalah dalaman yang berlaku. "Kami komited untuk menyelesaikan masalah ini bagi memastikan ia tidak berulang," katanya. - ©BERNAMA

# Pakar kesihatan beri amaran kemungkinan 'Twindemic' melanda Korea Selatan

**SEOUL**, 23 Sept. - Pakar kesihatan pada Rabu memberi amaran potensi 'twindemic' musim sejuk mungkin melanda dan jika tidak ditangani dengan betul boleh memburukkan lagi situasi COVID-19, lapor agensi berita Yonhap.

Pertarungan menentang virus di seluruh negara dijangka berhadapan kesukaran ketika musim sejuk semakin menghampiri, kerana virus sistem pernafasan, termasuk influenza dan COVID-19, mempunyai simptom yang hampir serupa, termasuk demam dan sakit tekak, menyebabkan ia sukar dikenal pasti melainkan dengan menjalani ujian.

Agensi Kawalan dan Pencegahan Penyakit (KDCA) sebelumnya mengesahkan kes bertindih berkaitan kedua-dua penyakit yang membabitkan sistem pernafasan itu.

"Disebabkan sukar untuk membezakan di antara dua penyakit tersebut, orang ramai perlu menjalani ujian sekiranya mereka mempunyai gejala," kata Park Wan-beom, pakar penyakit berjangkit di Hospital Nasional Seoul.

Bermula awal bulan ini, negara itu telah menyediakan suntikan selesema percuma, kebanyakannya untuk kanak-kanak yang lebih kecil, sebagai satu usaha bagi meningkatkan bilangan rakyat yang telah mendapat imunisasi.

Kerajaan akan memberikan suntikan selesema percuma kepada sekitar 19 juta orang, atau 37 peratus daripada jumlah penduduk negara itu. Ia termasuk untuk kanak-kanak berumur antara enam bulan hingga 18 tahun, wanita hamil dan mereka yang berumur 62 tahun ke atas.

Kebimbangan semakin meningkat apabila KDCA pada Selasa mengumumkan pihaknya akan menghentikan sementara program suntikan selesema percuma, berikutan terdapat sejumlah botol vaksin tidak dikendalikan dengan betul.

KDCA berkata jika vaksin yang terbabit lulus ujian kualiti, ia akan diberikan kepada mereka yang berusia 13-18 tahun, diikuti oleh demografi yang lebih tua. Ujian tersebut, yang akan dijalankan oleh Kementerian Keselamatan Makanan dan Ubat-ubatan, akan mengambil masa sekitar dua minggu.

Bagaimanapun, masih ada yang enggan mendapatkan vaksin kerana kebimbangan mengenai kemungkinan dijangkiti virus COVID-19 ketika mengunjungi klinik kejiranan. Keraguan itu semakin bertambah apabila kepercayaan orang ramai terhadap keberkesanan vaksin selesema berkurangan berikutan kesilapan semasa penyimpanan.

Namun, pakar kesihatan menasihati orang ramai, terutama anak kecil, untuk mendapatkan vaksin sesegera mungkin. Keberkesanan suntikan selesema berbeza bergantung pada faktor-faktor seperti usia, iaitu dalam lingkungan antara 40 hingga 60 peratus.

Negara ini menambah 110 lagi kes COVID-19 pada Rabu, termasuk 99 jangkitan tempatan, meningkatkan jumlah kes kepada 23,216, menurut KDCA. - ©BERNAMA

# 2 polis cedera ditembak dalam bantahan terhadap kematian wanita kulit hitam

**CHICAGO**, 24 Sept. - Dua orang pegawai polis Amerika Syarikat cedera ditembak di pinggir bandar Louisville, Kentucky, ketika tunjuk perasaan terhadap kematian wanita kulit hitam Breonna Taylor, lapor agensi berita Xinhua.

Kedua-dua pegawai polis itu dihantar ke hospital universiti. Seorang berada dalam keadaan stabil dan seorang lagi menjalani pembedahan, kata Pemangku Ketua Polis Jabatan Polis Metro Louisville (LMPD) Robert Schroeder pada taklimat media yang diadakan di Louisville pada Rabu malam.

Seorang suspek telah ditahan, kata Schroeder, enggan mendedahkan lebih banyak maklumat. Beliau berkata ia adalah "keadaan yang sangat serius dan berbahaya". Seluruh bandar Louisville dikenakan perintah berkurung bermula 9 malam waktu tempatan, lapor media tempatan.

Taylor, 26, ditembak mati oleh beberapa pegawai LMPD pada 13 Mac ketika mereka serbuan di apartmennya, dan tembakan meletus setelah teman lelakinya melepaskan tembakan amaran kerana menyangka pegawai berpakaian biasa itu adalah penceroboh.

Berikutan itu, tunjuk perasaan berlaku pada tengah hari Rabu di Louisville apabila tiada seorang pun daripada ketiga-tiga pegawai yang terlibat dalam insiden pembunuhan Taylor di apartmennya didakwa. Protes itu tersebar dengan cepat sehingga ke Washington, New York dan Atlanta. - ©BERNAMA

# Latin Amerika capai perjanjian untuk vaksin COVID-19

**BOGOTA**, 23 Sept. - Usaha global untuk memastikan semua negara mendapat akses kepada vaksin COVID-19 tanpa mengira kedudukan ekonomi sudah mula menampakkan hasil.

Mexico, Argentina, Brazil, Chile, El Salvador dan Colombia mengumumkan mereka dipilih oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk menjalankan ujian perubatan dengan tiga vaksin berbeza.

"Terdapat banyak inisiatif daripada syarikat farmaseutikal yang berbeza untuk menguji vaksin mereka. Tetapi dalam kes ini, WHO akan memilih tiga jenis vaksin yang paling meyakinkan, dan ia akan menjalankan ujian klinikal di 20 negara di seluruh dunia, enam daripadanya berada di Amerika," Agensi Anadolu (AA) pada Selasa memetik Menteri Kesihatan Colombia, Fernando Ruiz.

WHO dalam pengumuman pada Isnin menyatakan, 156 negara berpendapatan tinggi, rendah dan sederhana telah mendaftar dengan Covax, inisiatif yang bertujuan menyokong pembangunan dan pengagihan dua bilion dos vaksin COVID-19 sebelum penghujung 2021.

Brazil, Chile dan Argentina juga telah mengumumkan mereka bergabung dengan pakatan global lain yang ingin membeli dan mengagihkan vaksin COVID-19.

Lebih enam bulan selepas kes COVID-19 pertama disahkan di Brazil, pandemik tersebut masih berleluasa di negara ini, antara sebab sekurang-kurangnya empat vaksin percubaan menjalankan ujian klinikal di sana.

Brazil mencatatkan 33,536 kes COVID-19 tambahan dalam 24 jam terakhir dan 836 kematian akibat penyakit itu, kata Kementerian Kesihatan pada Selasa. Ia menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Brazil sejak Februari kepada 4,558,040 termasuk 137,272 kematian.

Menteri Luar Mexico, Marcelo Ebrard, berkata negara itu mendaftar untuk percubaan vaksin COVID-19 Tahap 3 dengan lebih banyak syarikat dari seluruh dunia.

Sementara jumlah kes COVID-19 di negara ini meningkat kepada 705,263, jumlah kematian mencecah 74,348, menurut data dari Kementerian Kesihatan. Bagaimanapun, jumlah sebenarnya lebih tinggi di negara Amerika Tengah berikutan kekurangan peralatan ujian. - ©BERNAMA

# Jepun rancang longgarkan sekatan perjalanan mulai Oktober

**TOKYO**, 24 Sept. - Jepun merancang melonggarkan sekatan perjalanan untuk warga asing dari seluruh dunia, tidak termasuk pelancong, mulai Oktober, memetik sumber kerajaan pada Rabu.

Kerajaan sedang mempertimbangkan bagi membenarkan kira-kira 1,000 warga asing masuk ke Jepun setiap hari untuk tinggal selama tiga bulan atau lebih.

Berikutan itu juga keupayaan saringan COVID-19 di lapangan terbang akan dipertingkatkan, kata sumber itu.

Pada masa ini, Jepun mengenakan larangan masuk kepada 159 negara dan wilayah. Warga asing yang pernah mengunjungi ke wilayah dan negara tersenarai dalam masa 14 hari tidak dibenarkan masuk, dengan beberapa pengecualian, lapor Kyodo News.

Kerajaan Jepun secara bertahap membatalkan sekatan perjalanan, warga asing yang mempunyai status penduduk dan melancong ke luar negara dibenarkan masuk semula ke negara ini mulai September.

Ahli perniagaan daripada beberapa negara Asia termasuk Vietnam dan Thailand turut dibenarkan, tetapi perlu memenuhi syarat-syarat tertentu.

Selain itu, pelajar asing yang tidak mendapat bantuan kerajaan, kakitangan perubatan dan mereka yang mengambil bahagian dalam kegiatan budaya, antara akan dibenarkan masuk ke Jepun.

Langkah itu bertepatan dengan bermulanya semester musim gugur di universiti Jepun selain menjelang Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo.

Memandangkan jumlah kes baharu COVID-19 menunjukkan trend penurunan dalam beberapa minggu kebelakangan ini, antara faktor Perdana Menteri Yoshihide Suga menumpukan kepada usaha merancakkan kembali aktiviti ekonomi.

Di samping itu atlet juga akan dibenarkan masuk ke Jepun untuk menjalani latihan.

Jepun sehingga kini mencatatkan lebih 80,000 jangkitan COVID-19 dengan jumlah kematian lebih 1,500 orang, jauh lebih rendah berbanding beberapa negara lain termasuk Amerika Syarikat.

Kerajaan sudah meningkatkan langkah pencegahan dan saringan COVID-19 di tiga lapangan terbang terbesar - Narita dan Haneda di Tokyo dan Kansai di Osaka - dan sekarang beralih ke New Chitose dekat Sapporo, Chubu berhampiran Nagoya dan lapangan terbang Fukuoka. - ©BERNAMA

## Bintang AC Milan Ibrahimovic dijangkiti COVID-19

**ROM**, 25 Sept. - Penyerang AC Milan, Zlatan Ibrahimovic didapati positif COVID-19 pada Khamis, lapor agensi berita Xinhua.

Berita mengenainya muncul sehari selepas rakan sepasukannya, Leo Duarte, pemain pertahanan dari Brazil, juga diuji positif.

Berikutan itu AC Milan terpaksa beraksi tanpa kelibat dua bintang yang memperoleh gaji paling tinggi.

Kontrak terbaru Ibrahimovic, dilaporkan bernilai EUR7 juta (AS$8.4 juta) untuk membawanya kembali beraksi dengan AC Milan.

Duarte diuji positif selepas menjalani saringan COVID-19 pada Selasa. Menurut peraturan Serie A, pemain yang didapati positif secara automatik perlu melakukan ujian kali kedua.

Dalam catatan media sosial, Ibrahimovic mengatakan beliau tidak menunjukkan gejala dan berjanji untuk memastikan dirinya cepat sembuh.

Dalam satu kenyataan, AC Milan berkata pihak berkuasa kesihatan Itali mengarahkan Ibrahimovic dan Duarte menjalani kuarantin di rumah. Hasil ujian semua pemain dan pegawai lain yang turut menjalani saringan didapati negatif. - ©BERNAMA

## Turki : Wartawan AS ditemukan maut dalam kereta

**ISTANBUL**, 23 Sept. - Wartawan Amerika Syarikat (AS) Andre Vltchek pada Selasa ditemukan maut dalam kereta sewa sejurus tiba di Istanbul, Turki, lapor Agensi Anadolu, memetik sumber keselamatan.

Andre Vltchek didapati tidak sedarkan diri oleh isterinya Rossie Indira Vltchek ketika dalam perjalanan ke sebuah hotel di daerah Karakoy.

Menurut sumber, Indira Vltchek menghubungi petugas perubatan yang kemudian mengesahkan suaminya sudah meninggal dunia.

Pihak berkuasa Istanbul membuka siasatan bagi mengenal pasti punca kematian.

Vltchek, wartawan AS kelahiran Soviet pernah membuat liputan di beberapa zon perang dan konflik termasuk di Iraq, Peru, Sri Lanka, Bosnia, Rwanda, Syria, Congo dan Timur Leste. - ©BERNAMA

## COVID-19 : Mesir catat 121 kes baharu, keseluruhan 102,375

**KAHERAH**, 24 Sept. - Mesir pada Rabu melaporkan 121 jangkitan baharu COVID-19 meningkatkan jumlah kes yang didaftarkan di negara ini meningkat kepada 102,375, lapor agensi berita Xinhua.

Seramai 16 lagi pesakit meninggal dunia dalam tempoh 24 jam lalu menjadikan jumlah kematian 5,822 orang, kata jurucakap Kementerian Kesihatan Khaled Megahed dalam satu kenyataan.

Sementara itu seramai 700 lagi pesakit sembuh dan diizinkan keluar hospital, menjadikan 91,843 orang pulih setakat ini. Kes pertama COVID-19 di Mesir disahkan pada 14 Februari dan korban pertama dilaporkan pada 8 Mac.

Sekitar pertengahan Jun, Mesir menyaksikan lonjakan jangkitan dan kematian harian dengan 97 orang meninggal dunia pada 15 Jun dan 1,774 jangkitan pada 19 Jun, sebelum menurun pada minggu pertama Julai. - ©BERNAMA

## Pegawai Kerajaan Korea Selatan dilaporkan hilang ditembak mati di Korea Utara

**SEOUL**, 24 Sept. - Korea Selatan pada Khamis mengesahkan seorang pegawai yang dilaporkan hilang ditembak mati oleh Korea Utara sebelum membakar mayat mangsa.

Berikutan itu, Korea Selatan mengecam tindakan itu serta menuntut Korea Utara memberikan penjelasan dan menghukum mereka yang bertanggungjawab melakukan perbuatan kejam itu.

Pegawai berusia 47 tahun itu dilaporkan hilang pada Isnin ketika menaiki kapal Kementerian Perikanan dan Laut untuk menjalankan pemeriksaan di sempadan perairan pulau Yeonpyeong, lapor agensi berita Yonhap.

"Korea Utara menjumpai lelaki itu di perairannya dan bertindak kejam dengan menembaknya serta membakar mayat mangsa, menurut analisis menyeluruh tentera selepas menjalankan risikan.

"Tentera kami mengutuk sekeras-kerasnya tindakan kejam itu dan menggesa Korea Utara memberikan penjelasan dan menghukum mereka yang bertanggungjawab," kata Kementerian Pertahanan dalam satu kenyataan.

"Kami juga mengingatkan Korea Utara perlu bertanggungjawab ke atas insiden itu".

Sebelum ini pada Julai 2008 seorang warga Korea Selatan Park Wang-ja maut ditembak di resort gunung Kumgang di Korea Utara ketika mengembara di zon larangan. - ©BERNAMA

## California sekat jualan kenderaan berkuasa petrol menjelang 2035

**WASHINGTON**, 24 Sept. - Gabenor California Gavin Newsom pada Rabu menandatangani perintah eksekutif yang melarang penjualan kenderaan baharu berkuasa petrol di negeri ini pada 2035, lapor agensi berita Anadolu.

Laporan itu menyatakan, menurut perintah berkenaan, pada tahun tersebut, semua kereta baharu dan trak penumpang yang dijual di California diwajibkan terdiri kenderaan tanpa pelepasan asap.

Pejabat gabenor dalam satu kenyataan berkata sektor pengangkutan bertanggungjawab terhadap lebih separuh daripada semua pencemaran karbon di California, 80 peratus pencemaran asap dan 95 peratus pelepasan toksik diesel.

Menyebut langkah itu sebagai "langkah paling berkesan" untuk menangani perubahan iklim, Newsom berkata asap kereta telah mencemarkan udara yang dihidu oleh anak-anak dan keluarga Amerika.

"Penduduk California tidak perlu risau jika kereta kita menyebabkan anak-anak mendapat asma. Kereta kita tidak sepatutnya menjadikan ia lebih teruk - dan menjadikan udara harian dipenuhi asap.

"Kereta tidak boleh menjadi punca yang mencairkan glasier atau meningkatkan paras air laut yang mengancam pantai dan pesisirnya yang kita hargai," katanya dalam kenyataan itu.

Perintah eksekutif itu tidak akan menghalang warga California untuk memiliki kereta berkuasa gas atau menjualnya di pasaran kereta terpakai, kata laporan AA.

Langkah itu dijangka dapat mencapai lebih 35 peratus pengurangan pelepasan gas rumah hijau dan peningkatan 80 peratus dalam pelepasan nitrogen oksida dari kereta di seluruh negara, menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

## Wanita Kanada mengaku tidak bersalah lakukan ancaman terhadap Trump

**TORONTO**, 23 Sept. - Seorang wanita Kanada berusia 53 tahun mengaku tidak bersalah terhadap tuduhan cuba melakukan ancaman terhadap Presiden Donald Trump menerusi sepucuk surat, lapor agensi berita Sputnik.

Pascale Cecile Veronique Ferrier pada Selasa mengatakan beliau tidak berhasrat untuk mengupah peguam dan Hakim Mahkamah Majistret S. Kenneth Schroeder mengarahkan beliau diwakili peguam yang dilantik kerajaan.

Perbicaraan seterusnya ditetapkan pada 28 September kecuali penasihat undang-undang kerajaan dan Ferrier bersetuju pada tarikh alternatif lain.

Ferrier diarah ditahan dengan alasan cubaan melakukan jenayah. Pihak berkuasa AS juga mendakwa Ferrier telah mengirim enam pucuk surat kepada pekerja penjara dan pusat tahanan di Texas.

Dalam surat itu, Ferrier mengatakan Trump umpama "badut hodoh yang zalim" dan tidak mahu melihat beliau menang pada pilihan raya presiden akan datang.

Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) AS juga berjaya mengesan catatan Facebook dan Twitter, mempunyai tanda pagar "#killTrump" yang dikatakan ada kaitan dengan Ferrier.

Pada Sabtu, FBI mengatakan siasatan sedang dijalankan mengenai surat mencurigakan yang ditujukan kepada Trump. Surat itu dikesan pada awal minggu dan dua ujian sudah dilakukan, mengesahkan terdapat racun risin yang berbahaya dan boleh menyebabkan kematian.

Ferrier ditahan di Buffalo, New York pada Ahad, pihak berkuasa turut menemukan senjata api dan pisau.

Membuat ancaman terhadap presiden AS boleh dikenakan hukuman denda dan penjara sehingga lima tahun jika sabit kesalahan. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# Pembunuhan rakyat Korea Selatan, Korea Utara masih membisu

**SEOUL,** 25 Sept. - Korea Utara masih membisu berhubung pembunuhan kejam seorang pegawai perikanan Korea Selatan yang dilaporkan ditembak di kawasan sempadan perairan kedua-dua negara, meskipun Seoul menuntut permohonan maaf.

Pada Khamis, Kementerian Pertahanan Korea Selatan mengesahkan askar Korea Utara menembak mati pegawai berusia 47 tahun itu, sebelum mayat mangsa dibakar, di perairan berhampiran sempadan Laut Kuning, lapor agensi berita Yonhap.

Pendedahan itu mencetuskan kemarahan orang ramai. Presiden Moon Jae-in terkejut dengan kejadian berkenaan dan ia perbuatan yang tidak boleh diterima walau dengan apa alasan sekalipun.

Pejabat Presiden menuntut Korea Utara mengemukakan permohonan maaf dan menghukum mereka yang bertanggungjawab.

Namun, sehingga Jumaat, media Korea Utara, termasuk Rodong Sinmun dan Agensi Berita Pusat Korea masih terus berdiam berhubung kejadian itu.

Tidak dapat dipastikan sama ada Korea Utara akan memberikan reaksi kali ini, memandangkan hubungan kedua-dua negara terhenti sejak sidang kemuncak antara pemimpin Korea Utara Kim Jong-un dan Presiden Donald Trump awal tahun lalu tidak mencapai sebarang kesepakatan.

Hubungan kedua-dua negara bertambah meruncing baru-baru ini, selepas Korea Utara mengebom pejabat perhubungan di bandar sempadan Kaesong.

Sebelum ini, pada Julai 2008 seorang warga Korea Selatan Park Wang-ja maut ditembak di resort gunung Kumgang di Korea Utara ketika mengembara di zon larangan.

Ketika itu, Korea Utara bertindak pantas mengeluarkan kenyataan sehari selepas kejadian dan menyatakan kesal dengan insiden berkenaan. - ©BERNAMA

# Presiden Moon ikrar bertindak tegas terhadap tindakan mengancam nyawa, keselamatan rakyat

**SEOUL,** 25 Sept. - Presiden Moon Jae-in pada Jumaat memberi jaminan kerajaannya akan bertindak tegas untuk menangani setiap tindakan yang mengancam nyawa dan keselamatan rakyat Korea Selatan, lapor agensi berita Yonhap.

Beliau berucap pada majlis sambutan Hari Angkatan Tentera ke-72 di markas Komando Perang Khas di Icheon, wilayah Gyeonggi, susulan laporan mengatakan Korea Utara menembak mati seorang pegawai kerajaan Korea Selatan dan membakar mayat mangsa.

Moon menekankan Korea Selatan akan meningkatkan tahap keselamatan dan pertahanannya.

"(Saya) berjanji kerajaan dan tentera akan bertindak tegas terhadap setiap tindakan yang mengancam nyawa dan keselamatan rakyat," kata presiden dalam ucapannya yang disiarkan stesen televisyen.

Tambah beliau Korea Selatan boleh "menjaga dan mewujudkan perdamaian" dengan keupayaan pertahanan yang kuat dengan cara sendiri dan tidak dapat diatasi oleh mana-mana pihak.

Dalam ucapannya selama 15 minit itu, Moon sering mengungkapkan perkataan "damai", tanpa menyebut mengenai Korea Utara.

Pada Khamis, Kementerian Pertahanan Korea Selatan mengatakan seorang penjawat awam berusia 47 tahun yang bertugas dengan Kementerian Hal Ehwal Maritim dan Perikanan ditembak mati oleh pihak Korea Utara. Mayat mangsa kemudian dibakar berikutan kebimbangan terhadap jangkitan COVID-19.

Berikutan itu, Moon mengeluarkan kenyataan mengatakan kejadian itu amat mengejutkan dan ia perbuatan yang tidak boleh diterima walau dengan apa alasan sekalipun.

Beliau mendesak Pyongyang mengambil tindakan terhadap mereka yang "bertanggungjawab". - ©BERNAMA

# Laluan Rel Hanoi-Da Nang tersenarai 10 terbaik perjalanan kereta api

**HANOI,** 23 Sept. - Laluan kereta api yang menghubungkan Hanoi dan pusat bandar Da Nang, kendalian Vietnam Reunification Express, baru-baru ini disenaraikan antara 10 perjalanan kereta api terbaik di dunia oleh Conde Nast Traveller - sebuah majalah pengembaraan berprestij.

Senarai itu dibuat oleh wartawan Britain dan penulis kembara, Monisha Rajesh berdasarkan bukunya 'Around the World in 80 Trains: A 45,000-Mile Adventure,' lapor agensi berita Vietnam (VNA).

Menurut penulis, bermula di Hanoi, Reunification Express melintasi sepanjang negara hingga ke Bandar Ho Chi Minh di selatan, dengan segmen terbaik adalah pada separuh pertama perjalanan ke Da Nang.

Merentasi jauh ke ibu kota, perjalanan kereta api ini menawarkan pemandangan yang membuatkan penumpang sangat teruja kerana ia melintasi belakang rumah penduduk ketika keluarga bersantai pada malam hari, sebelum muncul di bawah sinar matahari yang indah keesokan harinya, catatnya.

Menyusuri perjalanan berbatu-batu jauh ke dalam hutan, disentuh helaian daun-daun pisang pada tingkap, kereta api itu hanya berjarak beberapa inci sahaja daripada dinding rumah dan kebun penduduk kampung, begitu hampir sehingga penumpang boleh bertentang mata dan melambai mereka.

Pada laluan terakhir, kereta api itu melengkung di puncak tebing yang menghadap ke laut sehingga kelihatan pasir pantai yang keemasan di sepanjang Teluk Lang Co, sebelum ia berakhir di Stesen Da Nang.

Perjalanan kereta api lain di Asia juga tersenarai, termasuk laluan Tokyo ke Osaka, Jepun, oleh Tokaido Shinkansen; Ulaanbaatar dari Mongolia ke Beijing, kendalian Trans-Mongolian Express; Bangkok ke Nam Tok oleh Thailand's Death Railway; Xining ke Lhasa, China, dengan Qinghai-Tibet Railway; dan Mumbai ke Madgaon, India, oleh Mondovi Express. - ©BERNAMA

# Hanya penyelesaian dua negara untuk capai keamanan - Raja Jordan

**AMMAN,** 23 Sept. - Raja Jordan, Raja Abdullah II pada Selasa berkata penyelesaian dua negara adalah satu-satunya cara untuk mengakhiri konflik antara Palestin dan Israel.

"Konflik Palestin-Israel adalah satu-satunya konflik yang dimulakan dengan penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan masih berlanjutan hingga ke hari ini," Agensi Anadolu (AA) memetik ucapan Abdullah ketika berucap pada sesi Perhimpunan Agung PBB ke-75.

"Satu-satunya jalan menuju perdamaian yang adil dan kekal adalah dengan menubuhkan negara Palestin yang berdaulat dan bebas berdasarkan sempadan 4 Jun 1967 dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu negara serta hidup dalam keamanan dan kedamaian di samping Israel," katanya.

Raja Abdullah juga menyatakan pengakhiran konflik tidak akan berlaku tanpa mengekalkan Baitulmaqdis sebagai bandar keamanan bagi seluruh umat manusia.

Mesyuarat Perhimpunan Agung PBB ke-75 bermula 15 September dan dijadualkan berakhir pada 29 September. - ©BERNAMA

# Trump umum calon hakim mahkamah agung pada Sabtu

**WASHINGTON,** 23 Sept. - Presiden Donald Trump pada Selasa berkata beliau akan mengumumkan calon hakim Mahkamah Agung pada Sabtu di Rumah Putih, lapor agensi berita Xinhua. Masa majlis pengumuman itu akan dimaklumkan kemudian, tulis Trump di Twitternya.

Trump sedang mempertimbangkan lima calon wanita untuk mengisi kekosongan berikutan kematian hakim Ruth Bader Ginsburg. Katanya, beliau mahu melihat Senat mengundi calon itu sebelum pilihan raya presiden pada 3 November, langkah yang bertujuan untuk mengukuhkan majoriti konservatif 6-3 di mahkamah tinggi dan memberi semangat kepada penyokongnya.

Hakim Amy Coney Barrett, Barbara Lagoa dan Allison Jones Rushing dikatakan antara yang berada dalam senarai pendek Trump. Ginsburg meninggal dunia pada minggu lalu pada usia 87 tahun akibat kanser pankreas.

Terkenal sebagai seorang yang memperjuangkan hak wanita dan ikon liberal, Ginsburg dilantik ke mahkamah tinggi oleh Presiden Bill Clinton pada 1993. Beliau wanita kedua yang dilantik menjawat jawatan itu dan berkhidmat lebih 27 tahun. - ©BERNAMA

# India, China setuju tidak hantar lebih ramai tentera di sempadan

**NEW DELHI,** 23 Sept. - India dan China sepakat untuk tidak menghantar lebih banyak anggota tentera sebagai usaha mengurangkan ketegangan di kawasan sempadan yang menjadi pertikaian.

Terdahulu, kedua-dua pihak pada Isnin mengadakan pertemuan peringkat komander tentera untuk membincangkan kaedah mengurangkan ketegangan di sepanjang Garis Kawalan Sebenar (LAC).

Kedua-dua negara turut bersetuju "memperkukuh komunikasi untuk mengatasi prasangka dan salah faham, berhenti menghantar lebih banyak pasukan tentera di barisan hadapan dan mengelak mengambil tindakan secara sepihak," kata Kementerian Luar India dalam satu kenyataan pada Selasa.

Pertikaian sempadan di wilayah Ladakh memuncak selepas pertempuran pada 15 Jun menyaksikan sekurang-kurangnya 20 orang tentera India terbunuh dan puluhan lagi cedera.

Berikutan itu, kedua-dua pihak mengerahkan ribuan pasukan di kawasan sempadan berkenaan sehingga menimbulkan risiko konflik baharu ketenteraan. - ©BERNAMA

# Gempa bermagnitud 4.8 landa Tenggara Taiwan

**TAIPEI,** 23 Sept. - Gempa bumi 4.8 pada skala Richter menggegar tenggara Taiwan pada 12.00 tengah malam, Rabu, menurut Biro Cuaca Pusat (CNA).

Tiada laporan mengenai kerosakan atau kecederaan setakat ini, lapor Agensi Berita Pusat (CNA).

Pusat gempa terletak di laut, kira-kira 71.7 kilometer di timur laut Taitung County Hall, pada kedalaman 31.9 kilometer. - ©BERNAMA

Pelita BRUNEI

# Sukan

## INFO SUKAN

FRISBEE merupakan sukan yang dimainkan dengan cakera terbang oleh dua kumpulan, iaitu tujuh pemain bagi setiap kumpulan.

Permainan dimulakan dengan cakera dibaling oleh kapten kumpulan ke arah ahli kumpulannya, di mana kumpulan lawan cuba merebut frisbee itu untuk dibaling ke arah gol yang ditetapkan.

ePaper Pelita Brunei

# HSN Fitness hargai jasa guru

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BAGI mengenang dan menghargai jasa-jasa guru, HSN Fitness menganjurkan 'Tabata Workout' secara percuma buat kali kedua pada tahun ini untuk insan-insan yang bergelar guru yang diadakan di kawasan Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 24 September. - Tarikh 23 September setiap tahun merupakan hari yang amat bermakna bagi setiap warga guru di negara ini, tidak kiralah, sama ada mereka ini masih berkhidmat sebagai pendidik atau yang sudah menamatkan perkhidmatan mereka, mereka tetap insan yang bergelar guru sampai bila-bila.

Bagi mengenang dan menghargai jasa-jasa guru ini, HSN Fitness menganjurkan 'Tabata Workout' secara percuma buat kali kedua pada tahun ini untuk insan-insan yang bergelar guru yang diadakan di kawasan Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Sambutan yang amat menggalakkan itu dihadiri oleh guru-guru pelbagai peringkat di negara ini bersama peserta Program Kumpulan Kecergasan (Group Fitness Program) HSN Fitness, di mana jelas kelihatan pada wajah-wajah mereka keceriaan dan kegembiraan dapat berpeluang untuk menyertai sesi *workout* tersebut, selain berpeluang untuk mengenali rakan-rakan pendidik daripada pelbagai peringkat institusi yang lain, di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan mereka.

Menurut Dayang Siti Nurishah binti Haji Mohammad, salah seorang pelatih dari HSN Fitness dalam temu bualnya bersama Pelita Brunei, seperti yang dimaklumi tugas seorang guru amat mencabar mental juga fizikal dan mereka ini sentiasa menjalani gaya hidup yang sibuk.

Justeru tambahnya, bagi mempromosikan gaya hidup sihat dan memberikan semangat dorongan kepada para guru ini, HSN Fitness menganjurkan sesi latihan kesihatan secara percuma bagi golongan pendidik ini sebagai salah satu cara untuk menghargai pengorbanan dan jasa mereka juga bagi sama-sama saling mendorong ke arah kehidupan yang sihat.

"Pada sesi latihan kali ini, kami akan melakukan senaman Tabata, kombinasi latihan dan gerakan yang menyeronokkan, di mana sesi latihan kali ini akan diketuai oleh Ketua Jurulatih kami, Awang Haji Hasnani @ Haji Naning bin Haji Abd. Rahman berserta empat pelatih lain yang akan turut memantau kesemua peserta," jelas beliau lagi.

Bagi warga di Daerah Belait pula, HSN Fitness turut menganjurkan 'Tabata Thursday', di kawasan balkoni Brunei Shell Recreation Club (BSRC), di mana penyertaan adalah percuma bagi warga guru, Ahli-ahli BSRC dan skuad HSN Fitness, di daerah berkenaan, di mana bayaran penyertaan sebanyak BND5 pula adalah bagi yang bukan ahli.

Dalam masa yang sama, 10 peratus daripada hasil bayaran penyertaan tersebut itu nanti akan disumbangkan ke Pusat SMARTER BRUNEI.

Namun dalam keadaan negara dan dunia masih dibelenggu dengan wabak COVID-19 ini, adalah diingatkan dan disarankan kepada para peserta untuk sentiasa mematuhi arahan-arahan garis pandu yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, antaranya dengan mematuhi arahan penjarakan sosial, mengimbas Kod QR juga membawa sendiri keperluan untuk sesi latihan, seperti tuala, air minum dan *exercise mat* masing-masing.

# Kerajaan Brazil mungkin benarkan peminat datang stadium

**RIO DE JANEIRO**, 23 Sept. - Peminat bola sepak Brazil tidak lama lagi kemungkinan berpeluang datang ke stadium untuk menyaksikan perlawanan, memetik Kementerian Kesihatan pada Selasa, lapor agensi berita Xinhua.

Dalam satu kenyataan, kementerian itu berkata pihaknya bersetuju dengan cadangan membenarkan stadium beroperasi semula dengan kapasiti penonton sehingga 30 peratus. "Kebenaran itu mesti dilakukan dengan protokol kesihatan untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan semua," kata kementerian.

Pengendali stadium dan pihak berkuasa tempatan akan memutuskan protokol yang bakal digunakan, tambah kenyataan itu. Bila tarikh sebenar kebenaran itu akan dilaksanakan masih belum ditentukan tetapi laporan media mengatakan Gabungan Bola Sepak Brazil (CBF) akan membincangkan keputusan itu dengan kelab-kelab bola sepak sebelum meneruskan rancangan itu.

Langkah itu juga memerlukan persetujuan pihak berkuasa negeri dan perbandaran masing-masing. Beberapa buah kelab dan pentadbiran daerah tidak bersetuju dengan cadangan berkenaan kerana ia boleh meningkatkan lagi risiko penularan wabak COVID-19. Brazil mempunyai jumlah kematian kedua tertinggi di dunia di belakang Amerika Syarikat. Sejak pertengahan Mac, peminat dilarang memasuki stadium, semua perlawanan bola sepak turut ditangguhkan. - ©BERNAMA

## Tahukah Awda

**MAJLIS** Perasmian Persatuan Bahasa Arab telah diadakan di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok. Penubuhan Persatuan Bahasa Arab dihasratkan akan mengukuhkan sahsiah bangsa Negara Zikir dengan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan menguasai bahasa Al-Quran sebagai bahasa ibadah dan budaya umat Islam sejagat.

Majlis Perasmian Persatuan Bahasa Arab juga diselajurkan dengan pelancaran laman media sosial Facebook dan Instagram Persatuan Bahasa Arab.

**SUMBER :** Pelita Brunei, Rabu, 2 September 2020.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

**GURU PELITA, PENYULUH KEHIDUPAN, HORMATI, SAYANGI GURU**

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam